

KONSEP SABAR TERHADAP UJIAN ALLAH: KAJIAN DALAM
KALANGAN RAKAN JALANAN JALAN HANG LEKIU,
KUALA LUMPUR

SITI SARAH BINTI ALI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

**KONSEP SABAR TERHADAP UJIAN ALLAH: KAJIAN
DALAM KALANGAN RAKAN JALANAN JALAN
HANG LEKIU, KUALA LUMPUR**

SITI SARAH BINTI ALI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

KONSEP SABAR TERHADAP UJIAN ALLAH: KAJIAN DALAM KALANGAN RAKAN JALANAN JALAN HANG LEKIU, KUALA LUMPUR

ABSTRAK

Disertasi ini merupakan sebuah kajian yang dijalankan bagi meneliti isu kefahaman konsep sabar terhadap ujian Allah SWT dalam kalangan rakan jalanan Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Kehidupan sebagai seorang manusia tidak akan terlepas daripada ujian Allah SWT. Oleh kerana itu, setiap individu Muslim perlu memiliki persediaan dari sudut ilmu keagamaan yang kuat khususnya kefahaman terhadap konsep sabar untuk menghadapi segala ujian supaya dirinya tidak menyalahkan Allah SWT sama ada ia merupakan ujian yang kecil mahupun besar. Cara seseorang menguruskan diri dalam menghadapi ujian tersebut akan menentukan peribadinya di hadapan Allah SWT. Kajian ini mempunyai beberapa objektif, iaitu: mengkaji konsep ujian menurut Islam dan bentuk ujian yang dihadapi oleh rakan jalanan, mengkaji konsep sabar menurut Islam dan kepentingannya kepada rakan jalanan dan menganalisis kefahaman rakan jalanan Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur terhadap sifat sabar dalam menghadapi ujian Allah SWT. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi, observasi dan temu bual bagi mengumpul data dan maklumat yang berkaitan serta menggunakan jadual pengkodan untuk menganalisisnya. Hasil kajian mendapati bahawa setiap manusia pasti ditimpa ujian termasuklah golongan rakan jalanan yang diuji dengan kelaparan, ketiadaan tempat tinggal dan layanan buruk daripada insan sekeliling. Kajian juga mendapati bahawa rakan jalanan menghayati sifat sabar dalam menghadapi ujian yang hadir dalam hidup mereka. Dengan menghayati sifat sabar, seseorang Muslim mampu untuk menghadapi ujian dengan sebaiknya.

CONCEPT OF PATIENT TO FACE ALLAH'S TEST: A STUDY AMONG THE STREET PARTNERS ON JALAN HANG LEKIU, KUALA LUMPUR

ABSTRACT

This dissertation is a research that has been work to investigate issues of understanding the concept of patience to face Allah SWT's test among the street partners on Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Life as a human being, we cannot escaped from Allah SWT's test. Therefore, every Muslim individual needs to be prepared from the point of strong religious knowledge especially the understanding the concept of patience to face all the challenges so as not to blame Allah SWT either it is small or big test. The way a person manages himself in the face of the test will determine his personality in the presence of Allah SWT. This research is conducted on several objectives, that is: to study the concept of test according to Islam and the type of tests that street partners faced, to examine the concept of patient according to Islam and its important for the street partners and to analyze the understanding of street partners on Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur with patience in facing the test of Allah SWT. This qualitative study uses documentation, observation and interview methods for collecting relevant data and information and coding table to analyze it. The results of the study found that every human being was constantly tested and did not miss out on street partners as well as in the tests of hunger, lack of places and poor service from the surrounding people. This study found that street partners can live up to their patience in the face of the tests that are present in their lives. With a sense of patience, a Muslim is able to cope with the test as well.

PENGHARGAAN

Sujud syukurku padaMu Ilahi,
Atas limpahan kasih sayang yang hakiki dan sejati,
Selawat dan salam buat Rasulullah, kekasih yang dirindui,
Tubuh yang berjuang hingga Islam menjadi agamaku kini.

Sekalung penghargaan ingin kuhadiah,
Buat penyelia yang sentiasa membimbing dengan hikmah dan teliti,
Moga Dr. Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman sentiasa Allah rahmati.
Begitu juga buat Puan Noor Afisha Abdul Aziz yang sangat berbakti,
Moga sentiasa Allah kasih.

Buat ayahanda Ali Jaafar yang sentiasa membekalkan bicara positif dan murni,
Juga bonda Zaiton Bujang@Aminollah yang sangat prihatin dan sentiasa berada di sisi,
Kakanda Qusyairi, Huzaifi dan Hanani,
Doa dan dorongan kalian sentiasa kujadikan penguat hati nurani.

Kaum keluarga yang sering bertanya khabar bersama doa yang diiringi,
Puan Hajah Norazimah yang memberi galakan dan ruang untukku selesaikan studi,
Juga yang membuka ruang fikiranku, Ustaz Ahmad Husni,
Rakan seperjuangan, rakan sekerja dan para pelajar yang mendoakanku tanpa henti,
Para kenalan yang mengirim doa sama ada yang kuketahui atau tidak diketahui,
Kuserahkan kalian yang disayangi kepada Ilahi Rabbi.

Sungguh diriku hanya hambaNya yang faqir dan kerdil yang perlu dirahmati,
Tiada daya dan kudrat untuk setiap jasa bakti kubalasi,
Moga setiap satu kebaikan kalian Allah ganjari dengan yang lebih baik dan bererti,
Serta kalian sentiasa diredhai Allah hingga di akhir usia lantas dihadiah syurga Firdausi.

Terimalah sedikit buah tangan ini,
Moga ia menjadi pembekal motivasi dan inspirasi,
Membimbing sehingga saat akhir menghadap Ilahi.

SITI SARAH BINTI ALI

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
TRANSLITERASI	viii
SENARAI KEPENDEKAN	x
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Masalah	1
1.2 Penyataan Masalah	6
1.3 Persoalan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Definisi Tajuk	11
1.6 Skop dan Batasan Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	14
1.8 Ulasan Kajian Lepas	15
1.9 Metodologi Kajian	25
1.10 Susunan Penulisan	31
BAB 2: KONSEP UJIAN MENURUT ISLAM DAN BENTUK UJIAN YANG DIHADAPI OLEH RAKAN JALANAN	34
2.0 Pengenalan	34
2.1 Definisi Ujian	36
2.2 Dalil-dalil Tentang Ujian	40

2.3	Bentuk-bentuk Ujian	45
2.4	Kisah-kisah Ujian untuk Dijadikan Pengajaran	50
2.5	Bentuk Ujian Yang Dihadapi Oleh Rakan Jalan	59
2.6	Kesimpulan	65
BAB 3: KONSEP SABAR TERHADAP UJIAN ALLAH DAN KEPENTINGANNYA KEPADA RAKAN JALANAN		66
3.0	Pengenalan	66
3.1	Konsep Sabar dalam Islam	66
3.1.1	Definisi Sabar	67
3.1.2	Dalil Berkaitan dengan Sabar	70
3.1.3	Bahagian-bahagian Sabar	74
3.1.4	Hakikat Sabar	84
3.1.5	Adab-adab Sabar	86
3.1.6	Peribadi-peribadi Sabar dalam al-Quran	90
3.2	Kepentingan Sifat Sabar kepada Rakan Jalan	98
3.3	Kesimpulan	99
BAB 4: ANALISIS KEFAHAMAN RAKAN JALANAN HANG LEKIU, KUALA LUMPUR TENTANG KONSEP SABAR TERHADAP UJIAN ALLAH SWT		101
4.0	Pengenalan	101
4.1	Analisis Data Kualitatif	101
4.2	Maklumat Responden	102
4.3	Hasil Dapatan Kajian	104
4.4	Kesimpulan	123
BAB 5: RUMUSAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN		125
5.0	Pengenalan	125

5.1	Rumusan	126
5.2	Implikasi Kajian	133
5.3	Saranan Kajian	136
5.4	Masalah Kajian	137
5.5	Kesimpulan	138
BIBLIOGRAFI		140

Universiti Malaya

TRANSLITERASI

I. KONSONAN

ARAB	ROMAN	ARAB	ROMAN
ا	A	ط	t
ب	B	ظ	z
ت	T	ع	'
ث	Th	غ	gh
ج	J	ف	p
ح	H	ق	q
خ	Kh	ك	k
د	D	ل	l
ذ	Dh	م	m
ر	R	ن	n
ز	Z	و	w
س	S	ه	h
ش	Sh	ي	y
ص	Ş		
ض	Ḍ		

II. VOKAL PENDEK

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ	a	قَنَّتَ	Qanata
اِ	i	سَلِمَ	Salima
اُ	u	جُعِلَ	Ju'ila

III. VOKAL PANJANG

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اِيْ	ā	كُبْرَى	Kubrā
يِ	ī	وَكِيْل	Wakīl
وِ	ū	صُعْرَى	Sughrā

IV. DIFTONG

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوْ	aw	قَوْلٌ	qawl
اَيُّ	ay	خَيْرٌ	Khayr
اُوْ	uww	قُوَّةٌ	quwwah
اَيِّ	iy, ī	عَرَبِيٌّ	'Arabiyy/ī

SENARAI KEPENDEKAN

Ibid	Ibidem, pada tempat yang sama (Bahasa Latin), rujukan sama seperti sebelumnya.
SAW	Sallallahu ‘alaihi wasallam
SWT	Subhanahu wa Ta‘ala
No.	Nombor hadith
terj.	Terjemahan oleh
RA	Radiyallahu ‘anhu
et al.	Et alibi: Bagi mengambil tempat menulis lain sekiranya buku berkenaan dihasilkan oleh lebih dari empat pengarang.
t.t	Tanpa tahun
t.p	Tanpa penerbit
t.tp.	Tanpa tempat penerbitan
Ibn	Ibnu
H	Hijrah
Cet.	Cetakan
Dr.	Doktor
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sabar merupakan sifat yang sering disebut oleh Allah SWT di dalam al-Quran yang mulia. Ia adalah elemen penting yang lazim dimiliki dan diaplikasikan oleh setiap individu Muslim. Dengan memiliki sifat yang mulia ini, seseorang Muslim akan menjadi lebih yakin dengan setiap perkara yang disusun oleh Allah SWT kepada dirinya. Sifat sabar secara umumnya merupakan sifat yang merangkumi kebanyakan akhlak seseorang Muslim. Dengan sifat ini, seseorang Muslim mampu untuk menanam sifat syukur, tawakal, reda dan ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara. Sabar membawa maksud menahan jiwa daripada sebarang kerisauan dan kebimbangan, menahan lisan daripada mengadu domba dan menahan tubuh badan daripada melakukan sifat tercela.¹

‘Abd al-Qādir al-Jīlānī ada merakamkan sebuah nasihat dan ingatan tentang sabar. Beliau menyatakan bahawa setiap manusia perlu memegang dan menggenggam dunia dengan tangan syariat. Ini adalah kerana tangan yang tidak diiringi dengan agama Allah akan binasa dan tenggelam dalam lautan dunia. Setiap manusia perlu bersabar dengan ujian dan permainan dunia agar terselamat ketika berada di negeri akhirat.²

1.1 Latar Belakang Masalah

Ibn Qudāmah dalam bukunya yang berjudul “*Minhāj al-Qāsidīn*” telah mencantumkan perbincangan sabar dan syukur dalam satu bab yang sama. Beliau menyatakan bahawa dalam bersabar, seseorang itu perlu melakukan beberapa adab yang digariskan oleh Islam. Antaranya adalah dengan melahirkan sifat berharap kepada Allah

¹ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, ‘*Uddat al-Ṣābirīn wa Dhakhīrat al-Syākirīn* (Lubnan: Dār ‘Ālim al-Fawāid, 2008), 1.

² ‘Abd al-Qadir al-Jilani, *Percikan Cahaya Ilahi*, terj. Arief B Iskandar (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2001), 54.

SWT.³ Ini adalah kerana kesabaran yang tidak diiringi dengan sifat pengharapan kepada Allah SWT akan menjadikan seseorang itu berputus asa dengan rahmat Allah SWT dan berfikiran negatif. Ibn Qudāmah juga menyatakan bahawa ketika bersabar seseorang itu perlulah menenangkan anggota tubuh badan dan lidah serta berusaha untuk menangis bagi menginsafi ujian yang sedang dihadapi. Adab ini akan membuatkan seseorang itu lebih terjaga daripada mengeluh dan melatah ketika didatangkan ujian kepadanya. Daripada hasil penulisan Ibn Qudāmah ini, dapat diketahui bahawa sifat sabar juga perlu diiringi dengan adab-adab yang baik bagi memanifestasikan sifat ini dalam kehidupan seharian dan bukan hanya menjadi bualan yang meniti di bibir kita sendiri.

Untuk memiliki jiwa yang sabar, seseorang itu lazimnya perlu memahami dan mempraktikkan sifat ini dalam kehidupan sehariannya. Setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan seseorang Muslim itu perlu diterima dan dihadapi dengan baik, mempercayai bahawa segenap kehidupannya adalah di bawah aturan Allah SWT serta jiwanya berlapang dada dengan ketentuan Allah SWT. Maka apabila tiba masanya untuk menghadap Ilahi, jiwanya akan tenang dan aman menerima ketentuan terakhir dalam hikayat hidupnya di dunia yang fana ini.

Sifat sabar amat diperlukan apabila seseorang itu diselubungi dengan perkara-perkara yang membebankan jiwanya. Ia tidak kira sama ada ujian yang datang kepadanya adalah berkaitan dengan kemiskinan, kelaparan, kehilangan tempat tinggal, kematian orang terdekat atau jenis-jenis ujian yang lain. Di samping itu, sifat ini juga diperlukan dalam sudut-sudut kehidupan yang lain seperti dalam melaksanakan perintah Allah SWT, melawan godaan syaitan dan nafsu serta menjalankan kerja-kerja dakwah.

³ Ibn Qudamah, *Jalan Orang-Orang Yang Mendapat Petunjuk*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 348.

Orang yang sabar merupakan orang yang reda dengan dugaan kehidupan yang diberikan oleh Allah SWT. Ia ibarat seorang pesakit yang reda menyerahkan dirinya kepada seorang doktor. Ia dapat dilihat contohnya seperti seorang pesakit yang perlu menjalani pembedahan pada tubuhnya. Walaupun pesakit tersebut mengetahui bahawa dirinya akan berhadapan dengan kesakitan, tetapi disebabkan keyakinannya kepada seorang doktor yang pakar dan berkebolehan, maka dia menyerahkan dirinya kepada doktor tersebut. Begitulah juga yang sepatutnya dijalani oleh individu-individu Muslim. Penyerahan diri kepada Allah SWT itu sangat tinggi keperluannya dalam melayari bahtera kehidupan. Walau besar mana pun dugaan yang menerpa, tetapi keyakinan dan keteguhan jiwa itu perlu wujud pada setiap daripada kita. Maka, hasilnya diri insani akan terdorong melakukan perkara-perkara yang disukai Allah SWT dan tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang agama.

Sabar tidak akan wujud melainkan seseorang itu mempunyai kekuatan hati dan kekuatan keyakinan. Ramai orang yang yakin tetapi hatinya tidak tenang. Ini adalah kerana kerapuhan hati dan jiwanya pada Allah SWT. Selagi mana seseorang itu meyakini bahawa Allah SWT merupakan satu-satunya Penguasa di dunia ini, meyakini bahawa Allah yang menyusun atur kehidupannya, memberikan kekayaan dan kemiskinan, memberikan kekenyangan dan kelaparan, memberikan kesibukan dan kelapangan, memberikan kegembiraan dan kesedihan, maka keyakinan itu yang membantu dirinya untuk sentiasa menyerahkan segala urusannya kepada Yang Maha Esa. Keyakinan ini jugalah yang membantu dirinya untuk memiliki ketenangan dalam perjalanan kehidupannya di dunia ini. Ini adalah kerana permainan dan perhiasan dunia ini hanyalah sebuah penyakit, dan setiap penyakit mempunyai penawarnya. Maka, sifat sabar merupakan penawar yang mujarab bagi

menyelesaikan penyakit dan permasalahan yang dihadapi sepanjang hidup di atas muka bumi ini.⁴

Sabar sangat perlu untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Sekiranya tidak dilakukan oleh seseorang Muslim, maka ilmunya tentang sifat sabar ini ibarat pokok yang tiada buahnya. Sebaliknya sekiranya ia diamalkan, individu Muslim akan merasai kemanisan dan kelazatan sifat sabar yang sering dijanjikan dengan ganjaran yang amat istimewa daripada Allah SWT.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Al-‘Ankabūt 29:2

Terjemahan: Dialah yang menciptakan mati dan hidup untuk menguji kamu siapa di antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan Dia Maha Perkasa Maha Pengampun.

Berdasarkan ayat ini, umat Islam mengakui dan meyakini bahawa ujian merupakan resam dan adat dalam kehidupan di dunia yang sementara ini. Allah SWT telah menjadikan dunia ini sebagai tempat ujian. Justeru, manusia akan sentiasa diuji oleh Allah SWT. Lalu setiap individu tidak terlepas daripada mana-mana ujian daripada yang Maha Esa. Ujian hadir tidak mengira usia dan bangsa, ia datang dalam pelbagai bentuk dan cara. Terkadang ia meresahkan jiwa, mengganggu emosi, melemahkan semangat, malah ada sebahagian manusia yang berputus asa daripada rahmat Allah SWT apabila ditimpa sesuatu ujian. Maka dalam keadaan dan situasi ini, seseorang individu itu amat memerlukan sifat sabar yang tinggi bagi mendepani dan menghadapi ujian yang dihadirkan oleh Allah SWT dalam kehidupannya. Sifat ini merupakan satu keistimewaan yang membezakan antara manusia

⁴ Ibn Qudāmah, *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāṣidīn* (Dimasyq, Dār al-Faiḥā’, 2004), 319.

dengan haiwan dan malaikat. Haiwan tidak memiliki sifat sabar kerana kekurangannya dan malaikat tidak memiliki sifat ini kerana kesempurnaannya.⁵ Maka, seorang manusia yang berusaha untuk bersabar dengan ujian yang hadir hakikatnya sedang membangunkan agama dalam dirinya dan ia menjadikan dirinya lebih istimewa berbanding sekalian manusia yang lain.⁶ Lalu ia secara tidak langsung akan menjadikan dirinya terus berusaha bagi mengeluarkannya daripada kesusahan hidup yang dilalui lantas menyerahkan segala ketentuan kepada Yang Maha Berkuasa.

Maka sifat sabar yang sangat mulia ini sangat penting untuk diaplikasikan apabila datangnya ujian daripada Allah SWT. Ini adalah kerana sesuatu dugaan atau ujian mampu menjadikan seseorang itu bermusuhan dengan Allah SWT. Kepercayaan dan keyakinannya kepada Allah sedikit demi sedikit mampu hilang kerana merasakan bahawa Allah sedang menzalimi dirinya. Ini adalah kerana manusia itu apabila dia dalam kesusahan dia akan menyalahkan Tuhannya tetapi apabila dia senang maka dia akan menjadi Tuhan.⁷ Oleh itu, sebagai seorang Islam, kita perlulah sentiasa berusaha untuk bersabar dalam pelbagai situasi agar tidak tergelincir daripada jalan Islam.

Melalui pengamatan dan pemerhatian pengkaji terhadap golongan rakan jalanan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, pengkaji mendapati golongan ini mempunyai permasalahan dalam menghadapi ujian dan dugaan kehidupan yang diberikan oleh Allah SWT.⁸ Pengkaji melihat perkara ini amat berhubung kait dengan pegangan akidah dan keyakinan mereka terhadap konsep sabar terhadap ujian Allah SWT. Ia menarik pengkaji

⁵ *Ibid*, 313.

⁶ *Ibid*.

⁷ Mohammad Qayyum A. Badruddin, *Kenapa Allah Murka* (Mantin: Exportal Dot Biz, 2008), vi.

⁸ Hal ini diakui oleh Rafiza Mohamed dalam kajiannya tentang rakan jalanan. Lihat Rafiza Mohamed, *Gelandangan: Antara Tret Personaliti dan Religiositi* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2015), 4.

untuk menyelidik dan merungkaikan permasalahan ini dengan lebih mendalam dan terperinci.

Permasalahan yang dapat diamati oleh pengkaji selepas beberapa kali mengadakan perbualan santai pada awal penyelidikan bersama beberapa orang rakan jalanan adalah ia merupakan permasalahan yang berkaitan dengan kefahaman dan pegangan akidah individu Muslim. Ia bukan hanya tentang masalah ketiadaan tempat tinggal, ketiadaan makanan dan minuman, kepayahan mendapatkan peluang pekerjaan⁹ malah kesusahan yang dirasakan oleh mereka menyebabkan pegangan akidah Islamiyah menjadi rapuh atas keperitan yang dilalui. Maka, perkara ini mendorong pengkaji untuk menyelidiki tentang konsep sabar terhadap ujian Allah SWT dalam kalangan golongan rakan jalanan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

1.2 Penyataan Masalah

Kehidupan seseorang Islam lazimnya dipenuhi dengan pelbagai bentuk ujian daripada Allah SWT. Sunnatullah ini bukan hanya khusus kepada umat manusia pada zaman ini, malah ia telah dialami dan dirasakan oleh seluruh umat yang telah mendahului generasi kini. Ia jelas sebagaimana yang disebutkan Allah SWT di dalam al-Quran yang agung iaitu pada ayat berikut:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾

Al-‘Ankabūt 29:2

Terjemahan: Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan mengatakan kami telah beriman, sedang mereka belum diuji?

Terdapat juga hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, Rasulullah SAW bersabda:

⁹ *Ibid.*

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُصِيبْ مِنْهُ¹⁰

Terjemahan: Barang siapa yang Allah SWT menghendaki kebaikan pada dirinya, maka Dia akan menimpakan bencana kepadanya.

Daripada dua dalil ini kita mengakui satu hakikat bahawa ujian Allah SWT pasti ada pada setiap umat manusia tetapi mungkin ia berbeza-beza corak dan situasinya. Sebahagiannya ada yang diuji dengan kelaparan, kemiskinan, kekayaan, kesenangan, kesedihan dan sebagainya.

Maka, disebabkan ujian kehidupan merupakan suatu perkara yang sangat rapat dan sering menjengah dalam kehidupan umat Islam, tidak boleh tidak ia perlu dididik dengan sifat sabar yang tinggi dan sempurna kepada Allah SWT. Ini adalah kerana apabila sifat sabar yang mulia ini hilang daripada diri seseorang Islam, ia akan mengakibatkan dirinya menjadi putus asa untuk meneruskan kehidupannya. Malah boleh jadi dirinya akan lemah semangat, lahir sifat malas untuk terus berusaha di bumi Allah SWT dan paling kritikal adalah apabila jika timbul perasaan bahawa dirinya sedang dizalimi oleh Tuhan yang mana pada akhirnya ia memberi kesan yang mendalam kepada keyakinan akidahnya. Natiujahnya, setiap ujian yang mendatang akan menjadikan dirinya sentiasa berfikiran negatif terhadap aturan kehidupan yang disusun oleh Allah SWT.

Disebabkan itu, setiap umat Islam perlu menghayati dan mendalami konsep sabar yang telah diajar dan dianjurkan oleh Islam ini. Penting bagi kita untuk menghayati kisah para nabi yang sangat kuat pergantungan mereka kepada Allah SWT. Keimanan dan ketakwaan mereka yang sangat tinggi menjadikan ujian-ujian yang Allah hadirkan kepada

¹⁰ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2011), 920. Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb mā Jā'a fī Kaffārah al-Maraḍ, no. Hadis 5645.

mereka dipandang positif dan menjadikannya suatu titik tolak untuk terus berada dekat dengan Allah SWT.

Dalam kehidupan masyarakat zaman ini, kita mendapati terdapat pelbagai golongan manusia yang sedang diuji oleh Allah SWT dengan berbagai-bagai bentuk ujian kehidupan. Ada yang diuji dengan masalah kesihatan yang sangat teruk, ada juga yang diuji dengan kehilangan tempat berteduh, ada yang diuji dengan masalah sosial seperti lumba haram, dadah dan zina, dan ada juga yang diuji dengan kehilangan ahli keluarga. Maka, untuk merungkaikan permasalahan ini, kajian ini melihat kefahaman golongan masyarakat tentang konsep sabar terhadap ujian yang didatangkan oleh Allah SWT kepada mereka iaitu tentang ujian yang dilalui oleh golongan rakan jalanan. Golongan ini lebih dikenali sebagai 'homeless' di negara-negara barat seperti Amerika Syarikat.¹¹

Jika diperhatikan, rakan jalanan di Malaysia sangat ramai dan berada di merata-rata tempat. Ada yang berteduh di bawah jambatan, stesen-stesen bas, perkarangan tempat ibadah, tempat parkir kenderaan, lorong-lorong kecil dan di luar deretan kedai.¹² Pengkaji menumpukan kajian ini pada rakan jalanan yang berada di Jalan Hang Lekiu yang terdapat di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Maka, pengkaji akan mendapatkan maklumat-maklumat kajian daripada beberapa orang responden yang terdiri daripada golongan rakan jalanan ini untuk mendapatkan data yang berkaitan kefahaman mereka tentang konsep sabar terhadap ujian Allah SWT yang dihadapi oleh mereka.

Kajian ini dijalankan adalah kerana penulis mendapati bahawa terdapat isu-isu yang berlaku dalam golongan rakan jalanan ini. Ia sehingga menimbulkan kerisauan dan

¹¹ Engkus Kuswarno, *Metode Penelitian Komunikasi Contoh-Contoh Penelitian Kualitatif dengan Pendekatan Praktis: Manajemen Komunikasi Pengemis* (Indonesia: PT. RemajaRosdakarya, Bandung, 2008), 88.

¹² Lihat Rafiza Mohamed, *Gelandangan: Antara Tret Personaliti dan Religiositi* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2015), 14 dan ini juga merupakan hasil observasi pengkaji selama sebelas bulan terhadap kehidupan rakan jalanan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

perbincangan dalam kalangan pihak-pihak bertanggungjawab di negara Malaysia ini.¹³ Selepas menjalankan observasi dan dokumentasi berkaitan dengan golongan rakan jalanan yang mana ia merupakan satu fenomena yang berleluasa terutamanya di kota-kota besar seluruh dunia,¹⁴ pengkaji mendapati antara isu-isu yang berlaku dalam kalangan golongan rakan jalanan adalah sebahagian daripada mereka hilang semangat dan motivasi untuk meneruskan perjalanan kehidupan. Terdapat juga golongan yang hilang tempat pergantungan lantas mendekati dirinya kepada agama selain Islam yang lebih prihatin dan membantunya dalam urusan kehidupan seperti memberi makanan dan minuman yang mencukupi kepadanya¹⁵ serta sejumlah wang yang sangat diperlukan oleh dirinya. Selain itu, terdapat juga isu yang mana segolongan daripada mereka yang terus berada di dalam kesusahan lantaran tidak cuba untuk berusaha mencari jalan keluar untuk membebaskan diri mereka daripada kesempitan dan kesusahan hidup yang dihadapi olehnya.¹⁶ Pengkaji melihat bahawa sebahagian besar daripada isu-isu ini hakikatnya mempunyai kaitan yang amat besar dengan sifat sabar dalam diri rakan jalanan. Tindakan dan kesan yang berlaku dalam diri golongan rakan jalanan ini amat berkait rapat dengan tahap kesabaran yang dipupuk dalam diri mereka. Maka dengan sekelumit isu-isu yang diketahui ini, pengkaji terdorong untuk menyelidikinya

¹³ Khairul Anwar Rahmat, Presiden Sukarelawan Untuk Semua (SukaGuam) menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju untuk membuat satu undang-undang yang menahan masyarakat awam menghulurkan sumbangan atau sedekah kepada golongan rakan jalanan dan pengemis. Ia adalah kerana akan memberikan tekanan hidup kepada golongan ini yang mana mereka benar-benar dalam keadaan yang sangat memerlukan. Malah, Islam sendiri menganjurkan kepada ummatnya untuk bersedekah dan membantu orang yang dalam kesusahan. Jika diluluskan perbincangan untuk mengadakan undang-undang ini, seolah-olah negara kita menafikan ajaran Islam yang sangat dianjurkan ini. Laman sesawang 'www.sinarharian.com.my' dikemaskinikan 24 Mei 2017, dicapai 25 Mei 2017, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/isu-gelandangan-undang-undang-sedia-ada-memadai-1.296604>.

¹⁴ Lihat Rafiza Mohamed, *Gelandangan: Antara Tret Personaliti dan Religiositi* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2015), 4.

¹⁵ Rakan jalanan, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur, dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Disember 2017.

¹⁶ Lihat Rafiza Mohamed, *Gelandangan: Antara Tret Personaliti dan Religiositi* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2015), 4.

dengan lebih mendalam dan mengetahuinya dengan pengetahuan yang benar dan mempunyai asas-asasnya.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan huraian daripada pernyataan masalah tersebut, persoalan kajian yang akan dikaji ialah:

- (i) Apakah konsep ujian Allah SWT dalam Islam dan bentuk ujian yang dihadapi oleh rakan jalanan?
- (ii) Apakah konsep sabar terhadap ujian Allah SWT dalam Islam dan kepentingannya kepada rakan jalanan?
- (iii) Adakah rakan jalanan Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur memahami konsep sabar terhadap ujian Allah SWT?

Setiap persoalan dan masalah yang dinyatakan di atas akan dianalisis dan dikaji oleh penulis daripada sumber yang benar agar kajian ini akan menjadi sebuah penulisan yang ilmiah.

1.4 Objektif Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menetapkan tiga objektif utama bagi memastikan kajian dan penyelidikan ini sentiasa terarah dalam memahami konsep sabar terhadap ujian Allah SWT. Objektif yang menjadi pegangan pengkaji sepanjang melaksanakan kajian ini ialah:

- (i) Mengkaji konsep ujian Allah SWT dalam Islam dan bentuk ujian yang dihadapi oleh rakan jalanan.
- (ii) Meneliti konsep sabar terhadap ujian Allah SWT dalam Islam dan kepentingannya kepada rakan jalanan.

(iii) Menganalisis kefahaman rakan jalanan Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur tentang konsep sabar terhadap ujian Allah SWT.

1.5 Definisi Tajuk

Tajuk bagi disertasi ini ialah ‘Konsep Sabar Terhadap Ujian Allah: Kajian Dalam Kalangan Rakan Jalanan Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur’. Bagi memastikan tajuk kajian ini difahami dengan tepat, pengkaji terlebih dahulu menghuraikan serba sedikit tentang definisi bagi beberapa istilah yang terkandung dalam tajuk disertasi ini. Istilah-istilah tersebut ialah ‘Sabar’, ‘Rakan Jalanan’ dan ‘Ujian’.

1.5.1 Sabar

Ibn Qayyim al-Jauzī menyatakan di dalam penulisannya bahawa sabar terbahagi kepada beberapa definisi. Antaranya ialah sabar membawa maksud menahan jiwa daripada perasaan risau mahupun bimbang terhadap sesuatu perkara. Kemudian, sabar juga membawa makna menahan lisan atau percakapan daripada mengeluarkan kata-kata yang tidak baik ketika diuji seperti mengadu domba. Yang terakhir sabar bermaksud menahan tubuh badan daripada melakukan perkara-perkara yang terlarang di sisi Islam.¹⁷

1.5.2 Rakan Jalanan

Rakan Jalanan merupakan istilah baru dan terkini yang merujuk kepada gelandangan. Istilah ini telah diperkenalkan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam satu sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) bersama rakan jalanan yang diadakan di Pusat Latihan Khidmat Negara Geo Kosmo, Kuala Kubu Bharu.¹⁸ Memandangkan istilah ini masih belum dikemaskinikan dalam Pusat

¹⁷ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *‘Uddat al-Ṣābirīn wa Dhakhīrat al-Syākirīn* (Dār ‘Ālim al-Fawā’id, 2008), 15.

¹⁸ Lihat “Berita Harian Online,” dikemaskinikan 31 Januari 2018, dicapai 31 Januari 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/09/330655/gelandangan-kini-dikenali-rakan-jalanan>. Lihat

Rujukan Persuratan Melayu, maka pengkaji melihat definisinya pada perkataan gelandangan. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, gelandangan didefinisikan sebagai orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap. Manakala, menurut *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, gelandangan membawa kepada beberapa maksud. Ia didefinisikan sebagai tunawisma, pengemis dan orang jembel. Golongan ini merupakan sekelompok manusia yang merayau, berjalan-jalan dengan tidak tentu arah atau tanpa ada tujuan yang khusus.¹⁹ Golongan ini juga didefinisikan lapisan sosial, ekonomi dan budaya paling bawah dalam struktur masyarakat kota.²⁰

1.5.3 Ujian

Ujian jika diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab ialah *al-balā'*. *Al-Balā'* di dalam *al-Mu'jam al-Wasīf* membawa maksud cubaan, bala, malapetaka, kesengsaraan, kedukaan atau bencana yang diturunkan kepada seseorang untuk mengujinya.²¹ 'Abdullah Sa'īd menyatakan bahawa ujian Allah SWT terdiri daripada dua bentuk. Pertama ia berbentuk kesusahan manakala yang kedua berbentuk kesenangan.²² Di dalam kajian ini, pengkaji mendapati ujian yang dihadapi oleh responden lebih banyak berkaitan dengan kesusahan seperti kemiskinan, kehilangan ahli keluarga, ketiadaan tempat tinggal, kesusahan mendapatkan makanan dan minuman serta tidak mendapat peluang pekerjaan yang baik dan utuh.

juga "Malaysia Kini," dikemaskinikan 31 Januari 2018, dicapai 31 Januari 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/396405>. Istilah ini juga telah digunakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim dalam majlis Anugerah Friends of YKN 2017 yang berlangsung pada 15 Januari 2018 di Dewan Perdana Nur, Aras B1, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, lihat <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan%20YB%20Menteri/Final%20Teks%20Ucapan%20YBM%20Anugerah%20YKN.pdf>.

¹⁹ Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1995), 510.

²⁰ Soetjipto Wirosardjono, "Gelandangan dan Pilihan Kebijakan Penanggulangan," dalam *Gelandangan: Pandangan Ilmuwan Sosial* ed. Aswab Mahasin (Jakarta: LP3ES, 1984), 59.

²¹ Ibrahim Muṣṭafā et al., *al-Mu'jam al-Wasīf* (Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah lī al-Ṭibā'ah, 1972), 1-2: 91.

²² 'Abdullah Sa'īd, *Sunnah al-Ibtīlā'* (Afghanistan: Markaz al-Fajr, 2011), 10.

Kesimpulan daripada beberapa definisi tersebut, pengkaji membina sebuah definisi yang menjadi tunjang utama bagi kajian yang dijalankan ini. Ia adalah mengkaji ketahanan jiwa, lisan dan tubuh badan daripada perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam apabila menghadapi kesusahan. Kajian ini dijalankan terhadap golongan yang tidak mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal yang tetap.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

(a) Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di sekitar Kolej Segi, Jalan Hang Lekiu yang terdapat di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Pada permulaan kajian, pengkaji memilih Pusat Transit Gelandangan untuk dijadikan tempat menjalankan kajian. Selepas beberapa kali menjalankan observasi, pengkaji melihat bahawa kajian ini tidak sesuai dijalankan di institusi tersebut. Ini adalah kerana rakan jalanan di institusi tersebut memperoleh kemudahan yang lebih sempurna dan selesa berbanding di sekitarnya. Maka, pengkaji memilih Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur sebagai tempat kajian memandangkan di kawasan ini merupakan kawasan tumpuan rakan jalanan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur yang beragama Islam. Tambahan pula kawasan ini menggambarkan keadaan dan rintangan yang dihadapi oleh rakan jalanan lebih besar berbanding yang berada di Pusat Transit Gelandangan. Ini adalah kerana di institusi tersebut disediakan beberapa kemudahan seperti tempat tinggal, tempat sendiri, tempat beribadah, program keagamaan dan makanan harian. Maka dengan memilih Jalan Hang Lekiu sebagai tempat kajian, ia membantu pengkaji untuk menjalankan penyelidikan yang ingin dilakukan dengan lebih baik dalam mengetahui kefahaman tentang sifat sabar dalam kalangan rakan jalanan tersebut.

(b) Responden Kajian

Pengkaji memilih empat orang rakan jalanan yang beragama Islam sebagai responden kajian.²³ Mereka terdiri daripada tiga orang lelaki dan seorang wanita yang telah lama menjadi seorang rakan jalanan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Pemilihan bilangan lelaki lebih banyak berbanding wanita adalah kerana golongan lelaki dalam kalangan rakan jalanan lebih ramai daripada golongan wanita. Mereka juga merupakan rakan jalanan yang diuji dengan masalah kewangan, makanan harian, tempat tinggal dan pekerjaan berdasarkan maklumat yang diceritakan oleh rakan jalanan itu sendiri. Pengkaji telah memilih responden secara rawak selepas menjalankan observasi terhadap kehidupan rakan jalanan.

(c) Fokus Kajian

Kajian ini tertumpu kepada kefahaman konsep ujian dan konsep sabar menurut Islam serta kefahaman golongan rakan jalanan terhadapnya. Bersesuaian dengan responden kajian iaitu golongan rakan jalanan, maka pengkaji akan turut menyentuh ujian Allah SWT yang berbentuk kemiskinan, kelaparan, dan ketiadaan tempat tinggal. Kesimpulannya, kajian ini mengkaji tentang aspek kefahaman nilai agama iaitu sifat sabar khususnya apabila diuji oleh Allah SWT dalam kehidupan seharian mereka.

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji melihat kajian ini sangat relevan untuk dijalankan. Ia dijalankan adalah untuk memahami konsep sabar terhadap ujian Allah SWT dengan lebih terperinci. Pengkaji berharap agar ia dapat membuka mata institusi kerajaan terhadap kewujudan golongan rakan

²³ Pengkaji memilih empat orang responden adalah kerana kajian kes membenarkan seorang individu sebagai subjek kajian. Ini sebagaimana yang disebut oleh Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006), 47. Pemerhatian dan temu bual yang mendalam dengan soalan-soalan yang sesuai dilakukan bagi mendapatkan maklum balas daripada subjek kajian. Maka, untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, pengkaji mengambil empat orang rakan jalanan sebagai responden bagi kajian ini.

jalanan di negara Malaysia. Dengan itu, pihak kerajaan boleh meneruskan usaha dalam menyalurkan bantuan yang sesuai dan sepatutnya kepada golongan ini. Ia bukan sekadar memberi bantuan tempat tinggal, bahan asasi, pakaian harian atau peluang-peluang pekerjaan yang boleh dijawat oleh golongan rakan jalanan ini, malah dapat memberikan bantuan dan dorongan dari segi rohani, emosi dan moral para rakan jalanan.

Selain itu, pengkaji menganggap kajian ini sangat penting untuk dijalankan kerana data dan maklumat yang diperolehi dapat membantu banyak pihak. Salah satu daripadanya merupakan badan-badan bukan kerajaan atau NGO. Dengan mengetahui maklumat-maklumat daripada hasil kajian ini, pihak mereka dapat menyusun dan menyediakan program-program yang lebih menumpukan kepada pemulihan dan pementapan keyakinan akidah dalam kalangan rakan jalanan yang beragama Islam.

Seterusnya, kajian ini amat penting sebagai motivasi dan semangat kepada umat Islam secara umumnya dalam mendepani ujian dan dugaan kehidupan. Dengan kefahaman yang kuat tentang konsep ujian dan konsep sabar, umat Islam akan melalui kehidupan dengan lebih bahagia, aman dan sentiasa berlapang dada. Seterusnya ia juga membantu dalam memantapkan pegangan akidah kepada masyarakat Muslim.

Yang terakhir, kajian ini dianggap penting untuk dijalankan terhadap golongan rakan jalanan supaya mereka dapat menyedari dan mengakui bahawa setiap perkara yang mereka lalui kini merupakan ujian daripada Allah SWT. Dengan kesedaran ini, ia membantu mereka untuk terus positif dengan Allah SWT. Lantas menjadikan diri mereka terus berusaha untuk melepasi ujian Allah SWT ini dengan sebaiknya.

1.8 Ulasan Kajian Lepas

Ulasan Penyelidikan Lepas dikenali juga sebagai sorotan literatur atau tinjauan literatur. Menurut Chua Yan Piaw, tujuan utama keperluan untuk meninjau tulisan-tulisan

lepas adalah untuk meletakkan kajian yang dijalankan berbentuk saintifik.²⁴ Ia merupakan satu tinjauan dan ulasan maklumat yang dilakukan oleh pengkaji hasil daripada penulisan-penulisan lain seperti buku dan penyelidikan-penyelidikan lepas. Secara amnya, tinjauan literatur merupakan salah satu proses dalam penyelidikan untuk mengenal pasti sama ada sesuatu penyelidikan yang dirancang telah dilaksanakan oleh penyelidik lain.²⁵

Daripada sorotan terhadap tajuk yang dipilih, pengkaji akan membahagikan perbincangan ini kepada tiga bahagian utama. Ia adalah demi menjadikannya lebih teratur dan mudah untuk dijadikan rujukan bagi para pengkaji yang lain. Maka, kajian pertama pengkaji akan menumpukan kepada konsep ujian Allah SWT, kedua adalah mengenai sabar dalam menghadapi ujian Allah SWT dan yang terakhir kajian berkenaan rakan jalanan.

1.8.1 Tema Sabar

Satu kajian tentang sabar telah dijalankan oleh sekumpulan pengkaji²⁶ dari Universiti Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka, Indonesia. Kajian mereka bertajuk “*Konstruk Psikologi Kesabaran Dan Peranannya Dalam Kebahagiaan Seseorang*”.²⁷ Kajian ini membahaskan tentang konsep sabar menurut Islam secara ringkas. Kemudian, mereka membuat perkaitan antara sifat sabar dengan kebahagiaan hidup seseorang manusia. Hasil pembacaan daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa ia amat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan dengan sifat sabar serta kepentingannya dalam mengecap kebahagiaan menjalani kehidupan di dunia dan kejayaan di akhirat kelak.

²⁴ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006), 35.

²⁵ Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc-Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2010), 86.

²⁶ Kajian ini dijalankan oleh Subhan El Hafiz, Fahrul Rozi, Ilham Mundzir dan Lila Pratiwi. Mereka merupakan pelajar fakulti psikologi di universiti tersebut.

²⁷ Subhan El Hafiz et.al, “*Konstruk Psikologi Kesabaran Dan Peranannya Dalam Kebahagiaan Seseorang*” (Latihan Ilmiah, Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka, Indonesia, 2012).

Seterusnya, Yunita Wahyu Kurnia menulis jurnal berkaitan sifat sabar. Jurnal beliau yang berjudul “*Konsep Sabar Dalam Tafsir al-Maraghi*”²⁸ sangat padat dengan maklumat yang sempurna. Pengkaji mendapat banyak manfaat daripada penulisannya yang menghuraikan konsep sabar secara terperinci. Di samping itu, penulisan Yunita ini juga membantu pengkaji memperoleh maklumat tentang konsep sabar di dalam al-Quran yang mempunyai pelbagai definisi yang berbeza. Pengkaji juga mendapat manfaat daripadanya dalam memahami dalil-dalil al-Quran yang menceritakan tentang sifat sabar dengan lebih terperinci.

Subandi daripada kuliah Psikologi, Universiti Gadjah Mada, Indonesia ada menulis jurnal berkaitan sifat sabar pada tahun 2011. Tajuk jurnal beliau ialah “*Sabar: Sebuah Konsep Psikologi*.”²⁹ Perkara menarik yang terdapat jurnal beliau adalah pengkaji melihat penulisannya telah mengumpul maklumat tentang konsep sabar yang dianjurkan oleh beberapa agama yang terdapat di Indonesia secara ringkas dan padat. Beliau menyatakan konsep sabar dalam agama Kristian, Hindu, Buddha dan agama Islam sendiri. Setelah itu, beliau menyambung perbincangannya dengan membandingkan antara sifat sabar menurut perspektif Islam dengan sifat sabar yang difahami dan diaplikasikan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian. Jurnal ini amat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian dengan mendapat maklumat tambahan tentang konsep sabar daripada pelbagai agama.

Sifat sabar juga ada ditulis secara gandingan dengan sifat syukur dalam sebuah penulisan. Ia adalah hasil kajian M.Z. Azmie yang menumpukan kajiannya terhadap pengurusan organisasi. Penulisan beliau yang bertajuk “*Sabar dan Syukur daripada*

²⁸ Yunita Wahyu Kurnia, “*Konsep Sabar dalam Tafsir al-Maraghi*,” Jurnal Universitas Sains al-Qur’an, Indonesia, Vol. 01, No. 1 (September 2016).

²⁹ Subandi, “*Sabar: Sebuah Konsep Psikologi*,” Jurnal Psikologi Universiti Gadjah Mada, Indonesia, Vol. 38, No. 2 (Disember 2011) 215-277.

*Perspektif Pengurusan Organisasi*³⁰ ini telah membincangkan sifat sabar secara ringkas dan beliau menyatakan kepentingan sifat ini dalam sesebuah organisasi. Penulisan beliau telah memberikan maklumat kepada pengkaji dan menjadikan pengkaji berfikir lebih meluas tentang keperluan sifat sabar dalam kehidupan seseorang.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah juga telah menggandingkan sifat sabar dan syukur dalam penulisannya. Kajian beliau tersebut bertajuk “*Uddat al-Ṣābirīn wa Dhakhīrat al-Syākirīn*.”³¹ Kajian ini telah membincangkan konsep sabar dengan sangat rinci dan mendalam. Ia amat membantu pengkaji dalam mengembangkan idea penulisan dan mendapatkan maklumat-maklumat yang banyak.

Terdapat buku lain yang menceritakan tentang konsep sabar secara mendalam. Ia adalah hasil tulisan Yūsuf al-Qaraḍāwī yang bertajuk “*al-Ṣabr fī al-Qur’ān*.”³² Buku yang amat berjasa kepada pengkaji ini merupakan sebuah kajian yang meluas tentang sifat sabar. Yūsuf al-Qaraḍāwī telah mengkaji tentang definisi, hakikat, bahagian, dalil dan kisah yang berkaitan dengan sifat sabar yang mulia ini. Kemudian Nurul Hidayati daripada Universiti Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Yogyakarta menjalankan sebuah kajian pada tahun 2007 yang bertajuk “*Sabar dalam al-Qur’an Menurut Yusuf al-Qaradawi*”³³ yang mana beliau membincangkan pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī tentang sifat sabar yang dinukilkan di dalam al-Quran.

Kesimpulan daripada tinjauan kajian lepas tentang konsep sabar ini, pengkaji mendapati ada perbezaan yang dapat dikesan. Ia boleh dilihat pada kajian pertama

³⁰ M.Z. Azmie, *Sabar dan Syukur daripada Perspektif Pengurusan Organisasi* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001).

³¹ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *Uddat al-Ṣābirīn wa Dhakhīrat al-Syākirīn* (Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawā’id, 2008).

³² Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Ṣabr fī al-Qur’ān*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1989).

³³ Nurul Hidayati, “Sabar Dalam al-Qur’an Menurut Yusuf al-Qaradawi,” (disertasi sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia, 2007).

membincangkan kaitan antara konsep sabar dengan kebahagiaan seseorang dari sudut pandang psikologi, kajian kedua pula membincangkan tentang konsep sabar dari sudut pandang Tafsīr al-Marāghī dan kajian yang ketiga membahaskan tentang konsep sabar dari sudut kepelbagaian agama. Kemudian pada kajian keempat dan kelima, sifat sabar digandingkan dengan sifat syukur. Dan kajian keempat tersebut lebih tertumpu dan berkisar tentang pengurusan organisasi. Manakala dua kajian yang terakhir pula merupakan kajian khusus tentang sifat sabar itu sendiri. Kesimpulannya, penulisan-penulisan yang lepas amat berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Ini adalah kerana kajian yang dijalankan oleh pengkaji hanya tertumpu pada beberapa perbincangan tentang sifat sabar. Kemudian, pengkaji melihatnya pada pegangan golongan rakan jalanan di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Maka, ia tidak sama dan mempunyai jurang dengan kajian-kajian lepas tersebut.

1.8.2 Tema Ujian

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman dalam kajiannya yang berjudul “*Konsep Qada’ dan Qadar di dalam Islam: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu Di Bandar Kuantan*”³⁴ ada menyentuh beberapa perkara yang berkait dengan ujian. Qada’ dan qadar yang terdapat dalam perbincangan beliau adalah mengenai beriman bahawa segala perkara yang berlaku di alam sama ada baik atau buruk, perbuatan manusia dan lainnya adalah takdir Allah. Ia termasuklah berkaitan dengan ujian dan dugaan yang hadir dalam kehidupan. Antara perkara yang dibincangkan dalam kajian ini adalah takdir tidak menolak usaha dan ikhtiar, takdir tidak boleh dijadikan alasan untuk melakukan maksiat, takdir tidak bertentangan dengan konsep doa serta reda kepada takdir tidak bererti reda kepada maksiat.

³⁴ Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, “Konsep Qada’ dan Qadar di dalam Islam: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu Di Bandar Kuantan,” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

Walau bagaimanapun, kajian ini tidak tertumpu kepada ujian kehidupan semata-mata, malah beliau menulis mengenai segala ketetapan Allah SWT secara umum kepada setiap hamba.

Rohaida Binti Mohammed Dawam dalam disertasinya yang bertajuk “*Kefahaman Mangsa Banjir Di Temerloh, Pahang Terhadap Konsep al-Ibtala’ dan Kaitannya dengan Pembangunan Sahsiah*”³⁵ membincangkan tentang ujian menurut perspektif Islam. Beliau menyusun beberapa perbincangan yang berkaitan. Ia adalah seperti definisi ujian, hakikat ujian, ujian baik dan buruk, bentuk-bentuk ujian, tujuan ujian, manfaat ujian dan perbezaan antara ujian dan hukuman. Rohaida juga ada membincangkan tentang ujian para rasul, kisah-kisah umat terdahulu yang ditimpa ujian, musibah dan bala bencana serta menggariskan beberapa adab yang boleh diaplikasikan sekiranya seseorang Muslim itu ditimpa ujian. Pengkaji melihat bahawa beliau mengupas tentang konsep ibtala’ secara menyeluruh. Lalu beliau mengaitkan konsep ini dengan pembangunan sahsiah seseorang individu Muslim.

Kemudian, terdapat penulisan buku tentang “*Sunnah al-Ibtilā’*.”³⁶ Buku yang mempunyai 147 halaman ini telah ditulis oleh ‘Abdullah Sa’id rahimahullah. Daripada buku ini, pengkaji mendapati bahawa ‘Abdullah Sa’id mengupas tentang ujian secara terperinci dan sangat meluas. Sebagaimana kebiasaan penulisan-penulisan yang lain, beliau juga memulakan perbincangannya dengan membentangkan beberapa definisi ujian. Setelah itu, perbincangannya disambung dengan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ujian merupakan sunnatullah dalam kehidupan seorang manusia. Beliau mendatangkan kisah-kisah para nabi untuk membuktikannya. Kemudian, beliau menyatakan tentang hakikat ujian dalam kehidupan manusia yang hadir dalam pelbagai bentuk dan cara. Beliau juga

³⁵ Rohaida binti Mohammed Dawam, “Kefahaman Mangsa Banjir di Temerloh, Pahang Terhadap Konsep al-Ibtala’ dan Kaitannya dengan Pembangunan Sahsiah,” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

³⁶ ‘Abdullah Sa’id, *Sunnah al-Ibtilā’* (Afghanistan: Markaz al-Fajr, 2011)

memuatkan nasihat-nasihat yang utuh dan murni daripada al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan ujian kehidupan. Buku ini membantu pengkaji dalam mengupas perkara-perkara yang berkaitan dengan ujian dengan lebih terperinci. Ini juga boleh dilihat pada penulisan yang bertajuk “*Kaifa Tuwājihu al-Ibtilā*” karangan Ḥusayn Najīb Muḥammad.³⁷

Terdapat juga kajian yang membincangkan tentang ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan ujian. Ia telah dikaji oleh Ḥamdī Salmān Mu‘ammar pada tahun 2009. Penulisan beliau yang bertajuk “*al-Tarbiyah bi al-Ibtilā’: Dirāsah Tarbawiyah li Āyāt al-Ibtilā’ fī al-Qur’ān al-Karīm*”³⁸ sangat membantu pengkaji dalam mengupas tentang ujian. Penulisan dan perbincangannya hampir sama dengan dua penulisan sebelum ini iaitu berkisar tentang ujian secara rinci dan mendalam.

Konklusi daripada tinjauan kajian lepas bagi konsep ujian ini, pengkaji mendapati terdapat perbezaan antara kajian yang dijalankan oleh pengkaji dengan kajian-kajian tersebut. Ini adalah kerana kajian pertama yang dilakukan oleh Syed Mohammad Hilmi adalah berkaitan dengan konsep ketetapan setiap perkara yang ditentukan oleh Allah SWT dalam kehidupan termasuklah ujian, kajian kedua yang disiapkan oleh Rohaida pula menumpukan perbincangan ujian pada mangsa banjir dan yang terakhir iaitu penulisan ‘Abdullah Sa’īd, Ḥusayn Najīb Muḥammad dan Ḥamdī Salmān Mu‘ammar adalah penulisan secara khusus tentang konsep ujian ini. Maka, ia mempunyai perbezaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana selain mengkaji tentang konsep ujian, kajian ini juga menumpukan perbincangan ujian yang dihadapi oleh golongan rakan jalanan seperti ketiadaan tempat tinggal, makanan dan minuman harian serta ruang dan peluang pekerjaan.

³⁷ Ḥusayn Najīb Muḥammad, *Kaifa Tuwājihu al-Ibtilā’* (Lubnan: Dār al-Hādī, 2003).

³⁸ Ḥamdī Salmān Mu‘ammar, “*al-Tarbiyah bi al-Ibtilā’: Dirāsah Tarbawiyah li Āyāt al-Ibtilā’ fī al-Qur’ān al-Karīm*,” *Jurnal Sains Kemanusiaan, Universiti al-Aqsa*, Vol. 13, No. 2 (Jun 2009) 94-121.

1.8.3 Tema Rakan Jalanan

Memandangkan istilah rakan jalanan baru diperkenalkan, maka masih belum ada lagi penulisan lepas yang menggunakan istilah ini. Oleh itu, bagi menjalankan kajian tinjauan lepas bagi tema rakan jalanan, pengkaji merujuk kepada istilah lama yang digunakan iaitu gelandangan. Kajian dan penulisan tentang rakan jalanan sangat banyak dan mudah untuk diperoleh dan dibaca mengenainya. Ia adalah kerana fenomena kewujudan rakan jalanan ada di mana-mana kota raya besar sehingga mewujudkan kerisauan dan kebimbangan terhadap individu-individu di sekelilingnya. Kajian tentang rakan jalanan bukan hanya setakat dikaji oleh ilmuwan Malaysia, malah di negara jiran Indonesia, dan negara-negara barat seperti Amerika Syarikat serta England turut mengkajinya.

Sebuah buku berjudul “*Gelandangan: Pandangan Ilmuwan Sosial*”³⁹ (1984) mengumpulkan sebelas penulisan mengenai rakan jalanan dari sudut yang pelbagai dan berbeza. Buku ini memuatkan beberapa pandangan terhadap rakan jalanan seperti faktor seseorang itu menjadi rakan jalanan, rakan jalanan dalam kancah revolusi, perilaku rakan jalanan, potensi rakan jalanan dan pandangan Islam serta Kristian terhadap golongan ini. Kajian ini memberi perhatian penuh terhadap sudut-sudut masalah rakan jalanan yang berada di Indonesia.

Kemudian, Tim Dant dan Alan Deacon juga antara pengkaji yang memerhatikan permasalahan rakan jalanan yang berlaku di negara mereka. Kedua-dua pengkaji daripada London ini bersama-sama menulis tentang rakan jalanan yang bertajuk “*Hostels to Homes?*” (1989)⁴⁰. Dalam kajian tersebut, mereka membincangkan tentang permasalahan yang

³⁹ Aswab Mahasin, *Gelandangan: Pandangan Ilmuwan Sosial* (Indonesia: Percetakan Midas Surya Grafindo, 1984).

⁴⁰ Tim Dant dan Alan Deacon, *Hostel to Homes?* (London: Gower Publishing Company, 1989).

dihadapi oleh rakan jalanan lalu memuatkan pandangan mereka untuk menyelesaikan fenomena kewujudan golongan ini dengan menggiatkan usaha-usaha membina rumah-rumah yang khusus.

Alan Deacon sekali lagi tampil bersama pengkaji baru iaitu Jill Vincent dan Robert Walker pada tahun 1995 mengkaji tentang rakan jalanan. Kajian mereka yang bertajuk “*Homeless Single Men: Roads to Resettlement?*”⁴¹ merupakan kajian yang sama seperti tulisan sebelum ini. Mereka mengemukakan pandangan untuk menyelesaikan permasalahan kewujudan rakan jalanan di bandar-bandar besar di negara mereka. Pengkaji melihat bahawa setiap penyelesaian yang dinyatakan oleh mereka adalah berbentuk kebendaan seperti menyediakan rumah, pakaian dan kenderaan agar golongan ini tidak hidup berpelesiran tanpa arah tujuan.

Kemudian, Jan van der Ploeg dan Evert Scholte (1997) tampil mengkaji tentang isu rakan jalanan. Penulisan mereka yang bertajuk “*Homeless Youth*”⁴² mengkaji tentang dua tajuk besar yang berkaitan dengan rakan jalanan. Bahagian pertama membincangkan tentang latar belakang golongan rakan jalanan secara terperinci bagi melahirkan rasa kefahaman tentang golongan ini. Seterusnya pada bahagian kedua, penulisan mereka tertumpu pada cara-cara untuk menyelesaikan permasalahan fenomena kewujudan rakan jalanan yang amat merunsingkan masyarakat umum.

Manakala di Malaysia, Rafiza Mohamed telah mengkaji tentang rakan jalanan. Penulisan yang diterbitkan pada 2015 ini berjudul “*Gelandangan: Antara Tret Personaliti dan Religiositi*.”⁴³ Buku ini amat memberi manfaat kepada pengkaji dalam melaksanakan

⁴¹ Jill Vincent, Alan Deacon dan Robert Walker, *Homeless Single Men: Roads to Resettlement?* (London: Ashgate Publishing Limited, 1995).

⁴² Jan van der Ploeg dan Evert Scholte, *Homeless Youth* (London: SAGE, 1997).

⁴³ Rafiza Mohamed, *Gelandangan: Antara Tret Personaliti dan Religiositi* (Kuala Lumpur, ITBM, 2015).

kajian pada bab keempat. Ini adalah kerana beliau mengkaji aspek-aspek agama yang ada pada diri rakan jalanan yang berada di Anjung Singgah iaitu satu institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan khusus bagi para rakan jalanan. Institusi tempat kajian beliau adalah di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur iaitu kawasan yang sama seperti tempat kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Beliau juga mengupas secara rinci tentang rakan jalanan yang mana ia memberi banyak maklumat dan bantuan kepada pengkaji.

Pada tahun 2017, Rafiza Mohamed sekali lagi membuat kajian tentang rakan jalanan bersama tiga orang pengkaji yang lain.⁴⁴ Kajian mereka bertajuk “*Keperluan Gelandangan Terhadap Sistem Sokongan Sosial.*” Kajian ini juga banyak membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian kerana ia membincangkan tentang sistem sokongan yang diperlukan oleh rakan jalanan daripada aspek agama.

Hasil daripada tinjauan kajian lepas tentang rakan jalanan, pengkaji melihat terdapat perbezaan antara kajian yang dijalankan oleh pengkaji dengan pengkaji-pengkaji sebelum ini. Penulisan pertama adalah kajian yang mengumpulkan pandangan-pandangan ilmuwan sosial dari Indonesia tentang rakan jalanan. Manakala penulisan kedua sehingga keempat merupakan kajian yang membincangkan secara khusus tentang cara penyelesaian masalah kewujudan rakan jalanan. Dan dua penulisan terakhir membuat perkaitan antara rakan jalanan dengan agama secara umum berbanding kajian pengkaji yang hanya khusus pada sifat sabar.

Daripada perbandingan terhadap kajian-kajian lepas tentang ketiga-tiga konsep tersebut, pengkaji mendapati bahawa masih belum ada lagi pengkaji lain yang menulis kajian yang bertajuk “*Konsep Sabar Terhadap Ujian Allah: Kajian dalam Kalangan Rakan Jalanan*”

⁴⁴ Kajian ini dijalankan oleh Rafiza Mohamed bersama Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long dan Zaizul Ab Rahman. Lihat http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass_vol4bil1_009_rafiza.pdf.

Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur.” Maka, pengkaji menyiapkan kajian ini untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam. Pengkaji berhasrat agar kajian ini dapat membantu banyak pihak pada masa akan datang.

1.9 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penulis tidak akan sempurna tanpa menggunakan beberapa metodologi kajian. Maka, bagi mengkaji, meneliti, dan menyusun maklumat-maklumat kajian, pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk menyempurnakannya. Kaedah-kaedah tersebut ialah penentuan sifat kajian, kaedah penentuan subjek, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Pengkaji akan menghuraikannya dengan padat mengikut turutan di bawah:

1.9.1 Sifat Kajian

Secara umumnya, kajian yang dijalankan oleh pengkaji merupakan kajian yang bersifat kualitatif. Maklumat-maklumat yang diperoleh daripada penyelidikan berbentuk kualitatif adalah berdasarkan sumber-sumber yang sesuai dan tepat dengan kajian yang ingin dikaji. Pengkaji membawa pendekatan memahami konsep sabar terhadap ujian Allah SWT dengan menjadikan golongan rakan jalanan sebagai responden kepada kajian yang dijalankan ini. Maka, untuk mendapatkan data yang berkualiti dan tepat pengkaji meluangkan masa untuk bersama-sama merasai apa yang dilalui oleh para rakan jalanan dalam beberapa tempoh yang tertentu. Ini adalah untuk mengurangkan jurang antara pengkaji dengan golongan rakan jalanan tersebut lantas ia membantu pengkaji memperoleh maklumat-maklumat daripada mereka. Unsur-unsur seperti emosi, motivasi, empati yang berkaitan dengan keadaan semula jadi individu atau kumpulan tertentu adalah lebih sesuai untuk

dijejaki menerusi kaedah kualitatif kerana unsur-unsur ini tidak dapat dihuraikan berdasarkan angka-angka dalam data kuantitatif sahaja.⁴⁵

1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan satu gerak kerja yang dijalankan oleh pengkaji untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji telah menggunakan tiga kaedah utama bagi mendapatkan maklumat yang tepat demi menyempurnakan kajian yang dijalankan. Ciri utama bagi menentukan kesesuaian dan kebolegunaan sesuatu kaedah ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Kesahan bertujuan bagi memastikan sama ada sesuatu ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri atau gagasan yang baru adalah dalam konsep yang diukur itu.⁴⁶

Manakala kebolehpercayaan pula ialah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran atau alat ukur atau kajian atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Kebolehpercayaan bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel atau responden yang sama.⁴⁷

Maka, tiga kaedah yang digunakan oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian, ialah:

⁴⁵ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006), 9.

⁴⁶ Kamarul Azmi Jasmi, "Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif" (Kertas Kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Puteri Resort Melaka, 28-29 Mac 2012).

⁴⁷ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall, 2005). Lihat juga Kamarul Azmi Jasmi, "Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif" (Kertas Kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Puteri Resort Melaka, 28-29 Mac 2012).

(i) Dokumentasi

Untuk kajian yang pertama ini iaitu Dokumentasi, ia adalah satu kajian yang memerlukan pengkaji kepada mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dalam bentuk dokumen-dokumen yang bertulis. Dokumen-dokumen yang dimaksudkan adalah al-Quran dan hadis sebagai sumber primer serta buku, jurnal, ensiklopedia dan tesis sebagai sumber sekunder. Ia tidak kira sama ada dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Arab.

Kaedah ini digunakan pengkaji dalam menyempurnakan sebahagian daripada perbincangan tajuk yang dijalankan iaitu pada bab kedua dan ketiga daripada kajian ini. Antara bahagian tersebut adalah apabila pengkaji perlu mengetahui definisi umum dan perbincangan terperinci tentang konsep ujian Allah SWT dan konsep sabar dalam Islam.

(ii) Observasi

Observasi dilakukan untuk mengkaji sesuatu perkara, kejadian atau peristiwa pada perspektif yang luas seperti tingkah laku masyarakat iaitu kepercayaan, agama, kebudayaan dan sebagainya. Ia juga boleh memfokuskan kepada perspektif yang lebih khusus mengenai latar belakang seseorang individu.⁴⁸ Observasi ini merupakan satu kajian yang memerlukan pengkaji untuk turut serta berada dalam situasi responden untuk memerhatikan kehidupan seharian mereka. Di samping itu, pengkaji menggariskan beberapa aspek yang ingin diperhatikan daripada golongan rakan jalanan ini untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Akhirnya, pengkaji membuat catatan-catatan yang mana ia merupakan hasil daripada aspek yang telah diperhatikan sepanjang kajian.

Kaedah ini merupakan salah satu cara bagi pengkaji untuk melengkapkan sebahagian yang kedua daripada tajuk kajian ini iaitu mendapatkan maklumat kefahaman golongan rakan

⁴⁸ *Ibid.*, 156.

jalan mengenai konsep sabar terhadap ujian Allah SWT. Kaedah ini digunakan sepanjang kajian seperti mana yang terdapat dalam bab kedua iaitu bentuk ujian yang dihadapi oleh rakan jalan di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur, pada bab ketiga iaitu kepentingan sifat sabar dalam diri mereka apabila menghadapi ujian yang berbentuk keperitan, kesusahan, kesedihan dan kesunyian. Kemudian yang terakhir adalah proses analisis data pada bab keempat. Memandangkan proses untuk mendapatkan maklumat yang berkualiti amat sukar, maka kaedah yang kedua ini dilakukan dengan penuh teliti dan tersusun oleh pengkaji sepanjang observasi dijalankan iaitu dalam tempoh sebelas bulan daripada Februari 2017 sehingga Disember 2017.

(iii) Temu bual

Kaedah ketiga yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini adalah berbentuk temu bual. Temu bual yang digunakan oleh pengkaji ini menumpukan kepada semi-struktur. Ini adalah sebagaimana yang dicadangkan oleh Bogdan dan Biklen (2003)⁴⁹ dan digunakan sebahagian besarnya oleh Mohd Izham bin Mohd Hamzah (2009). Kajian ini melalui beberapa langkah dalam menganalisis data iaitu pengesahan inventori soalan separuh berstruktur oleh penyelia dan pakar bidang dan pengesahan pakar terhadap tema yang dibina. Akhir sekali, pengkaji melalui tempoh yang panjang dalam kajian.⁵⁰

⁴⁹ Bogdan, R.C. & Biklen, S.K., *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods* (Boston: Allyn & Bacon, 2003). Lihat juga Kamarul Azmi Jasmi, "Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif" (Kertas Kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Puteri Resort Melaka, 28-29 Mac 2012).

⁵⁰ Kamarul Azmi Jasmi, "Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif" (Kertas Kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Puteri Resort Melaka, 28-29 Mac 2012).

Maka, pengkaji bersiap sedia dengan inventori soalan yang disahkan oleh pakar bidang iaitu Prof. Madya Dr. Zawawi Ismail⁵¹ sebelum menyerahkan kepada penyelia untuk melihat keselarasan antara objektif kajian dan tema dengan persoalan kajian. Temu bual antara pengkaji dengan responden menghasilkan dapatan-dapatan yang amat diperlukan oleh pengkaji dalam kajian ini. Daripada jawapan yang diperoleh daripada responden-responden tersebut, pengkaji mengajukan soalan-soalan yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat kajian dengan lebih mendalam. Pengkaji memilih temu bual sebagai kaedah pengumpulan data kajian kerana ia lebih dekat dan sangat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat bagi melengkapkan tajuk kajian yang dijalankan. Data-data yang diperoleh lebih bersifat terperinci, lengkap dan mendalam serta telus dan tulus daripada pihak responden. Di samping itu, kaedah temu bual ini juga membantu pengkaji untuk mewujudkan hubungan baik dengan para responden dan pada masa yang sama ia menyumbang kepada penghasilan dan dapatan maklumat yang lebih sah dan boleh dipercayai.

a) Populasi Kajian

Dalam kajian ini, kaedah penentuan subjek digunakan bagi mengecilkan skop penyelidikan. Ini adalah kerana populasi golongan rakan jalanan yang berada di Malaysia sangat besar untuk dijadikan bahan penelitian. Ia akan melambatkan gerak kerja penulis untuk mengumpulkan maklumat kajian dalam masa yang singkat dan terhad. Maka, penulis membuat keputusan untuk memilih sekumpulan golongan rakan jalanan bagi mewakili golongan rakan jalanan yang lain. Jadi, dalam menentukan subjek ini, penulis telah memilih golongan rakan jalanan yang beragama Islam secara rawak selepas menjalankan observasi di

⁵¹ Beliau merupakan Timbalan Dekan dan Pengurus Kualiti di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Lihat "Associate Prof. Dr. Zawawi Ismail" laman sesawang *UMEXPERT*, dicapai 6 Februari 2018, <https://umexpert.um.edu.my/zawawiismail>.

sekitar Pusat Bandaraya Kuala Lumpur untuk dijadikan subjek kepada kajian yang dijalankan. Penulis mengkhususkannya kepada golongan rakan jalanan yang berada di sepanjang Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Maklumat-maklumat yang dikumpulkan oleh pengkaji adalah hasil temu bual bersama empat orang daripada golongan rakan jalanan. Oleh yang demikian, dapatan tersebut adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan daripada mereka ketika menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pengkaji.

b) Sampel Kajian

Pensampelan merupakan proses bagi memilih responden yang tepat untuk kajian ini. Tujuan dijalankan pensampelan adalah untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu populasi seterusnya memperoleh sampel yang mencerminkan populasi dari segi pemboleh ubah iaitu sifat sabar yang menjadi fokus kajian.⁵² Maka, pengkaji telah memilih tiga orang responden lelaki dan seorang wanita daripada rakan jalanan yang berada di sekitar Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur untuk menjadi sampel kajian pengkaji.

1.9.3 Kaedah Analisis Data

Semua data dan maklumat yang telah dikumpul dan diperoleh oleh pengkaji dianalisis dengan menggunakan beberapa kaedah. Ia adalah untuk mendapatkan maklumat yang benar dan tepat. Pengkaji akan menggunakan ketiga-tiga kaedah yang sering digunakan pada mana-mana kajian ilmiah iaitu Kaedah Induktif, Kaedah Deduktif dan Kaedah Komparatif. Kaedah induktif merupakan satu kaedah yang tertumpu kepada maklumat atau data yang bersifat khusus. Setelah memperoleh maklumat tersebut, pengkaji perlu menganalisis maklumat-maklumat tersebut lalu menyimpulkannya menjadi satu maklumat yang bersifat umum. Kaedah ini digunakan pada beberapa bahagian dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji

⁵² Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode* (Tanjung Malim: Penerbit UPSI, 2014).

seperti pada bab kedua dan ketiga apabila pengkaji menyenaraikan beberapa pandangan sarjana tentang definisi ujian dan sabar, lalu pengkaji menyimpulkannya kepada satu definisi umum bagi memahaminya dengan lebih menyeluruh.

Kaedah deduktif pula merupakan satu kaedah yang tertumpu kepada suatu perkara yang bersifat umum. Dengan perkara tersebut, lalu ia diperhalusi dan diteliti sehingga melahirkan suatu perkara yang bersifat khusus. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji dengan mengambil maklumat yang umum kemudian diperhalusi sehingga memperoleh maklumat yang lebih terperinci sebagaimana yang dijalankan pada bab keempat apabila pengkaji menganalisis setiap maklumat yang diperoleh daripada responden untuk mengetahui kefahaman mereka mengenai konsep sabar terhadap ujian Allah SWT. Manakala Kaedah komparatif digunakan ketika menyimpul dan membandingkan data-data yang diperoleh. Antara bahagian kajian yang memerlukan kepada kaedah ini adalah pada bab keempat apabila membuat perbandingan data dan maklumat yang diperoleh daripada para responden.

1.10 Susunan Penulisan

Kajian ini tertumpu kepada perbincangan mengenai kefahaman golongan rakan jalanan tentang konsep sabar terhadap ujian Allah SWT. Penulisan ini dilengkapi dengan lima bab utama. Didahului dengan pendahuluan dan di hujungnya diselitkan penutup. Intipati pecahan bab adalah seperti berikut:

Bab Pertama (Pendahuluan)

Dalam bab pertama ini, pengkaji menyelitkan maklumat awal tentang kajian yang dijalankan. Ia terdiri daripada pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi tajuk kajian, tinjauan kajian lepas, dan metodologi kajian.

Bab Kedua (Landasan Kajian)

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan tentang konsep ujian Allah SWT menurut perspektif Islam secara khusus. Bab ini dimulakan dengan pendahuluan ringkas kemudian diikuti dengan beberapa kumpulan definisi ujian. Seterusnya, pengkaji menyelitkan beberapa dalil berkaitan daripada al-Quran dan hadis untuk menguatkan tajuk perbincangan. Setelah itu, pengkaji membincangkan bentuk-bentuk ujian kehidupan, kisah ujian umat terdahulu dan diakhiri dengan bentuk ujian yang dihadapi oleh golongan rakan jalanan.

Bab Ketiga

Bab ini merupakan isi penting dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dalam bab ini, ia didahului dengan pendahuluan ringkas. Kemudian diikuti dengan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan konsep sabar terhadap ujian Allah SWT. Antaranya adalah tentang definisi sabar terhadap ujian Allah SWT, dalil berkaitan sifat ini dan bahagian-bahagian sabar. Kemudian, pengkaji mengupas tentang hakikat dan adab bersifat sabar serta peribadi-peribadi sabar dalam al-Quran. Bab ini diakhiri dengan perbincangan tentang kepentingan sifat sabar kepada rakan jalanan.

Bab Keempat

Bab ini merupakan bab yang mengumpulkan maklumat hasil daripada penganalisan dapatan kajian yang diperoleh daripada hasil temu bual bersama responden. Temu bual antara pengkaji dan responden adalah berkisar tentang objektif dan persoalan kajian. Maka bab ini akan menentukan sejauh mana objektif kajian tercapai dan menjawab setiap satu persoalan kajian.

Bab Kelima

Bab ini adalah bab yang terakhir dalam kajian ini. Ia dimulai dengan pendahuluan kemudian disempurnakan dengan rumusan hasil daripada pelbagai perbincangan yang telah dijalankan. Di dalam bab ini juga diselitkan beberapa implikasi kajian dan saranan kepada pengkaji yang akan datang. Ia diakhiri dengan masalah yang dihadapi sepanjang kajian dan kesimpulan secara menyeluruh berkaitan kajian yang telah selesai dijalankan.

Universiti Malaysia

BAB 2: KONSEP UJIAN DALAM ISLAM DAN BENTUK UJIAN YANG DIHADAPI OLEH RAKAN JALANAN

2.0 Pengenalan

Dunia merupakan jambatan bagi seluruh manusia untuk menuju ke akhirat. Di dunia inilah tempat segala persediaan dilakukan dan segala perkara negatif sedaya upaya dihindarkan. Ini adalah demi mencapai kejayaan yang hakiki dan abadi ketika tiba di negeri akhirat kelak. Jika setiap individu merenung semula setiap perkara yang berlaku sepanjang kehidupannya dan kehidupan manusia seluruhnya, pasti dirinya akan mendapati bahawa rahsia hidup di dunia ini adalah ujian dan dugaan.

Setiap manusia akan sentiasa diuji dengan pelbagai jenis dan bentuk ujian tanpa ada seorang pun yang terlepas daripadanya.⁵³ Malah jika diperhatikan sebaiknya, setiap saat dalam kehidupan seseorang manusia akan terisi dengan ujian kehidupan. Ujian atau dugaan tersebut sama ada ia berbentuk nikmat mahupun musibah. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT, iaitu:

وَبَلَّوْكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً ﴿٣٥﴾
Al-Anbiyā' 21:35

Terjemahan: Dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan.

Allah SWT hadirkan dua jenis ujian ini dalam kehidupan hamba-hambaNya adalah kerana dua tujuan. Nikmat dan kesenangan yang dihadiahkan kepada manusia sebagai ujian adalah bertujuan untuk menuntut supaya manusia tersebut bersyukur dengan nikmat dan kesenangan yang telah dilimpahkan kepada dirinya. Manakala musibah dan kesusahan yang didatangkan

⁵³ Sa'id Hawwa, *Induk Pensucian Diri*, terj. Syed Ahmad Semait dan M. Abdai Rathomy (Singapura: Pustaka Nasional Singapura, t.t), 948.

sebagai ujian kepada manusia adalah bertujuan untuk menuntun supaya manusia tersebut sabar akan musibah yang melanda dirinya.

Terkadang ujian boleh melemahkan jiwa seseorang, terkadang juga ia boleh menjadi satu semangat kepada penerima ujian tersebut. Dua situasi yang berbeza ini akan diperoleh bergantung kepada keadaan setiap manusia yang menghadapi ujian itu. Jika dirinya bersangka buruk terhadap ujian tersebut, menganggap dirinya terlalu lemah sehingga tidak mampu untuk menghadapi ujian yang hadir dan terus menyendiri tanpa berusaha untuk keluar daripada ujian tersebut, maka dirinya akan terus lemah dan jiwanya akan goyah. Tetapi sekiranya dirinya bersangka baik terhadap ujian yang hadir, menganggap dirinya adalah insan yang paling tepat untuk diduga dengan ujian tersebut dan sentiasa mencari hikmah akan ujian yang dihadirkan kepada dirinya, maka ia akan membantu dirinya untuk terus bersemangat dan menjadikan jiwanya lebih kental dan kuat. Lalu, tidak hairanlah kita melihat keadaan manusia yang pelbagai apabila sedang berada dalam ujian Allah SWT.

Setiap manusia yang hidup di atas muka bumi ini sangat memerlukan ujian dalam kehidupannya. Ujian kehidupan ini ibarat tali penghubung antara seorang hamba dengan Pencipta. Jika tiada tali penghubung ini, maka tidak akan wujud komunikasi antara hamba dengan Pencipta iaitu Allah SWT. Dan apabila tidak wujud komunikasi antara hamba dengan Pencipta, ia seolah-olah menafikan hakikat kehidupan bertuhan di dunia yang sementara ini. Oleh kerana itulah Allah SWT sebagai Tuhan telah mencipta ujian buat hamba-hambaNya. Dengan ujian inilah yang menentukan sama ada ia akan menjadikan seseorang manusia itu terus alpa dan leka dengan nikmat dunia, sakit dan merana dengan musibah yang diberikan kepadanya atau sebaliknya iaitu memberi impak yang positif kepada setiap penerima ujian.

Yūsuf al-Qaraḍāwī menggariskan tiga sebab utama manusia sangat perlu kepada ujian. Yang pertama ialah ia demi membersihkan orang-orang beriman daripada mereka yang

mendakwa beriman dalam kalangan munafik dan daripada mereka yang dalam hatinya ada penyakit. Maka terpisahlah hati-hati yang bersih itu dengan hati-hati yang buruk. Yang kedua, ia adalah untuk mendidik orang-orang yang beriman dan menggilap keyakinan mereka serta membersihkan apa yang ada dalam hati mereka daripada sifat-sifat yang tidak baik. Maka hasilnya mereka akan menjadi matang dalam menghadapi pelbagai bentuk ujian yang mendatang. Yang ketiga, ia adalah demi mengangkat darjat atau martabat mereka di sisi Allah SWT, melipat gandakan kebaikan mereka dan menghapus dosa-dosa yang telah dilakukannya.⁵⁴

Maka, sebagai seorang yang meyakini bahawa ujian merupakan susunan kehidupan dari Allah SWT, ia seharusnya menjadikan dirinya sebagai seorang hamba yang sentiasa memohon kepada Allah SWT agar nikmat yang diperoleh oleh dirinya tidak melalaikannya walau sedetik dan musibah yang sedang dihadapinya tidak akan sampai memudaratkan jiwanya walau sedikit.

Konklusinya, ujian ini merupakan perkara yang amat penting dan berharga dalam kehidupan seluruh manusia. Kehadirannya perlu disedari oleh setiap penerima ujian agar ia menjadikan seseorang itu lebih baik daripada keadaan yang sebelumnya. Seseorang manusia tidak sewajarnya menghindarkan dirinya daripada ujian yang datang kepadanya, tetapi dirinya dituntut untuk berusaha menghadapi sesuatu ujian dengan sebaiknya. Ini adalah kerana ujian tersebut hadir untuk menguji keimanan dan ketakwaannya kepada Allah SWT.

2.1 Definisi Ujian

Sebelum membincangkan konsep ujian dengan lebih mendalam, sangat penting bagi setiap individu untuk memahami definisi perkataan ujian itu sendiri. Ia bagi mengelakkan

⁵⁴ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar dalam Islam*, terj. Ramli Awang (al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 34-39.

kekeliruan dan salah faham terhadap istilah ini. Maka, pengkaji akan membincangkan beberapa definisi ujian menurut pandangan beberapa orang sarjana.

Al-Sayyid Ḥusayn Najīb Muḥammad menyatakan bahawa ujian membawa tiga definisi utama. Ia adalah bala, pembersihan dan penentuan. Beliau menerangkan ketiga-tiga definisi tersebut secara ringkas. Yang pertama, ujian membawa makna bala kerana dengan bala ia akan menzahirkan keadaan seseorang sama ada dirinya beriman atau kufur. Kemudian, ujian juga membawa maksud pembersihan. Ini adalah kerana seseorang itu dibersihkan daripada segala dosa dan aib selepas dirinya berjaya melepasi sesuatu ujian Allah SWT. Yang terakhir, ujian didefinisikan sebagai penentuan kerana dengan kehadiran ujian dapat menentukan seseorang itu bersyukur dan bersabar dengan ujian tersebut atau sebaliknya.⁵⁵

Di samping itu, ujian juga didefinisikan sebagai perkara-perkara kebaikan. Ini adalah kerana Allah SWT tidak akan menguji hamba-hambaNya yang beriman melainkan ia adalah demi kemaslahatan dan kebaikan kepada setiap penerima ujian tersebut. Ia merangkumi kemaslahatan di dunia dan kemaslahatan di akhirat. Seseorang hamba akan menjadi bertambah baik dengan kehadiran ujian. Dirinya akan reda dan sabar dengan dugaan tersebut serta tidak bersikap ragu dengan Tuhannya. Maka disebabkan itu Allah SWT menyibukkan hamba-hambaNya dengan pelbagai dugaan dan ujian kehidupan. Inilah yang dinyatakan oleh Syaikh ‘Abd al-Qādir al-Jīlāni terhadap definisi ujian.⁵⁶

Seterusnya, ujian merupakan sebuah cubaan dan dugaan. Pendapat Abdul Aziz Ismail ini menghuraikan bahawa setiap orang yang beriman dihadapkan kepada ujian dengan

⁵⁵ Al-Sayyid Ḥusayn Najīb Muḥammad, *Kaifa Tuwājihu al-Ibtīlā’* (Lubnan: Dār al-Hādī, 2003), 11-12.

⁵⁶ Syaikh ‘Abd al-Qadir al-Jilani, *Percikan Cahaya Ilahi*, terj. Arief B. Iskandar (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2001), 60.

pelbagai coraknya. Ia sama ada berbentuk kebaikan mahupun keburukan. Ujian juga boleh hadir kepada manusia dalam bentuk nikmat atau azab.⁵⁷ Pengkaji mendapati bahawa pendapat ini juga bersesuaian dengan definisi yang disebutkan oleh Ibn Manzūr dalam kamusnya *Lisān al-‘Arab* yang menyatakan bahawa ujian boleh hadir dalam bentuk kebaikan mahupun berbentuk keburukan kepada manusia. Begitu jugalah yang disebutkan oleh Ibn al-A‘rābī, al-Aṣḥānī dan al-Qutaibī tentang pendapat mereka terhadap definisi ujian.⁵⁸ Al-Aṣḥānī kemudian menghuraikan pendapatnya tentang definisi ujian. Ia sama ada hadir dalam bentuk kesusahan atau kesenangan. Kemudian beliau menambah bahawa ujian yang datang dalam bentuk kesenangan adalah untuk disyukuri manakala ujian yang hadir dalam bentuk kesusahan atau bencana adalah untuk bersabar ke atasnya. Maka kesusahan dan kesenangan kedua-duanya merupakan ujian kehidupan. Kesusahan untuk menguji kesabaran dan kesenangan untuk menguji kesyukuran seseorang hamba. Seseorang manusia lebih mudah untuk bersabar berbanding bersyukur atas apa yang diperoleh oleh dirinya, maka kesenangan merupakan ujian yang lebih besar berbanding kesusahan.⁵⁹

Ḥamdi Mu‘ammar mengatakan bahawa ujian mempunyai beberapa definisi. Antara definisi-definisi tersebut ialah ujian merupakan bimbingan, didikan dan perhatian kepada manusia di dunia ini. Beliau juga berpendapat bahawa ujian adalah cubaan, hukuman dan pemilihan.⁶⁰

Pengkaji juga mendapati bahawa dalam *al-Mu‘jam al-Wasīf*, perkataan ujian ini telah didefinisikan sebagai sesuatu perkara yang berlaku kepada manusia untuk menduga dirinya. Ujian juga sinonim dengan kesedihan dan kemurungan. Ia merupakan musibah atau

⁵⁷ Abdul Aziz Ismail, *Indahnya Akhlakmu kepada Allah* (Rawang: Pustaka Ilmuwan, 2011), 61.

⁵⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 1994), 84.

⁵⁹ Al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Aṣḥānī, *Mufradāt Alfāz al-Qur‘ān* (Damshiq: Dār al-‘Ilm, 1992), 145.

⁶⁰ Ḥamdi Mu‘ammar, *al-Tarbiyah bi al-Ibtīlā’*, (Jurnal Sains Kemanusiaan Universiti al-Aqsa, Jun 2009), 98.

kesusahan yang dihadapi oleh manusia.⁶¹ Definisi ini kelihatan mempunyai sedikit persamaan dengan definisi yang digariskan dalam *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi* yang menyatakan bahawa ujian merupakan musibah. Walau dari arah mana sahaja ujian datang kepada manusia, ia akan memberikan kesusahan kepadanya. Ujian juga merupakan perkara yang menguji kesabaran dan keimanan seseorang.⁶²

Selepas pengkaji merujuk dan meneliti penjelasan al-Qurtūbī mengenai definisi ujian, pengkaji mendapati ia mempunyai persamaan dengan beberapa sarjana sebelum ini. Beliau menjelaskan bahawa ujian hadir sama ada berbentuk kebaikan atau keburukan. Allah SWT menguji dengan kebaikan untuk menguji sama ada hamba tersebut bersyukur dengan kebaikan tersebut atau sebaliknya. Begitu juga dengan keburukan yang diberikan, ia adalah untuk menguji sama ada hamba tersebut bersabar dengan kesusahan yang menyimpannya atau tidak.⁶³

Rajab Nāṣir Mūsā al-Anas juga berpendapat dengan pendapat yang sama seperti al-Qurtūbī dan sarjana yang bersama dengan beliau. Rajab Nāṣir menyatakan bahawa ujian merupakan dugaan dan cubaan daripada Allah SWT. Dugaan dan cubaan ini hadir pada kehidupan manusia dalam dua jenis. Ia boleh hadir dalam bentuk kebaikan kepada manusia dan boleh juga hadir dalam bentuk keburukan atau kesusahan kepada manusia tersebut.⁶⁴

Kesimpulannya, hasil daripada kumpulan definisi-definisi ini, pengkaji mendapati bahawa perkataan ujian telah dijelaskan melalui dua sudut. Yang pertama ia didefinisikan

⁶¹ Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah lī al-Ṭibā'ah, 1972), 1:91.

⁶² Ibrāhīm al-Sāmarrā'ī et al., *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi* (Paris: Larousse, 1988), 176.

⁶³ Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtūbī, *al-Jami' li Ahkām al-Qur'an* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 1:263.

⁶⁴ Rajab Nāṣir Mūsā al-Anas, *Sunnah al-Ibtīlā' fī al-Qur'an al-Karīm* (Palestin: Universiti al-Najaḥ al-Waṭaniah, 2007), 25.

secara bahasa dan yang kedua ia didefinisikan secara istilah. Dua sudut ini mempunyai perbezaan antara satu sama lain yang perlu diteliti dan dititik beratkan.

Pengkaji mendapati bahawa definisi perkataan ujian dari segi bahasa hanya membawa makna bala, kesusahan, keperitan, kesedihan dan kemurungan. Definisi ini kebanyakannya yang tertulis di kamus-kamus bahasa. Manakala definisi perkataan ujian dari segi istilah lebih merujuk kepada ujian kehidupan secara tepat. Ia merangkumi perkara-perkara yang datang dalam bentuk kebaikan mahupun keburukan kepada setiap manusia yang mana kesemuanya merupakan ujian daripada Allah SWT.

2.2 Dalil-dalil Tentang Ujian

Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang menyentuh tentang ujian kehidupan. Ini menunjukkan bahawa ujian bukanlah satu perkara yang asing dalam hidup seorang Islam. Dalil-dalil daripada dua sumber rujukan umat Islam ini juga menjadi semangat dan bimbingan kepada setiap individu Muslim dalam menghadapi ujian Allah SWT. Ini adalah kerana rohani bersifat spiritual, maka makanannya juga bersifat spiritual. Antara dalil-dalil tersebut ialah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبَلُّوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾
Al-Anbiyā' 21:35

Terjemahan: Tiap-tiap yang bernyawa pasti akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kami lah kamu dikembalikan.

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa Dia terkadang menguji manusia dengan pelbagai musibah dan terkadang dengan pelbagai nikmat. Lalu Allah SWT akan melihat siapa yang bersyukur dan siapa yang kufur serta siapa yang bersabar dan siapa yang berputus asa. Sebagaimana 'Alī bin Abī Ṭalhah berkata bahawa Ibn 'Abbās berkata tentang

tafsiran ayat ini: Allah SWT menguji manusia dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan iaitu dengan kesulitan dan kelapangan, kesihatan dan kesakitan, kaya dan fakir, halal dan haram, taat dan maksiat, petunjuk dan kesesatan.⁶⁵

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ﴿١٥٥﴾
Al-Baqarah 2:155

Terjemahan: Dan sesungguhnya akan Kami berikan cubaan kepada kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan.

Allah SWT memberitahu bahawa Dia akan menguji hamba-hambanya. Dia memberikan ujian berupa kebahagiaan dan pada saat yang lain Dia juga memberikan ujian berupa kesusahan. Ia adalah seperti rasa ketakutan dan kelaparan. Ini adalah kerana orang yang sedang lapar dan takut, ujian pada keduanya akan terlihat dengan sangat jelas. Allah juga akan menguji hambanya dengan kehilangan jiwa iaitu meninggalnya para sahabat, kerabat dan orang-orang yang dicintai serta tanaman di kebun atau sawah tidak dapat diolah sebagaimana semestinya. Semua hal di atas dan yang semisalnya adalah bahagian daripada ujian Allah SWT kepada hamba-hambanya. Barang siapa bersabar, maka Allah SWT akan memberi pahala kepadanya. Manakala barang siapa yang berputus-asa kerananya, maka Allah SWT akan menimpakan seksaan ke atasnya.⁶⁶

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا آمَاؤُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾
Al-Anfāl 8:28

Terjemahan: Dan ketahuilah bahawa hartamu dan anak-anakmu itu hanyalah sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allahlah pahala yang besar.

⁶⁵ Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*, terj. M. Abdul Ghoffar E.M. dan Abu Ihsan al-Atsari (Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2008), 6:103.

⁶⁶*Ibid.*, 1:386.

Allah SWT menjelaskan bahawa ujian dan cubaan kepada manusia adalah saat Dia memberikan harta dan anak kepada hamba-hambaNya. Ini adalah untuk Dia mengetahui sama ada hambaNya bersyukur atas pemberian tersebut, mentaatinya dalam menguruskan kedua ujian tersebut atau hambaNya menjadi sibuk dengan kedua-dua ujian ini sehingga menjadikan keduanya sebagai pengganti Allah SWT. Hakikatnya, pahala Allah, pemberianNya dan syurga-syurgaNya lebih baik bagi manusia berbanding harta dan anak-anak. Ini adalah kerana kadang-kadang di antara mereka itu menjadi musuh dan kebanyakan mereka tidak memberi apa-apa erti bagi manusia, sedangkan Allah zat yang mengatur, dan yang memiliki dunia serta akhirat.⁶⁷ Ia juga disebutkan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah yang menyatakan bahawa isteri dan anak-anak merupakan ujian cinta daripada Allah SWT. Ujian cinta ini menghalang seseorang Muslim itu untuk berhijrah, berjihad, mempelajari ilmu, bersedekah dan masalah-masalah agama yang lain.⁶⁸

وَلَتَبْلُوكُمْ حَتَّى نَعْلَمَ الْمُجْهِدِينَ مِنْكُمْ وَالصَّابِرِينَ وَتَبْلُؤْا أَخْبَارَكُمْ ﴿٣١﴾

Muhammad 47:31

Terjemahan: Dan demi sesungguhnya, Kami benar-benar akan menguji kamu sehingga Kami mengetahui orang yang benar-benar berjihad dan yang bersabar di antara kamu dan akan Kami uji perihal kamu.

Daripada ayat ini, Allah menjelaskan bahawa Dia pasti akan menguji manusia dengan perintah dan larangan. Ini adalah untuk mengetahui siapa yang benar-benar berjihad dan bersabar. Pengetahuan Allah SWT lebih awal tentang apa yang terjadi itu tidak akan menjadi keraguan. Ini kerana apa yang dimaksudkan adalah Allah menguji hambaNya untuk melihat

⁶⁷*Ibid.*, 4:39.

⁶⁸ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *Sabar Perisai Seorang Mukmin*, terj. Fadli Lc. (Indonesia: Pustaka Azzam, 2000), 77.

sendiri apa yang dilakukan oleh hambaNya ketika menghadapi ujian kehidupan sebagaimana yang diterangkan oleh Ibn ‘Abbās.⁶⁹

Seterusnya, Rasulullah SAW juga pernah berbicara tentang ujian kehidupan.

Antaranya ialah:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُصِبْ مِنْهُ⁷⁰

“Barang siapa yang Allah SWT menghendaki kebaikan pada dirinya, maka Dia akan menimpakan bencana kepadanya.”

Rasulullah SAW menyatakan bahawa ujian merupakan salah satu petanda bahawa Allah SWT inginkan kebaikan pada diri hambaNya. Hadis ini dijelaskan lagi oleh Salīm bin ‘Aid al-Hilālī bahawa ujian tersebut hadir dari pelbagai sudut kehidupan. Ia sama ada ujian pada tubuh badan manusia tersebut, atau hartanya mahupun perkara-perkara yang disayangi oleh dirinya. Seseorang yang beriman itu lazimnya tidak pernah sunyi daripada kecacatan, kekurangan mahupun keperitan. Tetapi ujian-ujian tersebut tidak lain tidak bukan merupakan petanda bahawa Allah SWT menyayanginya. Ia adalah untuk menaikkan martabatnya, meninggikan darjatnya dan mengampunkan kesalahan-kesalahannya.⁷¹

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ كَالْحَامَةِ مِنَ الزَّرْعِ، تُفَيْئُهَا الرِّيحُ مَرَّةً، وَتَعْدِيهَا مَرَّةً، وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ
كَالْأَرزَّةِ، لَا تَزَالُ حَتَّى يَكُونَ أَنْجَعَهَا مَرَّةً وَاحِدَةً⁷²

“Perumpamaan orang yang beriman ibarat sebatang pokok yang terumbang-ambing disebabkan oleh angin, terkadang hembusan angin melenturkannya dan terkadang menegakkannya kembali. Demikianlah keadaannya sehingga tiba ajalnya. Sedangkan keadaan orang munafik

⁶⁹ Isma‘il bin ‘Umar bin Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, terj. M. Abdul Ghoffar E.M. dan Abu Ihsan al-Atsari (Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi‘i, 2008), 9:31.

⁷⁰ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2011), 920. Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb mā Jā’a fī Kaffārah al-Maraḍ, no. Hadis 5645.

⁷¹ Salīm bin ‘Ayd al-Hilālī, *Bahjat al-Nāzirīn Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* (Mesir: Dār Ibn al-Jauzī, 1997), 1:98.

⁷² Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2011), 919. Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb mā Jā’a fī Kaffārah al-Maraḍ, no. Hadis 5642.

ibarat sebatang pokok yang kaku. Ia tidak kalah dengan apa pun, sehingga apabila ia tumbang, (tumbang) sekali gus.”

Muhammad Ṣāliḥ bin al-‘Uthaymin mensyarahkan hadis ini dengan menyatakan bahawa hadis ini menceritakan tentang hikmah di sebalik musibah yang menimpa manusia. Walau apa jua jenis musibah yang menimpa, Allah SWT akan mengampunkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh manusia tersebut. Ini merupakan nikmat daripada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT tidak mengumpulkan dua ganjaran dalam satu masa bagi hamba-hambaNya, iaitu ganjaran di dunia dan ganjaran di akhirat.⁷³

Muhammad Ṣāliḥ juga menyatakan bahawa manusia di dunia ini tidak akan kekal bahagia selamanya. Ada hari yang dirinya gembira dan ada hari dirinya bersedih juga. Ada hari dirinya mendapat sesuatu hasil dan ada hari dirinya tidak memilikinya. Maka, manusia akan ditimpakan musibah sama ada pada jiwanya atau pada tubuh fizikalnya. Ia juga boleh menimpa masyarakat sekeliling atau ahli keluarganya. Musibah atau ujian kehidupan sangat banyak dan tidak mampu dikira atau dihitungkan oleh manusia itu sendiri. Tetapi bagi orang-orang Islam, ujian ini memberikan kebaikan kepada dirinya. Jika datang kesusahan kepadanya, ia perlu kepada kesabaran, manakala jika datang kesenangan kepadanya, ia perlu kepada kesyukuran. Maka dirinya akan peroleh kebaikan daripada ujian tersebut. Di samping itu, sekiranya orang-orang Islam ditimpa musibah, dirinya tidak boleh menganggap kesedihan, keperitan atau duri yang mencucuknya akan hilang dengan sia-sia, tetapi dirinya perlu meyakini ada kebaikan di sebalik ujian yang menimpanya. Kebaikan tersebut ialah akan digugurkan dosa-dosanya seperti mana daun-daun gugur dari pokoknya. Maka, ini merupakan nikmat daripada Allah SWT.⁷⁴

⁷³ Muhammad Ṣāliḥ bin al-‘Uthaymin, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ṭahirān: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 2008), 7:309.

⁷⁴ *Ibid.*, (Madār al-Waṭan, 2005), 1:243.

Dalam hadis tersebut juga, Rasulullah SAW telah membuat perumpamaan antara seorang mukmin dengan munafik. Ibn al-‘Uthaymin mensyarahkan hadis ini dengan menyatakan bahawa Rasulullah menyatakan bahawa orang yang beriman itu ibarat ranting pokok yang lembut. Ia mudah ditiup angin lalu menjadikannya ke kiri dan ke kanan tetapi tidak mematahkannya. Ia hanya bergerak-gerak dan akan kembali tetap bila angin berhenti bertiup. Begitulah keadaan orang yang beriman kepada Allah SWT. Walaupun dirinya sering ditimpa ujian dan kesakitan tetapi dirinya tidak akan berputus asa. Ini adalah kerana dirinya yakin dan mengetahui bahawa sesungguhnya perkara yang dihadapinya adalah daripada Allah SWT dan pastinya ada hikmah yang ingin disampaikan.⁷⁵ Maka keyakinan tersebut yang menjadikan orang yang beriman tetap kuat dan utuh walau kuat mana angin menggoyangkannya. Inilah yang membezakan antara mukmin dan munafik.

2.3 Bentuk-bentuk Ujian

Sebagaimana yang telah pengkaji bincangkan sebelum ini, ujian dalam kehidupan ini mempunyai pelbagai bentuk dan jenisnya. Ia tidak terhad pada perkara-perkara yang menyusahkan, menyedihkan dan menyakitkan seseorang sahaja. Malah kesenangan, kebahagiaan dan keseronokan juga boleh menjadi ujian buat sekalian manusia. Ujian boleh muncul dalam tiga bentuk iaitu pertamanya ujian dalam konteks menguatkan akidah seperti kisah Nabi Ayyub yang diuji dengan sakit kulit agar bertambah keimanan beliau. Keduanya ujian dalam bentuk ketaatan seperti kisah Nabi Ibrahim yang diperintah oleh Allah SWT untuk menyembelih anak beliau. Ketiga, ujian berbentuk kenikmatan seperti yang berlaku terhadap Bani Israel yang diberi kelebihan berbanding bangsa lain.⁷⁶ Antara jenis-jenis ujian

⁷⁵ Muḥammad Ṣāliḥ bin al-‘Uthaymin, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ṭahirān: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 2008), 7:310.

⁷⁶ Rajab Nāṣir Mūsā al-Anas, *Sunnah al-Ibtilā’ fī al-Qur’ān al-Karīm* (Palestin: Universiti al-Najah al-Waṭāniyah, 2007), 86. Lihat Rohaida Binti Mohammed Dawam, *Kefahaman Mangsa Banjir di Temerloh, Pahang Terhadap Konsep al-Ibtilla’ dan Kaitannya dengan Pembangunan Sahsiyah* (Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 78.

yang dapat diperhatikan dalam kehidupan seharian yang mana telah dikaji oleh al-Sayyid Ḥusayn Najīb Muḥammad⁷⁷, ialah:

2.3.1 Ujian Pada Setiap Pemberian Tuhan⁷⁸

Allah SWT Maha Pemurah terhadap hamba-hambaNya. Nikmat yang dicurahkan kepada manusia tidak mampu dibilang oleh kudrat seorang manusia. Setiap satu pemberian tersebut merupakan ujian daripada Allah SWT dan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT kelak. Ini bertepatan dengan ayat Allah SWT, iaitu:

لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ

Al-Mā'idah 5:48

Terjemahan: Allah hendak mengujimu terhadap pemberian yang telah diberikan kepada kamu.

Daripada ayat Allah SWT ini, dapat difahami bahawa hakikat setiap inci pemberian daripada Allah SWT itu merupakan ujian. Ia bergantung kepada apa yang dimiliki oleh diri seseorang itu. Sekiranya dirinya memiliki ilmu, maka ia adalah ujian buat pemilik ilmu tersebut. Adakah dirinya akan cuba beramal dengan ilmu tersebut? Adakah ilmu tersebut menjadikan dirinya lebih merendah diri atau menjadikan dirinya sombong dan takbur? Selain itu, jika dirinya mempunyai harta, maka ia adalah ujian kepada pemilik harta tersebut. Daripada mana sumber harta yang dimiliki tersebut? Adakah dirinya akan menyumbangkan harta tersebut di jalan Allah SWT atau menggunakannya untuk tujuan melakukan maksiat di muka bumi ini? Dan jika dirinya memiliki kecantikan, maka kecantikan itu menjadi ujian kepada pemiliknya. Adakah dirinya berusaha mengikut perintah Allah SWT untuk menutup auratnya atau sebaliknya?

⁷⁷ Al-Sayyid Ḥusayn Najīb Muḥammad, *Kaifa Tuwājihu al-Ibtilā'* (Lubnan: Dār al-Hādī, 2003), 13.

⁷⁸ *Ibid.*

Dan begitulah nikmat-nikmat dan pemberian Allah SWT yang seterusnya. Seperti waktu lapang, kesihatan, kekuatan badan, kelunakan suara dan sebagainya. Semuanya merupakan ujian yang perlu disedari oleh setiap manusia. Jika seseorang hamba itu sedar bahawa apa yang dimiliki oleh dirinya merupakan ujian, maka dirinya akan berusaha untuk sentiasa bersyukur dan menggunakannya pada perkara-perkara yang direcai oleh Allah SWT.

2.3.2 Ujian Kesusahan⁷⁹

Manusia juga diuji dengan ujian berbentuk kesusahan. Ia adalah seperti ditimpa penyakit, kemiskinan, perpisahan, penahanan dalam penjara, atau kematian orang tersayang. Ujian berbentuk ini lebih disedari kehadirannya oleh kebanyakan manusia. Sekiranya tidak diiringi dengan kesabaran ketika menghadapinya, manusia akan mudah menyalahkan takdir Allah SWT.

Terdapat juga sebahagian manusia yang diuji dengan perasaan ketakutan yang dahsyat. Ia sama ada takut untuk mati, takut untuk dimasukkan ke dalam penjara, takut untuk jatuh miskin dan sebagainya. Sebahagiannya pula diuji dengan kehilangan harta seperti mata wang, rumah atau kereta. Sama ada sebahagian daripada hartanya dicuri, dirompak atau ditimpa bencana alam atau keseluruhannya sehingga menjadikan dirinya muflis.

2.3.3 Ujian Tuntutan Syariat⁸⁰

Tuntutan syariat merupakan perkara yang terpenting yang menjadi ujian buat manusia. Setiap perkara yang wajib akan dipertanggungjawabkan di negeri akhirat kelak. Jika ia tidak dilaksanakan dengan sempurna, maka manusia akan tergolong dalam golongan yang rugi di hadapan Allah SWT. Allah SWT berfirman:

⁷⁹ *Ibid*, 18.

⁸⁰ *Ibid*, 19.

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Al-Mulk 67:2

Terjemahan: Dialah yang mencipta hidup dan mati untuk menguji kamu, siapa dalam kalangan kamu yang lebih baik amalannya. Dan Dia Maha Perkasa Maha Pengampun.

Tuntutan syariat menjadi ujian kepada manusia disebabkan perkara-perkara tertentu. Ia adalah seperti sifat malas yang wujud dalam diri seseorang sehingga sanggup untuk meninggalkan ibadah solat. Selain itu, terdapat juga sebahagian manusia yang tidak sabar menahan dirinya daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Sikap sayang terhadap harta juga menjadi ujian kepada sebahagian umat Islam. Perkara ini berlaku apabila dirinya berat hati untuk mengeluarkan zakat atau menggunakan harta tersebut bagi menunaikan ibadah haji.

2.3.4 Ujian Perbezaan Ciptaan Manusia⁸¹

Allah SWT Maha Bijaksana dalam setiap penciptaan di muka bumi ini. Dia telah mencipta manusia dengan sifat kepelbagaian. Ia sama ada kepelbagaian pada kekuatan tubuh badan, tahap ilmu pengetahuan, keadaan ekonomi dan sebagainya. Maka disebabkan itu, wujudnya golongan manusia yang kaya dan miskin, golongan pandai dan jahil serta golongan kuat dan lemah. Kepelbagaian ini bukanlah satu penindasan daripada Allah SWT, tetapi ia merupakan ujian bagi setiap manusia tersebut walau apa sahaja tahap kehidupan mereka. Perkara ini boleh dilihat dalam firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ

عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَدَّرُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Al-Hujurat 49:13

⁸¹ *Ibid*, 23.

Terjemahan: Wahai manusia, sesungguhnya Kami mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu pelbagai bangsa dan kaum untuk berkenalan antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia dalam kalangan kamu ialah mereka yang bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Teliti.

Golongan kaya akan diuji sama ada dirinya akan membantu golongan fakir atau sebaliknya. Golongan pandai akan diuji sama ada ilmu yang dimilikinya akan disampaikan dan dikongsikan kepada golongan jahil atau sebaliknya. Begitu jugalah dengan golongan kuat. Mereka diuji adakah kekuatan yang mereka miliki itu digunakan untuk membantu orang yang lemah atau menindas mereka. Maka, setiap manusia itu mempunyai ujian yang berbeza-beza kerana kepelbagaian ciptaan Allah SWT.

2.3.5 Ujian Daripada Syaitan⁸²

Syaitan merupakan makhluk yang paling bahaya. Ia sentiasa berusaha menghasut anak-anak Adam iaitu sekalian manusia untuk melakukan kejahatan dan kemungkaran di muka bumi ini. Maka, ia merupakan ujian yang sangat besar kepada golongan manusia. Tambahan pula, ia menjadi lebih sukar untuk dielak dan dijauhi oleh manusia kerana fizikalnya yang tidak boleh dilihat oleh mata manusia itu sendiri sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran.

إِنَّهُ يَرْدِكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ ﴿٢٧﴾

Al-A'rāf 7:27

Terjemahan: Sesungguhnya syaitan dan pengikut-pengikutnya melihat kamu dari satu tempat yang kamu tidak boleh melihat mereka.

⁸² *Ibid*, 24.

Walaupun begitu, umat Islam mestilah sentiasa menyedari dan mengakui tentang kewujudan syaitan dan tugasannya yang tidak akan pernah berhenti sehingga hari kiamat. Jadi, manusia akan berusaha untuk menghindarkan diri daripada mengikut hasutan syaitan dan sentiasa memohon perlindungan daripada Allah SWT. Ini adalah kerana, syaitan menguji manusia pada perkara yang berkaitan dengan keimanan dan ketakwaan seseorang hamba Allah SWT sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran.

وَمَا كَانَ لَهُ عَلَيْهِمْ مِنْ سُلْطَانٍ إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَوْمَئِذٍ بِالْآخِرَةِ مِمَّنْ هُوَ مِنْهَا
فِي شَكٍّ وَرَبُّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَفِيظٌ ﴿٢١﴾
Saba' 34:21

Terjemahan: Dan tidak ada kekuasaan iblis terhadap mereka, melainkan hanya agar Kami dapat membezakan antara mereka yang beriman dengan akhirat dan mereka yang masih ragu-ragu dengannya. Dan Tuhanmu Maha Memelihara segala sesuatu.

Hubungan antara manusia dan syaitan adalah musuh yang nyata. Hakikat ini tidak akan pernah boleh diubah dan ditukar. Ia juga tidak akan mendatangkan kebaikan jika manusia cuba untuk menghilangkan musuh ini. Ini adalah kerana syaitan tidak pernah memiliki sifat berputus asa, mereka tiada tugas dan tujuan dalam hidupnya melainkan untuk menyesatkan manusia, memesongkan manusia daripada kebenaran dan mengajak manusia untuk melakukan maksiat kepada Allah SWT.⁸³

2.4 Kisah-kisah Ujian untuk Dijadikan Pengajaran

Ujian tidak khusus kepada beberapa individu sahaja, tetapi ia hadir dalam kehidupan setiap manusia di dunia ini. Ia tidak kira usia, warna, bangsa dan agama. Maka disebabkan itulah ujian merupakan sunnatullah dalam hidup manusia. Walaupun begitu, ujian hadir pada

⁸³ 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mustafād min Qaṣaṣ al-Qur'ān li al-Da'wah wa al-Du'āh* (Syria: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn, 2014), 31.

tahap yang berbeza sebagaimana berbezanya jenis-jenis ujian. Terdapat sebahagian manusia diuji dengan ujian yang mudah dan ringan dan terdapat juga sebahagiannya yang diuji dengan ujian yang susah dan berat. Jika sedang ditimpa ujian, ketahuilah bahawa terdapat insan lain yang menghadapi ujian yang lebih besar.⁸⁴ Ini adalah untuk melahirkan rasa syukur dengan tahap ujian yang kita hadapi. Sesungguhnya terdapat ramai lagi manusia yang diuji dengan ujian yang lebih berat dari kita. Ia boleh dilihat daripada apa yang dihadapi oleh umat terdahulu dan individu tertentu.

2.4.1 Ujian Kesusahan

2.4.1.1 Nabi Adam a.s

Nabi Adam a.s merupakan nabi yang pertama yang diuji oleh Allah SWT. Ujian-ujian yang dilalui oleh Nabi Adam boleh kita ketahui daripada penceritaan Allah SWT di dalam al-Quran. Antara ujian-ujian yang dihadapi oleh Nabi Adam a.s ialah terdapat pihak lain yang membenci dan dengki dengan beliau. Ini diceritakan apabila Allah SWT meminta semua makhluk sujud kepada beliau tetapi iblis tidak berbuat demikian kerana kebencian dan kedengkiannya terhadap Nabi Adam a.s. Beliau dihasut oleh syaitan untuk melanggar larangan Allah SWT iaitu larangan mendekati sephohon pokok di dalam syurga. Beliau juga diuji dengan sifat lupa iaitu terlupa akan larangan yang telah disebut oleh Allah SWT kepadanya sehingga membuatkan beliau melakukan kesalahan. Kemudian, Adam a.s menghadapi ujian apabila Allah SWT mengeluarkannya daripada syurga dan dipisahkan dirinya dengan isteri tercinta ketika berada di dunia.⁸⁵

⁸⁴Ahmad bin Muhammad bin 'Ajibah al-Hasani, *Lebih Dekat Kepada Allah: Jangan Asal Beriman*, terj. Abdul Halim (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2007), 278.

⁸⁵'Abd al-Karim Zaydān, *al-Mustafād min Qaṣaṣ al-Qur'ān li al-Da'wah wa al-Du'āh* (Syria: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn, 2014), 10-16.

2.4.1.2 Nabi Ayyub a.s

Nabi Ayyub a.s antara nabi Allah SWT yang diuji dengan ujian-ujian yang hebat. Beliau telah diuji dengan musibah berbentuk harta, anak dan tubuhnya. Pada awalnya beliau memiliki kenderaan, binatang ternakan, tanaman yang banyak, anak yang ramai dan tempat tinggal yang menyenangkan. Lalu, Allah SWT mengujinya dengan melenyapkan semua yang dimiliki oleh beliau. Kemudian Allah SWT mendatangkan penyakit di tubuhnya.⁸⁶ Perkara-perkara ini tidak menggoncangkan keimanan beliau. Ini adalah kerana beliau sentiasa mengingati bahawa manusia lahir ke dunia tidak mempunyai apa-apa, kemudian barulah dianugerahi rezeki oleh Allah SWT, maka Allah SWT yang memberi kekayaan. Keimanan Nabi Ayyub a.s tidak dapat digoda oleh syaitan, ia sesuai dengan apa yang diterangkan oleh Allah SWT dalam al-Quran bahawa manusia itu tidak dapat tergoda oleh syaitan jika sekiranya ia hamba Allah SWT yang beriman.⁸⁷ Nabi Ayyub a.s merupakan hamba Allah yang sangat mempunyai sifat sabar sehingga apa sahaja ujian yang menimpa dirinya diterimanya dengan sabar. Kesabaran dan kesolehannya sewajarnya menjadi contoh kepada umat manusia seluruhnya.⁸⁸

2.4.1.3 Nabi Ibrahim a.s

Nabi Ibrahim a.s juga tidak terlepas daripada ujian Allah SWT. Antara ujian-ujian yang dihadapi oleh beliau ialah kisah penghijrahan beliau pada usianya yang muda. Beliau menghindarkan diri daripada kaumnya yang menyembah berhala lalu berusaha menyampaikan risalah tauhid walaupun ditentang oleh kaumnya termasuk ayah beliau sendiri. Kemudian, beliau pernah dicampakkan ke dalam api yang panas dan marak. Beliau juga diuji apabila Allah SWT memerintahkannya supaya meninggalkan anak dan isterinya di

⁸⁶ Isma' il bin 'Umar bin Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, terj. M. Abdul Ghoffar E.M. dan Abu Ihsan al-Atsari (Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2008), 6: 134.

⁸⁷ NY. H. Hadiyah Salim, *Qishasul Anbiya'* (Bandung: PT al-Ma'arif, 1988), 99.

⁸⁸ *Ibid.*, 103.

kawasan tandus yang tiada tumbuhan dan sumber air. Selain itu, Allah SWT juga menguji beliau dengan memerintahkannya melalui mimpi untuk menyembelih anaknya iaitu Nabi Ismail a.s. Walau bagaimanapun, Nabi Ibrahim telah berjaya menghadapi seluruh ujian yang Allah SWT hadirkan dalam kehidupannya sehingga Allah SWT menjadikan beliau sebagai imam kepada seluruh manusia.⁸⁹

2.4.1.4 Nabi Nuh a.s

Nabi Nuh a.s diuji dengan ujian yang sama seperti nabi-nabi yang lain. Ujian tersebut ialah beliau ditentang oleh kaumnya apabila cuba untuk menyampaikan risalah tauhid dan kebenaran. Tetapi, ujian beliau bertambah berat dan sedih apabila anaknya sendiri menafikan dakwah yang dibawa oleh beliau. Walaupun telah berkali-kali beliau mengajak anaknya untuk bersama-sama dengannya, tetapi tetap ditolak dan tidak diendahkan. Akhirnya, anak Nabi Nūh a.s hanyut ditenggelamkan oleh banjir besar bersama-sama kaumnya yang menentang risalah kebenaran tersebut.⁹⁰

2.4.1.5 Ashāb al-Kahfi

Ashāb al-Kahfī merupakan sekumpulan anak muda yang hidup pada zaman lampau. Mereka merupakan anak-anak muda yang beriman kepada Allah SWT. Tetapi mereka telah diuji dengan pemerintah negara yang zalim, sombong dan menyembah tuhan selain daripada Allah SWT. Walaupun diuji dengan dugaan yang hebat, anak-anak muda ini tetap berani untuk berdiri di hadapan Raja Dikyanus untuk menyatakan kebenaran dan keislaman mereka. Disebabkan sifat tegas dan tekad mereka terhadap akidah yang dipegang,

⁸⁹ Al-Sayyid Ḥusayn Najīb Muḥammad, *Kaifa Tuwājihu al-Ibtīlā'* (Lubnan: Dār al-Hādī, 2003), 30.

⁹⁰ 'Abd al-Karīm Zaydān, *al-Mustafād min Qaṣaṣ al-Qur'ān li al-Da'wah wa al-Du'āh* (Syria: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn, 2014), 103.

lalu Allah SWT menjaga dan memelihara mereka dan menidurkan mereka selama beberapa ratus tahun di dalam sebuah gua.⁹¹

2.4.1.6 Abu Bakar al-Siddiq r.a

Abu Bakar al-Siddiq merupakan antara sahabat Rasulullah SAW yang sangat hebat. Beliau merupakan khalifah yang pertama daripada empat khulafā' al-rāsyidīn. Sebagaimana insan-insan lain, Abu Bakar al-Siddiq juga tidak terlepas daripada ujian-ujian kehidupan. Antara ujian beliau yang telah diceritakan ialah beliau telah disakiti, dicampakkan tanah ke atas kepalanya dan dipukul di dalam Masjid al-Haram dengan menggunakan kasut. Hal ini berlaku kerana beliau telah berdakwah mengajak orang ramai untuk beriman dengan Allah SWT dan Rasulullah SAW. Lantaran itu, sekumpulan orang musyrik telah mencetuskan pergaduhan dengan orang Islam termasuklah Abu Bakar al-Siddiq. Beliau telah dipukul dengan sangat teruk di penjuru masjid oleh 'Utbah bin Rabī'ah iaitu seorang lelaki fasiq sehingga keadaan beliau ketika itu adalah antara hidup dan mati. Walaupun diuji dengan sangat dahsyat, Abu Bakar al-Siddiq tidak mengalah dan tetap teguh beriman dengan Allah SWT dan Rasulullah SAW.⁹²

2.4.1.7 Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī r.h

Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī ialah salah seorang ulama' hadis yang terkenal di seluruh dunia. Beliau merupakan seorang alim yang sangat berwibawa. Belum ada lagi ulama' pada zaman ini yang mencapai tahap sama seperti yang telah dicapai oleh al-Bukhārī yang namanya sering disebut oleh sekalian manusia khususnya dalam kalangan ahli-ahli ilmu, mereka sentiasa mengingati beliau. Diceritakan bahawa suatu ketika dahulu,

⁹¹ *Ibid.*, 376-377.

⁹² 'Alī Muḥammad Muḥammad al-Ṣallābī, *al-Insyirāḥ wa Raf' al-Dīq bi Sīrah Abī Bakr al-Siddīq: Shakhsiyyatuhu wa 'Aṣruhu* (Mesir: Dār al-Fajr li al-Turāth, 2003), 34.

masyarakat di sesebuah negeri akan keluar beramai-ramai untuk menyambut dan bertemu dengan al-Bukhārī sekiranya mereka mendengar berita bahawa beliau akan bermusafir ke negeri tersebut. Walaupun begitu, al-Bukhārī telah diuji dengan ujian yang perit. Kehebatan dan kebaikan al-Bukhārī membuatkan segolongan masyarakat dengki dan iri hati dengan diri beliau. al-Bukhārī telah diuji dengan fitnah yang dahsyat yang menyatakan bahawa beliau berpegang dengan pendapat “al-Quran itu ialah makhluk”. Fitnah yang tersebar itu membuatkan para pelajar yang sedang menuntut ilmu beredar dari majlis ilmunya. Beliau juga dibenci oleh gurunya sendiri iaitu Muḥammad bin Yaḥya al-Dhuhli.⁹³

2.4.1.8 Aḥmad bin Shu‘aib al-Nasā‘ī r.h

Insan ini merupakan seorang yang ‘alim dalam bidang hadis. Hasil kesungguhannya dalam mengumpul dan meneliti hadis-hadis Rasulullah SAW, maka terhasil sebuah buku rujukan yang sangat berjasa kepada seluruh manusia sehingga zaman ini. Buku tersebut ialah “*Sunan al-Nasā‘ī*” yang mana ia termasuk dalam enam rujukan utama dalam ilmu hadis. Antara ujian al-Nasā‘ī yang telah diceritakan dalam buku-buku rujukan ialah apabila beliau keluar dari Mesir dan menuju ke Damsyiq, beliau mendapati ramai penduduk di negeri tersebut tidak bersetuju dengan pendapat beliau tentang ‘Alī bin Abī Ṭālib. Perkara tersebut mendesaknya untuk menyatakan perkara hakikat dan kebenaran. Lantas beliau mengarang sebuah buku yang terkenal iaitu “*al-Khaṣā‘iṣ*” dengan harapan Allah SWT akan memberi hidayah kepada masyarakat tersebut. Kemudian, beliau juga menulis sebuah buku yang berjudul “*Faḍā‘il al-Ṣahābat*”. Beliau telah diminta untuk menulis tentang kebaikan dan kelebihan Mu‘awiyah. Lalu beliau berkata: “Aku tidak pernah mengetahui tentang kelebihan dirinya”. Disebabkan itu, penduduk di situ tidak berpuas hati lalu mereka memukul al-Nasā‘ī

⁹³ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Hadyu al-Sārī: Muqaddimah Faḥ al-Bārī* (Mesir: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1986), 514. Lihat juga Amin Muḥammad al-Quḍāh dan ‘Āmir Ḥasan Ṣabrī, *Dirāsāt fī Manāhij al-Muḥaddithīn* (Jordan: Dār Juhainah, 2012), 23.

dengan sangat teruk, memijak-mijak beliau dan mengheret beliau keluar dari masjid. Keadaannya sangat teruk dan hampir menghembuskan nafas yang terakhir kesan daripada pukulan itu.⁹⁴

2.4.1.9 Syaikh Abdul Hamid Kishk

Syaikh Abdul Hamid Kishk merupakan seorang alim yang buta dan pemedato terkenal. Jika Indonesia mempunyai Bung Tomo dan Sukarno, Malaysia memiliki Prof. Dr Zulkifli Mohamad maka Mesir telah memiliki pemedato hebatnya iaitu Abdul Hamid Kishk. Beliau merupakan lagenda ulama' buta yang menggoncangkan pentas pidato dan mimbar Jumaat sehingga digeruni oleh para penzalim. Walaupun buta, tetapi hati Syaikh Kishk tidak buta seperti sangkaan banyak pihak pemerintah Mesir yang menjalankan sistem pentadbiran sekular. Justeru, ketidak-Islaman sistem tersebut membuatkan ramai golongan ulama' termasuk Syaikh Kishk mengkritik dengan lantang termasuk di atas mimbar. Keberanian beliau dalam membetulkan Islam di Mesir telah diuji dengan tangkapan oleh pihak pemerintah lantas beliau dipenjarakan selama beberapa tahun.

Setelah dibebaskan, beliau sekali lagi diuji dengan penegahan daripada menjadi imam masjid dan beliau juga dilarang sama sekali menyampaikan apa sahaja bentuk kuliah agama di mana-mana masjid. Ujian ini pastinya merupakan ujian yang besar dan hebat bagi seorang alim seperti Syaikh Hamid Kishk. Namun begitu, beliau tidak terus pasrah dan mengalah dengan ujian yang ditimpakan ke atas diri beliau. Ini dibuktikan dengan usaha beliau membina masjid di kawasan pinggir bandar yang aman dari kekacauan. Lalu, di masjid yang indah tersebut beliau meneruskan tugas menyebarkan Islam dan menerapkan nilai-nilai

⁹⁴ *Ibid.*, 179. Lihat juga al-Dhahabī, taḥqīq 'Abd al-Raḥmān bin Yaḥyā al-Mu'allimī, *Tadhkirah al-Ḥuffāz* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), 2: 698, al-Dhahabī, taḥqīq Shu'ayb al-Arna'ūt, *Siyar A'lām al-Nubalā'* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1990), 14: 132, al-Dhahabī, *al-'Ibar fī Khabar Man Ghabar* (Kuwayt: Printing and Publication Dept., 1960), 227 dan Ibn Khallikān, taḥqīq Iḥsān 'Abbās, *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Ibnā' al-Zamān* (Beirut: Dār Ṣādir, 1978), 1: 77.

murni dalam jiwa-jiwa masyarakat Muslim terutamanya golongan remaja yang merupakan harapan agama untuk menegakkan Islam di bumi Mesir.⁹⁵

2.4.1.10 Syed Qutb

Syed Qutb merupakan pejuang agama yang banyak berjasa dalam dunia Islam pada zaman ini. Tokoh yang berasal dari Mesir ini telah berkecimpung dalam bidang penulisan dan mengeluarkan banyak buku yang membuka minda seorang Muslim untuk berjuang mempertahankan agama Allah SWT. Syed Qutb telah diuji dengan ujian-ujian yang hebat. Antaranya ialah Presiden Jamāl ‘Abd al-Naṣīr pernah melakukan percubaan untuk membunuh beliau tetapi menemui kegagalan. Seterusnya, beliau juga diuji dengan dihumban ke dalam penjara dan disiksa dengan pelbagai bentuk seksaan yang tidak pernah dibayangkan oleh beliau sebelum ini. Yang terakhir, beliau diuji apabila dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di sebuah tempat yang tidak diketahui oleh sesiapa termasuklah adiknya yang bernama Muḥammad Qutb.⁹⁶

2.4.2 Ujian Kesenangan

2.4.2.1 Qarun

Qarun merupakan seorang lelaki daripada Bani Israel. Beliau beriman dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Musa a.s dan menghafal isi-isi yang ada di dalam kitab Taurat. Apabila menjadi salah seorang yang beriman ketika hidup pada zaman nabi Musa a.s, Qarun diuji dengan memiliki sifat sombong dan takbur. Di samping itu, dia juga diuji dengan kekayaan harta dan anak yang banyak. Perkara-perkara ini mengujinya sehingga

⁹⁵ Zainudin Hashim dan Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden* (Shah Alam: Angkatan Edaran Ent Sdn. Bhd., 2009), 23.

⁹⁶ *Ibid.*, 191.

menjadikannya kufur dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Musa a.s. Akhirnya, Qarun dan rumahnya dibenamkan oleh Allah SWT ke dalam bumi.⁹⁷

2.4.2.2 Kaum 'Ād⁹⁸

Kaum 'Ād merupakan kaum Nabi Hud yang tinggal di Kota Iram. Allah SWT telah menguji kaum ini dengan menganugerahkan kepada mereka kepandaian dan kepakaran dalam membina bangunan-bangunan yang besar dan tinggi dalam sejarah manusia. Ini jelas diketahui melalui firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾ إِرْمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ﴿٧﴾ الَّتِي لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِي الْبِلَادِ ﴿٨﴾
Al-Fajr 89:6-8

Terjemahan: Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu telah melakukan terhadap kaum 'Ād iaitu penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi tiangnya, yang belum pernah diciptakan sepertinya di seluruh negeri pada zamannya.

Walau bagaimanapun kaum ini gagal dengan ujian yang diberikan oleh Allah SWT. Mereka menyembah berhala dan menentang dakwah yang dibawa oleh Nabi Hud a.s. Akhirnya mereka telah dibinasakan dengan ribut taufan yang amat dahsyat.

2.4.2.3 Firaun

Firaun merupakan seorang raja di negara Mesir. Firaun memerintah pada zaman Nabi Musa dan Nabi Harun. Allah SWT telah menguji Firaun dengan memberi kekuasaan kepadanya. Selain itu, Firaun juga diuji dengan kekayaan dan kemewahan harta. Akibat sombong dan angkuh dengan kelebihan yang dimiliki, Firaun menentang dakwah kedua-dua nabi tersebut.

⁹⁷ Al-Sayyid Ḥusayn Najīb Muḥammad, *Kaifa Tuwājihu al-Ibtilā'* (Lubnan: Dār al-Hādī, 2003), 30.

⁹⁸ Ibn Kathīr, *Qaṣaṣ al-Anbiyā' 'Ibrah li Uli al-Albāb* (t.tp., t.p, 2000), 119-122. Lihat juga Rohana Binti Mohammed Dawam, *Kefahaman Mangsa Banjir di Temerloh, Pahang Terhadap Konsep al-Ibtilla' dan Kaitannya dengan Pembangunan Sahsiah* (Akademi Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 105.

Akhirnya Allah SWT menenggelamkan Firaun dan pengikutnya ke dalam Laut Merah. Kisah ini telah diceritakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran, iaitu:

وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمْ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٠﴾

Al-Baqarah 2:50

Terjemahan: Dan kenangkanlah ketika Kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama pengikutnya sedang kamu menyaksikannya.

2.5 Bentuk-bentuk Ujian Yang Dihadapi Oleh Rakan Jalanan

Jika sebelum ini pengkaji menyenaraikan beberapa jenis ujian kehidupan secara umum menurut pandangan ulama'. Di sini, pengkaji akan membincangkan tentang jenis-jenis ujian secara khusus yang dihadapi oleh golongan rakan jalanan. Kebanyakan ujian yang dihadapi oleh golongan ini ialah berbentuk kesusahan dan kesukaran hidup.

2.5.1 Ketiadaan Tempat Tinggal

Ujian utama yang dihadapi oleh seseorang yang membawa status sebagai rakan jalanan ialah ketiadaan tempat tinggal yang tetap.⁹⁹ Mereka sangat dikenali sebagai manusia tanpa kediaman.¹⁰⁰ Tempat tinggal merupakan keperluan yang amat penting bagi seseorang manusia. Ini adalah kerana tempat tinggal merupakan tempat untuk manusia berteduh, berlindung, berehat, beribadah dengan selesa dan menjalankan kehidupan seharian dengan sebaiknya. Tanpa tempat tinggal yang tetap, seseorang manusia itu tidak dapat hidup dengan selesa, aman dan bahagia. Rasulullah SAW bersabda:

⁹⁹ Aswab Mahasin, *Gelandangan: Pandangan Ilmuwan Sosial* (Jakarta: LP3ES, 1984), 3. Lihat juga Parsudi Suparlan, "The Gelandangan of Jakarta: Politics among the Poorest People in the Capital of Indonesia, Indonesia Cornell Modern Indonesia Project", 1974 no. 18 (Oct).

¹⁰⁰ Gerald Daly, *Homeless: Policies, Strategies and Lives on the Street* (London: Routledge, 1996), 8.

أَرْبَعَةٌ مِنَ السَّعَادَةِ: الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ وَالْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ وَالْجَارُ الصَّالِحُ وَالْمَرْكَبُ
الْهَيِّئُ¹⁰¹

Terjemahan: Empat bentuk kebahagiaan adalah memiliki isteri yang baik, tempat tinggal yang luas, jiran yang baik dan kenderaan yang selesa.

Sebagaimana yang dapat diperhatikan, kehidupan seseorang rakan jalanan lazimnya tidak mempunyai arah tuju yang tetap.¹⁰² Pada siang hari golongan ini akan berkeliaran ke merata tempat, manakala pada malamnya mereka akan mencari tempat khusus untuk melelapkan mata dan berehat dari kesibukan dunia. Setiap hari tempat tidur bagi seorang rakan jalanan tidak tetap. Ia adalah seperti di kawasan lapang, terowong-terowong kosong yang ada di sekitar stesen kereta api, tepi-tepi sungai, jejantas, sepanjang jalan kereta api atau di kaki lima deretan kedai mahupun pasar.¹⁰³ Mereka tidak memiliki tempat tinggal, tidak sanggup menanggung beban atas biaya tempat tinggal dan tidak berkeinginan untuk hidup sebagaimana orang yang bermukim.¹⁰⁴

Pengkaji melihat bahawa ujian ketiadaan tempat tinggal ini memberi kesan-kesan sampingan kepada diri seseorang rakan jalanan. Antaranya ialah rakan jalanan tersebut mempunyai permasalahan untuk berkendiri. Apabila tidak mempunyai tempat tinggal, para rakan jalanan tidak mempunyai tempat yang tetap untuk bersiap dan mengurus diri. Malah, sebahagian daripada mereka tidak memiliki peralatan khusus untuk membersihkan diri mereka setiap hari. Perkara ini amat memberi kesan yang kurang baik kepada diri rakan jalanan tersebut sama ada jiwanya mahupun imej luarannya.

¹⁰¹ 'Alī bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī, *Raf' al-Junāh wa Khafd al-Janāh bi Arba'in Ḥadīthan fī al-Nikāh* (Jordan: Dār 'Ammār, 1991), 49. Hadis riwayat al-Ṭayālīsī, *Musnad Abī Daud al-Ṭayālīsī*, no. Hadis 210. Hadis ini sohih di bawah syarat al-Bukhārī dan Muslim.

¹⁰² Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1995), 510.

¹⁰³ Parsudi Suparlan, "Gelandangan: Sebuah Konsekuensi Perkembangan Kota," dalam *Gelandangan: Pandangan Ilmuwan Sosial* ed. Aswab Mahasin (Jakarta: LP3ES, 1984), 47.

¹⁰⁴ Soetjipto Wirosardjono, "Gelandangan dan Pilihan Kebijaksanaan Penanggulan," dalam *ibid.*, 65.

Kemudian, ujian ini juga membuka ruang kepada golongan rakan jalanan untuk mudah ditimpa penyakit. Hal ini adalah kerana hari demi hari mereka tiada tempat untuk berteduh dari cuaca panas terik mahupun hujan lebat. Mereka juga sering menghadapi kesejukan yang memudaratkan pada dini malam dan kepanasan yang terik pada siang hari. Ini juga menyebabkan mereka sangat mudah untuk ditimpa pelbagai penyakit.¹⁰⁵

2.5.2 Pemuluan Daripada Ahli Keluarga dan Masyarakat

Antara ujian hebat yang dihadapi oleh golongan rakan jalanan ialah pemuluan daripada orang sekeliling. Ini sebagaimana yang disebut oleh Muttalib dan Sudwarjo tentang gambaran umum seorang rakan jalanan. Salah satu daripada tiga gambaran yang digariskan ialah golongan rakan jalanan merupakan orang yang disingkirkan dari kehidupan khalayak ramai.¹⁰⁶ Ujian ini menjadi lebih menyedihkan apabila ahli keluarga mereka sendiri yang memulaukan mereka dan menghalau mereka keluar dari rumah. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan golongan rakan jalanan ini dipulaukan oleh ahli keluarga mereka. Antara faktor-faktor tersebut ialah kerana kesalahan yang dilakukan oleh diri mereka yang mana ia tidak dapat diterima oleh ibu bapa mahupun keluarga mereka.

Kesan daripada perkara ini, kaum keluarga atau kenalan kepada golongan rakan jalanan ini tidak mahu membantu mereka untuk memperoleh peluang pekerjaan agar kehidupan mereka mampu menjadi bertambah baik. Malah terdapat sebahagian daripada mereka yang menipu dan memerah tenaga rakan jalanan tersebut untuk kepentingan dirinya sendiri dalam usaha memperbaiki taraf kehidupannya dan bukan kehidupan rakan jalanan itu.¹⁰⁷ Sebagai umat Islam, penting untuk diketahui bahawa keluarga amat penting dalam

¹⁰⁵ Gerald Daly, *Homeless: Policies, Strategies and Lives On The Street* (London: Routledge, 1996), 111.

¹⁰⁶ Jang A. Muttalib dan Sudjarwo, "Gelandangan dalam Kancah Revolusi," dalam *ibid.*, 18. Muttalib dan Sudjarwo juga menyatakan bahawa rakan jalanan merupakan kelompok orang miskin atau dimiskinkan oleh masyarakatnya dan merupakan cara hidup agar mampu bertahan dalam kemiskinan dan keterasingan.

¹⁰⁷ Parsudi Suparlan, "Gelandangan: Sebuah Konsekuensi Perkembangan Kota," dalam *ibid.*, 51.

kehidupan. Hubungan yang terbina lazimnya dipenuhi dengan kasih-sayang, kebahagiaan dan keamanan. Allah SWT berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾
Al-Rūm 30:21

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikan di antara kamu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

2.5.3 Kesukaran Mendapat Peluang Pekerjaan

Sebahagian golongan rakan jalanan juga diuji dengan kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Ia merupakan salah satu ujian yang memberi kesan sampingan kepada mereka. Perkara ini berlaku atas sebab-sebab yang tertentu. Antaranya ialah mereka sukar untuk mendapatkan peluang pekerjaan kerana mereka dipandang rendah oleh masyarakat mahupun pihak majikan. Kebanyakan daripada mereka kurang kepercayaan dan keyakinan terhadap golongan rakan jalanan ini. Maka, mereka tidak mengambil golongan ini sebagai pekerja mereka. Tetapi Soetjipto Wirosardjono cuba mengetengahkan ciri-ciri sebahagian rakan jalanan yang nampaknya bertentangan dengan anggapan umum. Kata beliau, sebahagian rakan jalanan ternyata tidak malas, mereka tidak pernah meminta-minta dan sangat bersetia-kawan. Kerana itu, ia tidak cukup hanya dengan pendekatan ekonomi, keamanan atau ketertiban dalam penyelesaian masalah rakan jalanan. Ia lebih menekankan perlunya pendekatan kemanusiaan, psikologi dan sosial secara menyeluruh.¹⁰⁸

¹⁰⁸ *Ibid.*, ix. Pendapat Soetjipto merupakan sebahagian dari sekitar 22 makalah yang disajikan dalam suatu seminar besar “Pola dan Strategi Terpadu Tentang Alternatif Penanggulangan Masalah Gelandangan” yang

Maka, pendekatan ini amat perlu dilakukan oleh masyarakat umum seluruhnya termasuklah mereka yang mempunyai kuasa sebagai seorang majikan. Dengan pendekatan yang bersifat kemanusiaan, para rakan jalanan mudah untuk mendapat peluang pekerjaan. Natijahnya, mereka dapat menyara kehidupan seharian dengan pendapatan yang diperoleh. Pekerjaan amat penting bagi setiap orang Islam supaya dirinya dapat hidup dengan selesa. Allah SWT berfirman:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ
كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾
Al-Jumu'ah 62:10

Terjemahan: Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di atas muka bumi dan carilah kurnia Allah serta ingatlah Allah sebanyak-banyaknya, moga kamu beruntung.

2.5.4 Kesukaran Untuk Mendapatkan Peluang Pendidikan

Perkara ini juga merupakan ujian buat para rakan jalanan. Ketiadaan pendapatan yang tetap menyukarkan golongan ini untuk maju dalam bidang akademik. Ini khususnya buat rakan jalanan yang masih kecil dan remaja. Ibu dan bapa mereka tidak berkemampuan untuk membayar yuran kepada institusi pendidikan. Mereka tidak dapat merencanakan masa hadapan anak-anaknya mahupun masa hadapan diri mereka sendiri. Mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap, tidak memiliki pendidikan secara formal, tidak dapat memberi bimbingan kepada anak-anak yang mereka lahirkan yang mana ia merupakan perkara yang amat diperlukan oleh seorang anak sebagai makhluk yang masih dalam usia

diselenggarakan oleh Lembaga Riset dan Pengabdian Masyarakat, Fakultas Hukum Universitas Islam Indonesia pada tahun 1982. Lihat juga Soejipto Wirosardjono, "Gelandangan dan Pilihan Kebijakan Penanggulangan," dalam *ibid.*, 65.

perkembangan tertentu.¹⁰⁹ Oleh kerana itu, sebahagian daripada mereka tidak memiliki ilmu-ilmu asas sama ada dalam bidang akademik mahupun ilmu yang berkaitan dengan agama.

Kesan daripada perkara ini, golongan rakan jalanan akan menemui kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan apabila sudah meningkat dewasa. Mereka juga akan mudah ditipu oleh pihak lain kerana tidak memiliki ilmu. Ini sebagaimana yang disebutkan oleh Tadjuddin bahawa golongan ini rendah pendidikannya dan kurang mempunyai keterampilan menyebabkan mereka tidak mendapat pekerjaan yang memadai di kota. Hasilnya, mereka mengerjakan pekerjaan apa sahaja yang mampu untuk mempertahankan kelangsungan hidupnya. Di antara mereka ada yang mengumpulkan barang bekas, mengumpulkan puntung rokok, mengemis dan pekerjaan lainnya.¹¹⁰ Ini menunjukkan bahawa ilmu sangat penting dalam kehidupan seseorang Muslim. Ia sebagaimana yang disebut oleh al-Ghazali iaitu “ilmu tanpa amal ialah gila dan amal tanpa ilmu pula adalah sia-sia.”¹¹¹ Maka, ilmu perlu dipelajari oleh setiap individu supaya dapat beramal dengan baik serta memberikan kehidupan yang lebih sempurna dan selesa kepada dirinya.

2.5.5 Ujian Daripada Agama Selain Islam

Sebahagian daripada golongan rakan jalanan menghadapi ujian daripada pendakwah. Ini adalah kerana mereka sedang berada dalam kesusahan, keperitan dan kesukaran untuk menjalani kehidupan. Maka, apabila didatangi oleh pihak yang menawarkan kesenangan, mereka berada dalam dilema sama ada mahu menerimanya atau sebaliknya. Kesenangan yang ditawarkan adalah seperti mata wang, pakaian, peluang pekerjaan, tempat untuk berteduh dan ruang kecil untuk mendirikan ibadah. Terdapat juga sebahagiannya yang

¹⁰⁹ Ny. Saporinah Sadli, “Perilaku Gelandangan dan Penanggulannya,” dalam *ibid.*, 125.

¹¹⁰ Tadjuddin Noer Effendi, “Gelandangan: Dampak Ledakan Penduduk” dalam *ibid.*, 71.

¹¹¹ Al-Ghazali, *Ayyuhal Walad*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (Kedah: Khazanah Banjariah, 2010), 29.

ditawarkan untuk memeluk agama selain daripada Islam dan dijanjikan kesenangan-kesenangan yang sangat diharapkan oleh seseorang yang sedang berada dalam kesukaran.¹¹² Maka, perkara ini amat menguji diri seseorang rakan jalanan.

2.5.6 Godaan Syaitan

Apabila diuji dengan pelbagai keperitan hidup, syaitan tidak melepaskan peluang untuk menghasut dan menggoda golongan rakan jalanan. Ini jelas disebut di dalam al-Qur'an mengenai tabiat atau tugas syaitan yang sentiasa berusaha menghasut manusia untuk melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang dilarang oleh Islam.¹¹³ Bisikan, godaan dan hasutan syaitan ini sangat memberi kesan kepada jiwa seorang rakan jalanan. Bisikan-bisikan tersebut sangat berpotensi dalam mendorong golongan ini untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Ia adalah seperti membuat keputusan untuk membunuh diri, mempersoalkan tentang takdir Allah SWT dan bersangka buruk terhadap Allah SWT sebagai Tuhan dan Pencipta. Akhirnya, ia memberi kesan negatif terhadap keimanan dan ketaqwaan mereka kepada Allah SWT.

2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap Muslim perlu sentiasa menyedari bahawa kehidupan ini sentiasa dihiasi dengan ujian. Ia hadir di bawah aturan Allah SWT, maka wajib bagi semua orang Islam untuk kembali kepada Allah SWT dalam memohon perlindungan dan bimbingan sepanjang menghadapi ujian-ujian yang dihadapi olehnya. Ini adalah untuk menjaga diri dan hati agar tidak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam ketika ujian hadir menerpa dalam kehidupan seharian.

¹¹² Abū 'Āmir Muḥammad al-Khālīdī (Pengarah Jordan Relife Organization, Mafraq, Jordan) dalam temu bual dengan pengkaji, 19 Januari 2017.

¹¹³ Lihat surah al-Baqarah, 2:268.

BAB 3: KONSEP SABAR DALAM ISLAM DAN KEPENTINGANNYA KEPADA RAKAN JALANAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab yang ketiga ini, pengkaji menghuraikan sifat sabar menurut beberapa orang sarjana Islam. Huraian ini merangkumi definisi, dalil, bahagian dan adab yang berkaitan dengan sifat sabar. Pengkaji juga menyelitkan beberapa kisah berkaitan sifat sabar yang boleh dijadikan pedoman dan motivasi kepada seluruh umat Islam dengan harapan ia dapat membantu individu Muslim dalam mendepani ujian kehidupan.

3.1 Konsep Sabar dalam Islam

Selepas memahami dan menyedari tentang hakikat ujian kehidupan pada bab sebelum ini, kini pengkaji membincangkan tentang sifat yang amat mulia dan dianjurkan oleh agama Islam iaitu sifat sabar terhadap ujian Allah SWT. Sifat ini merupakan perkara yang utama perlu wujud dalam diri seseorang Islam apabila sedang berada dalam ujian kehidupan.

Memandangkan perkataan sabar sering meniti di bibir, ia seolah-olah menjadi suatu perkara biasa dalam kalangan masyarakat umum. Sedang ia merupakan sifat yang luhur dan tulus yang perlu dihayati oleh setiap individu Muslim agar dapat diaplikasikan secara benar dalam kehidupan seharian di muka bumi ini. Maka, perbincangan secara rinci tentang sifat ini harus diketahui oleh seseorang yang beragama Islam. Ini adalah demi memahami konsep sifat sabar ini dengan baik dan sempurna. Selepas memahaminya dengan lengkap, ia akan menghindarkan diri seseorang daripada melakukan perkara yang negatif ketika diuji oleh Allah SWT. Bahkan ia mampu menjadikan dirinya lebih baik dan sentiasa berlapang dada dengan ujian yang diberikan oleh Allah SWT kepadanya.

3.1.1 Definisi Sabar

Jika dilihat daripada kajian literatur, ramai sarjana yang membincangkan tentang sifat sabar termasuk definisinya. Di sini, pengkaji menghuraikan definisi-definisi tersebut untuk melihat dan memahaminya dengan lebih mendalam.

Antara sarjana yang menceritakan tentang definisi sifat sabar ialah Jalāluddīn al-Suyūfī (M911H). Beliau menyatakan bahawa kesabaran yang elok ialah orang yang ditimpa bala tersebut menyembunyikannya sehingga tidak diketahui oleh sesiapa dalam kalangan kaumnya. Ini adalah kerana dia tidak memberitahu tentang bala yang menimpanya kepada seorang makhluk pun.¹¹⁴ Pendapat ini seiring dengan definisi yang dinyatakan oleh Ibn Taimiyyah (M661H) tentang makna sifat sabar.¹¹⁵ Definisi kedua-dua ulama' hebat ini hampir sama dengan pendapat al-Ghazālī (M505H). Beliau berpendapat bahawa individu yang sabar ketika ditimpa ujian merupakan seorang yang tidak ragu-ragu dengan ketentuan Allah SWT dan tidak mengadu kepada mana-mana makhluk tentang ujian yang sedang menimpanya.¹¹⁶ Sabar juga merupakan suatu kenderaan kukuh yang tidak akan rebah dan sebilah pedang tajam yang tidak akan tumpul. Kata-kata Sayyidinā 'Alī r.a tentang sabar ini membawa maksud orang yang sabar dengan ujian Allah SWT merupakan orang yang tidak akan pernah ditimpa kerugian.¹¹⁷

Selain itu, orang yang sabar merupakan orang yang menguatkan jiwanya untuk menghadapi kepenatan, kesusahan dan kesakitan. Mereka juga berusaha melawan perasaan bosan, gelisah, marah, takut, boros dan kemahuan nafsu.¹¹⁸ Pengkaji mendapati bahawa

¹¹⁴ Syaikh 'Ali bin 'Abd al-Rahman al-Kalantani, *Bingkisan Mutiara Untuk Menghidupkan Hati Yang Merana* (Singapura: Pustaka Nasional Singapura, 2004), 483.

¹¹⁵ Ibn Taimiyyah, *al-'Ubudiyyah*, terj. Mu'ammal Hamidy (Indonesia: PT Bina Ilmu, 1984.), 104.

¹¹⁶ Al-Ghazali, *Penenang Jiwa: Pengubatan & Rawatan*, terj. Muhammad Qadirun Nur (Cheras: Wholesale-Mart Business Point Sdn. Bhd., 2008), 11.

¹¹⁷ *Ibid.*, 481.

¹¹⁸ Kāid Qar'ūsy et al., *al-Akhlāq fī al-Islām* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2015), 119. Lihat juga 'Abd al-Rahmān Habannakah al-Maydani, *al-Akhlāq al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, (Damshik: Dār al-Qalam, 1996), 2:503.

definisi ini hampir sama dengan pendapat Aḥmad al-Sharbāṣī. Beliau merangkumkan setiap ujian tersebut di bawah dua perkara utama iaitu beliau berpendapat bahawa orang yang sabar merupakan golongan yang menahan nafsu daripada perkara-perkara yang bertentangan dengan akal dan syariat agama Islam.¹¹⁹ Pendapat beliau ini juga seiring dengan pendapat sarjana yang terdahulu iaitu Syaikh Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī¹²⁰ (M386H) dan al-Rāghib al-Aṣḥānī (M502H) tentang definisi sabar.¹²¹ Sifat sabar juga didefinisikan sebagai keteguhan dan ketahanan menetapi pengaruh yang disebabkan oleh agama untuk menghadapi atau menentang pengaruh yang ditimbulkan oleh nafsu.¹²² Ia seiring dengan pandangan Kasmuri Selamat yang menyatakan bahawa sifat sabar merupakan suatu kekuatan yang mendorong jiwa untuk menunaikan kewajipan dan daya yang menghalangi seseorang untuk melakukan kejahatan.¹²³

Terdapat juga sarjana yang berpendapat bahawa sifat sabar merupakan sebahagian daripada sifat reda. Pendapat ini merupakan pendapat Sa‘īd Hawwā. Beliau menyatakan bahawa orang yang mempunyai sifat sabar yang baik merupakan orang yang menerima, menyerah dan reda kepada apa sahaja yang menjadi qaḍa’ dan qadar Allah SWT.¹²⁴ Orang yang sabar juga merupakan orang yang tidak bermasam muka dan tidak marah, bahkan dirinya menerima kehendak Allah SWT.¹²⁵ Ibn Qudāmah menyatakan bahawa sifat sabar itu tidak akan dapat dirasakan oleh seseorang kecuali kerana kehilangan yang dicintai atau datangnya sesuatu yang tidak disukai.¹²⁶

¹¹⁹ *Ibid.*, 120. Lihat juga Dr. Aḥmad al-Sharbāṣī, *Mausū‘ah Akhlāq al-Qur‘ān*, (Beirut: Dār al-Jīl, 1995) 1:191.

¹²⁰ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Wasfū Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikri, t.t), 1:196.

¹²¹ Abdul Aziz Ismail, *Indahnya Akhlakmu kepada Allah* (Rawang: Pustaka Ilmuwan, 2011), 47.

¹²² M. Ali Chasan Umar, *Hakekat Sabar dan Pahalanya* (Singapura: al-Haramain PTE. LTD., 1980), 33.

¹²³ Kasmuri Selamat, *111 Wasiat Rasulullah SAW untuk Wanita Solehah* (Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise, 1995), 50.

¹²⁴ Sa‘īd Hawwā, *Induk Pensucian Diri*, terj. Syed Ahmad Semait dan M. Abdai Rathomy (Singapura: Pustaka Nasional Singapura, t.t), 949.

¹²⁵ Abdul Aziz Ismail, *Indahnya Akhlakmu Kepada Allah* (Rawang: Pustaka Ilmuwan, 2011), 55.

¹²⁶ Ibn Qudamah, *Minhaj al-Qasidin*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka Kautsar, 1997), 350.

Jika dilihat, terdapat sarjana yang menyatakan kesabaran perlu diiringi dengan tiga perkara utama. Seseorang itu layak untuk dipanggil sebagai orang yang bersifat sabar apabila mereka mampu untuk meninggalkan keinginan nafsu. Di samping itu, dirinya reda dengan setiap perkara yang telah ditakdirkan dalam kehidupannya. Kemudian, timbul perasaan dalam jiwanya untuk mencintai setiap perkara yang Allah lakukan terhadap dirinya. Dengan ketiga-tiga perkara ini, layaklah seseorang itu dipanggil sebagai orang yang sangat mulia yang mempunyai sifat sabar.¹²⁷ Ibn al-Qayyim pula berpendapat bahawa sabar ialah satu kekuatan jiwa dan dengannya segala urusan jiwa menjadi baik dan tuntas.¹²⁸ Manakala ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār menyatakan bahawa sabar ialah menahan nafsu daripada perkara-perkara yang tidak disukai oleh dirinya dan sifat ini khusus hanya ada pada makhluk Allah SWT yang bernama manusia.¹²⁹

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa sifat sabar ini terbukti memerlukan kefahaman yang benar tentangnya. Jika tidak, ia hanya meniti di bibir tetapi tidak dilaksanakan dengan sebenar-benarnya. Selepas mengumpulkan definisi-definisi sifat sabar daripada pelbagai sarjana, pengkaji dapat menyimpulkannya kepada lima perkara utama untuk mengecap makna kesabaran dalam kehidupan. Yang pertama, seseorang itu perlu yakin dengan Allah SWT. Yang kedua, seseorang itu perlu berusaha untuk tidak mengadu kepada selain daripada Allah SWT. Yang ketiga, berusaha menghindarkan diri daripada keinginan nafsu dan dunia. Yang keempat, menerima setiap yang ditakdirkan dalam hidupnya. Yang terakhir, sentiasa bersangka baik dan cinta kepada susunan Allah SWT terhadap kehidupannya sebagai hamba.

¹²⁷ Sa’id Hawwa, *Intisari Ihya’ ‘Ulumuddin: Mensucikan Jiwa*, terj. Aunur Rafiq Saleh Tamhid (Selangor: Pustaka Dini Sdn. Bhd., 2001), 374.

¹²⁸ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *Sabar Perisai Seorang Mukmin*, terj. Fadli Lc., (Indonesia: Pustaka Azzam, 2000), 21.

¹²⁹ ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931), 177.

3.1.2 Dalil Berkaitan Dengan Sabar

Allah SWT berkali-kali menyebut tentang kesabaran dalam kitabNya al-Quran. Ini menunjukkan bahawa sifat sabar amat penting dalam kehidupan seorang Islam. Ia tidak boleh dipandang remeh mahupun dihindarkan dari kehidupan seharian. Antara ayat-ayat Allah SWT yang menyebut tentang sabar ialah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Āli ‘Imrān 3:200

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu, kuatkanlah kesabaran kamu dan bersedialah serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu berjaya.

Potongan ayat pertama yang dibawakan oleh pengkaji ini merupakan ayat yang agung tentang suruhan Allah SWT kepada orang-orang beriman supaya menjadi orang-orang yang sabar. Dalam ayat ini, kita mendapati bahawa Allah SWT telah menggunakan perkataan sabar pada dua konteks yang berbeza. Ibn Kathīr mentafsirkan dua perkataan sabar ini dengan melihat kepada beberapa hadis yang berkaitan dengannya. Beliau menyatakan bahawa perkataan *iṣbirū* dalam ayat tersebut membawa maksud Allah SWT meminta hambaNya supaya sentiasa bersabar dalam melaksanakan dan mendirikan solat lima waktu yang telah diwajibkan kepada semua umat Islam. Manakala perkataan *wa ṣābiru* adalah satu suruhan kepada umat Islam untuk sentiasa bersabar dalam menguruskan diri sendiri dan keinginan nafsu.¹³⁰

Ayat ini Allah SWT telah tujukan kepada orang-orang yang beriman. Mengikut peraturan dan norma yang ditetapkan oleh Allah, usaha besar seperti menyebarkan mesej

¹³⁰ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* (Beirut: Mu’assasah al-Rayyān, 2004), 1:579.

Islam tidak akan mencapai kejayaan tanpa kesabaran dan ketekunan dalam menghadapi kesengsaraan dan cabaran yang tidak dapat dielakkan. Hanya mereka yang sabar dan gigih akan berjaya akhirnya. Ini adalah kerana mereka mematuhi peraturan dan norma yang ditetapkan oleh Allah SWT.¹³¹ Maka, umat Islam perlulah sentiasa sabar dan tekun dalam menghadapi apa sahaja rintangan dan ujian kehidupan agar memperoleh kejayaan yang cemerlang bukan hanya di dunia, malah di akhirat kelak juga.

Di dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Al-Baqarah 2:153

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan mendirikan solat. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.

Kemudian, orang-orang yang bersabar juga akan mendapat kelebihan dan kebaikan yang sangat banyak. Ia semestinya ganjaran daripada Allah SWT buat mereka. Ini adalah kerana golongan ini sangat dicintai olehNya. Kelebihan ini Allah SWT telah janjikkannya dan diselitkan dalam al-Quran yang mulia iaitu:

قُلْ يٰعِبَادِ اللّٰهِ ءَامِنُوْا اَتَّقُوا رَبَّكُمُ لِلَّذِيْنَ اَحْسَنُوْا فِيْ هٰذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَّاَرْضُ اللّٰهِ وٰسِعَةٌ اِنَّمَا يُوَفّٰى الصّٰبِرُوْنَ اَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٩﴾

Al-Zumar 39:10

Terjemahan: Katakanlah: Wahai hamba-hambaKu yang beriman! Bertakwalah kepada Tuhanmu. Orang yang melakukan kebaikan di dunia ini akan beroleh kebaikan di akhirat. Dan bumi Allah ini luas.

¹³¹ Syaikh ‘Abdullah Basmeih, *Tafsir al-Rahman*, terj. Muhammad Noor bin Haji Ibrahim (Putrajaya: Department of Islamic Development Malaysia, 2006), 45.

Sesungguhnya orang yang yang bersabar sahalah yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.

Al-Marāghī mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa Allah SWT menyuruh rasulNya menasihati orang-orang yang beriman dan mengajak mereka mentaati Allah SWT dengan cara jangan melakukan kemaksiatan kepada Allah SWT di samping mengikuti segala perintahNya. Ini adalah kerana, mereka yang berbuat baik di dunia dan melakukan amal-amal soleh serta menyucikan dirinya di dunia, dirinya akan memperoleh kebaikan berbentuk kesihatan dan kejayaan dalam pekerjaan yang dilakukan sebagai ganjaran kepada kesopanannya dalam beragama dan mengikuti keutamaan-keutamaannya. Dirinya juga akan memperoleh kenikmatan di akhirat iaitu nikmat syurga dan nikmat keredaan Allah SWT.¹³² Untuk memenuhi semua perkara tersebut, seseorang itu memerlukan sifat sabar yang sempurna.

Seterusnya, Allah SWT juga berfirman bahawa orang-orang yang sabar merupakan orang yang memperoleh tingkat ketakwaan. Darjat ini merupakan darjat tertinggi yang amat didambakan oleh orang-orang yang mencintai Allah SWT. Ayat tersebut ialah:

وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُتَّقُونَ ﴿٧٧﴾

Al-Baqarah 2:177

Terjemahan: Dan orang-orang yang sabar semasa dalam kesempitan, kesakitan dan peperangan, mereka itulah orang yang benar dan mereka itu jugalah orang yang bertakwa.

Selain itu, Allah SWT juga ada menyebut:

وَأَصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا ﴿٤٨﴾

Al-Tūr 52:48

¹³² Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi*, terj. Bahrun Abu Bakar, Drs. Hery Noel Aly dan K. Anshori Umar Sitanggal (Indonesia: CV. Toha Putra Semarang, 1992), 22-24: 282.

Terjemahan: Dan bersabarlah dalam menunggu ketetapan Tuhanmu, sesungguhnya kamu berada dalam penglihatan Kami.

Sifat sabar juga telah banyak diceritakan dan disebutkan oleh junjungan besar Rasulullah SAW. Antaranya ialah:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَصَابَتَهُ
سَرًّا شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ، صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ¹³³

Terjemahan: Sungguh mengagumkan keadaan orang yang beriman! Ini adalah kerana sesungguhnya segala urusan dirinya merupakan perkara yang baik dan hal itu tidak dimiliki melainkan orang yang beriman. Apabila diberi kesenangan mereka bersyukur dan kesenangan itu menjadi baik baginya. Apabila ditimpa kesusahan, mereka bersabar dan kesusahan itu merupakan perkara yang baik bagi dirinya.

Kemudian, terdapat juga hadis qudsi yang menceritakan tentang sifat sabar dan ganjarannya, iaitu:

إِنَّ اللَّهَ قَالَ: إِذَا ابْتَلَيْتُ عَبْدِي بِحَبِيبَتَيْهِ فَصَبَرَ، عَوَّضْتُهُ مِنْهُمَا الْجَنَّةَ¹³⁴

Terjemahan: Sesungguhnya Allah SWT berfirman; “Jika aku menguji hambaku dengan mengambil kedua-dua kesayangannya (matanya), kemudian dia bersabar. Aku akan gantikannya dengan syurga.”

Ibn al-‘Uthaymin mengatakan bahawa hadis ini ialah tentang Rasulullah SAW menyatakan bahawa Allah SWT menceritakan tentang kelebihan orang yang bersabar. Hadis ini khusus buat mereka yang diambil nikmat penglihatan daripada dirinya. Kata beliau,

¹³³ Muslim al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2010), 1076. Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Zuhūd wa al-Riqāq, Bāb al-Mu’min Amruhu Kulluhu Khair, no. Hadis 2999.

¹³⁴ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2011), 921. Hadis riwayat Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb Faḍl Man Ḍahaba Baṣarahu, no. Hadis 5653.

penglihatan merupakan perkara yang amat disayangi oleh manusia. Maka, jika Allah SWT mengambilnya daripada diri seseorang, kemudian dia bersabar dan bermuhasabah, Allah akan menggantikannya dengan syurga.¹³⁵ Maka, ganjaran sabar amat besar dan bermakna bagi mereka yang mendambakan syurga yang penuh kenikmatan. Kesabaran akan sentiasa memberikan keuntungan kepada pemiliknya sama ada pada dirinya sendiri, hubungannya dengan manusia sekeliling mahupun dengan Allah SWT.

وَمَا أُعْطِيَ أَحَدٌ مِنْ عَطَاءٍ حَيْرَ وَأَوْسَعُ مِنَ الصَّبْرِ¹³⁶

Terjemahan: Tiada seseorang pun yang diberi kurnia yang lebih baik dan lebih luas selain daripada kesabaran.

Daripada hadis ini, dapat disimpulkan bahawa kesabaran merupakan pemberian yang amat berharga daripada Allah SWT. Tiada hadiah dan kurnia yang lebih agung melainkan ia adalah kurniaan berbentuk sifat kesabaran dalam diri. Dengan berbekalkan sifat sabar yang amat mulia ini, seseorang Islam dapat menjalani kehidupan sehariannya di muka bumi ini dengan penuh kebaikan dan sangat cemerlang. Maka, setiap Muslim perlulah sentiasa meminta dan memohon kepada Allah SWT agar dimasukkan dalam golongan orang yang sabar. Ini adalah demi untuk mendapatkan kebahagiaan yang hakiki di dunia dan di akhirat kelak.

3.1.3 Bahagian-bahagian Sabar

Masyarakat umum kebanyakannya mengetahui bahawa sifat sabar diperlukan ketika menghadapi musibah. Hakikatnya, sabar juga diperlukan dalam situasi lain dalam kehidupan di dunia ini. Sabar dalam al-Quran mempunyai ruang lingkup yang sangat luas. Ia dapat

¹³⁵ Al-Nawawī, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn* taḥqīq Abū Ya‘qūb al-Miṣrī (Mesir: Dār al-Yaqīn, 2009), 23-24.

¹³⁶ Muslim al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyāḍ, 2010), 354. Hadis riwayat Muslim, Kitāb Zakāt, Bāb Faḍl al-Ta‘affu wa al-Ṣabr, no. Hadis 1053.

dikategorikan kepada dua perkara iaitu pertama, sabar menahan diri daripada perkara yang disukai dan kedua, sabar menahan diri dalam meninggalkan perkara yang dibenci.¹³⁷

Rasulullah SAW ada menyebut tentang salah satu jenis sabar dalam sebuah hadis, iaitu:

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ¹³⁸

Terjemahan: Bukanlah orang yang kuat itu orang yang menang dalam pergaduhan tetapi orang yang kuat itu ialah orang yang mampu menahan dirinya daripada kemarahan.

‘Alī bin Abī Ṭālib juga ada menyebutkan tentang bahagian-bahagian sabar. Beliau menyatakan bahawa:

الصَّبْرُ ثَلَاثَةٌ: فَصَبْرٌ عَلَى الْمُصِيبَةِ وَصَبْرٌ عَلَى الطَّاعَةِ وَصَبْرٌ عَنِ الْمَعْصِيَةِ.¹³⁹

Terjemahan: Sabar itu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu sabar terhadap ujian, sabar dalam ketaatan dan sabar daripada melakukan maksiat.

Daripada hadis Rasulullah SAW dan kata-kata ‘Alī bin Abī Ṭālib ini, dapat difahami bahawa sifat sabar amat diperlukan dalam segala aspek kehidupan. Ia tidak terhad hanya dalam menghadapi ujian. Terdapat juga para sarjana yang telah menyenaraikan bahagian-bahagian sabar yang lain. Antara bahagian-bahagian tersebut ialah:

3.1.3.1 Sabar Melawan Keinginan Nafsu

Keperluan untuk bersabar dalam melawan keinginan hawa nafsu sama seperti perlunya sifat sabar terhadap perkara yang tidak disukai, sabar terhadap kemiskinan yang

¹³⁷ Yusuf al-Qaradawi, *Keindahan Sabar*, terj. Ismail Kamus (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1995), 51.

¹³⁸ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyāḍ, 2011), 979. Hadis riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Adāb Bāb al-Ḥazr min al-Ghaḍb*, no. Hadis 6114 dan Muslim al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyāḍ, 2010), 947. Hadis riwayat Muslim, *Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Adāb*, Bāb Faḍl Man Yamliku Nafsahu ‘Inda al-Ghaḍb no. Hadis 2609.

¹³⁹ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *Uddat al-Ṣābirīn wa Dhakhīrat al-Syākirīn* (Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawā’id, 2008), 128. Ia juga diriwayatkan oleh Ibn Abī Duniā dalam tajuk Sabar, no.24 dan Ibn al-Jauzī dalam tajuk al-Mauḍu’āt, 3:184.

dihadapi atau sabar terhadap kesusahan dan kesakitan yang dialami.¹⁴⁰ Sabar melawan keinginan nafsu bermaksud menahan diri daripada perkara-perkara yang membawa kepada kemaksiatan.¹⁴¹ Ia juga membawa maksud sabar daripada dorongan nafsu dan cenderung kepadanya semata-mata iaitu daripada kesenangan dunia, perhiasan serta tarikannya yang sememangnya disukai oleh nafsu dan dihiasi pula oleh syaitan.¹⁴²

Ia juga merupakan kesabaran dalam menghadapi hal-hal yang diminta oleh tabiat atau nafsu yang tidak baik.¹⁴³ Antara keadaan-keadaan tersebut ialah kesabaran dalam menghadapi nafsu perut atau kemaluan. Kesabaran dalam perkara ini juga dikenali sebagai *'iffah* yang membawa maksud menjaga diri daripada perkara-perkara yang hina. Selain itu, sabar daripada kehendak-kehendak berbentuk keduniaan. Golongan ini juga dikenali sebagai individu yang zuhud.¹⁴⁴ Seseorang itu tidak perlu risau jika dirinya keliru dalam memilih jalan untuk sampai kepada Allah SWT, tetapi dirinya perlu risau akan keinginan nafsu yang mampu mengalahkan dirinya sehingga menjadikannya tuli dan buta.¹⁴⁵

Maka, setiap Muslim perlu bersabar mengendalikan keinginan nafsunya, sabar dalam dalam mengekang semua anggota badan agar tidak dikendalikan oleh keinginan nafsu semata-mata dan mengekang jiwa agar tidak menuruti kehendak nafsu.¹⁴⁶ Sabar daripada

¹⁴⁰ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin 'Alī al-Makki, *Qūt al-Qulūb fī Mu'āmalah al-Maḥbūb wa Waṣf Ṭariq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikri, t.t), 1:197.

¹⁴¹ *Ibid.*, 128. Lihat juga Jalaluddin Rakhmat, *Meraih Cinta Ilahi: Belajar Menjadi Kekasih Allah* (Indonesia: Pustaka Iiman, 2008), 328.

¹⁴² Yusuf al-Qaradawi, *Sabar dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 81.

¹⁴³ Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 390.

¹⁴⁴ Ibn Qudamah, *Minhaj al-Qasidin*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 343. Lihat juga 'Abd al-Wahhāb al-Najjār, *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931), 177.

¹⁴⁵ Ahmad bin Muhammad bin 'Ajibah al-Hasani, *Lebih Dekat Dengan Allah: Jangan Asal Beriman*, terj. Abdul Halim (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2007), 280.

¹⁴⁶ Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 390.

perkara-perkara yang dilarang oleh agama merupakan keyakinan yang wujud dalam jiwa seseorang terhadap kewujudan Allah SWT.¹⁴⁷

Perbincangan para sarjana ini membuktikan bahawa keinginan nafsu merupakan salah satu ujian daripada Allah SWT buat hamba-hambaNya. Maka, setiap individu Muslim perlu berusaha melahirkan sifat sabar dalam jiwa bagi mendepani ujian kemahuan nafsu yang membawa kepada perkara-perkara yang dilarang Allah SWT.

3.1.3.2 Sabar Dalam Mentaati Allah SWT¹⁴⁸

Kehidupan umat Islam amat unik dan istimewa. Ini adalah kerana setiap individu Muslim tidak pernah terlepas daripada kewajipan mentaati Allah SWT. Bermula dari awal pagi sehingga seseorang itu melelapkan mata, seluruh kehidupannya penuh dengan ketaatan kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَوَلَّوْا عَنَّهُ وَتَوَلَّوْا تَسْمَعُونَ ﴿٢٠﴾
وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ قَالُوا سَمِعْنَا وَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٢١﴾
Al-Anfāl 8:20-21

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Berimanlah kamu kepada Allah dan rasulNya serta janganlah kamu berpaling daripadanya padahal kamu mendengar. Dan janganlah kamu menjadi seperti golongan yang mengatakan “kami mendengar,” sedangkan mereka tidak mendengar.

Ketaatan dalam Islam mempunyai pelbagai bentuk dan setiap satu daripada itu memerlukan kesabaran untuk melaksanakannya. Ini adalah sebagaimana yang disebutkan oleh Abdul Aziz Ismail bahawa kesabaran juga dituntut dalam melaksanakan pelbagai

¹⁴⁷ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Wasfū Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:194.

¹⁴⁸ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, ‘Uddat al-Sābirīn wa Dhakhīrat al-Shākirīn (Lubnan: Dār ‘Alim al-Fawāid, 2008), 48.

perintah Allah SWT dan di antaranya adalah dalam melaksanakan ibadah.¹⁴⁹ Dan yang utama, seseorang itu perlu bersabar menyembunyikan usaha-usahanya dalam beramal untuk mentaati Allah SWT.¹⁵⁰

Selain daripada itu, seseorang itu juga perlu sabar dan taat dalam menunaikan ibadah kepada Allah SWT.¹⁵¹ Ia adalah seperti mendirikan solat, berpuasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji. Kewajipan-kewajipan yang telah Allah SWT tetapkan ini amat memerlukan kepada sifat sabar. Ia ibarat sabar terhadap Allah SWT. Sabar untuk duduk sebentar meluangkan masa bersamaNya dan mengadu kepadaNya.¹⁵² Jika tidak, seseorang itu tidak mampu memberikan beberapa minit dalam kehidupannya untuk mendirikan solat. Tanpa sabar juga seseorang tidak akan dapat menahan dirinya daripada perkara yang membatalkan puasa.¹⁵³ Begitu jugalah dengan ibadah-ibadah lain. Kesimpulannya, sifat sabar amat diperlukan dalam melakukan amal-amal yang berat daripada pelbagai bentuk ibadah dan lain-lain¹⁵⁴. Di samping itu, setiap individu Muslim juga perlu terus bersabar untuk tetap konsisten dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT.¹⁵⁵ Kesabaran ini dikenali sebagai keimanan seseorang terhadap Allah SWT.¹⁵⁶

Yūsuf al-Qaradawī menggariskan tiga keadaan yang diperlukan bersabar ketika beribadah untuk mentaati Allah SWT. Yang pertama, sifat sabar diperlukan sebelum seseorang itu ingin mentaati Allah SWT. Ia adalah dalam membetulkan niat. Dirinya perlu

¹⁴⁹ Abdul Aziz Ismail, *Indahnya Akhlakmu kepada Allah* (Rawang: Pustaka Ilmuwan, 2011), 60.

¹⁵⁰ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Waṣf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:198.

¹⁵¹ Kāid Qar‘ūsī et al., *al-Akhlāq fī al-Islām* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2015), 126. Lihat juga Jalaluddin Rakhmat, *Meraih Cinta Ilahi: Belajar Menjadi Kekasih Allah* (Indonesia: Pustaka Iman, 2008), 328.

¹⁵² Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Waṣf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:198.

¹⁵³ *Ibid.*, 1:199.

¹⁵⁴ Ibn Qudamah, *Minhaj al-Qasidin*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 343-344.

¹⁵⁵ Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi Untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 390.

¹⁵⁶ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Waṣf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:194.

bersabar daripada kekotoran ria' dan yang membawa kepada kemusnahan amal. Begitu juga perlunya sabar dalam mengikat azam untuk ikhlas dan setia dalam menunaikan amalan. Yang kedua, sabar diperlukan sewaktu beramal. Ia adalah demi memastikan dirinya tidak lupa pada Allah SWT ketika sedang beramal. Dirinya juga tidak bermalas-malas daripada bersungguh-sungguh menunaikan adab-adab amal tersebut. Seterusnya, berusaha untuk sabar dengan syarat-syarat amalan yang dilakukan sehingga dirinya selesai menunaikannya. Yang terakhir, sabar selepas beramal. Ia perlu kepada sabar dalam menahan diri daripada menyiarkan dan menzahirkan apa yang telah dilakukannya kepada orang lain dalam usahanya mentaati Allah SWT. Ini adalah demi mengelakkan pujian dan kemusnahan amal yang telah dilakukan oleh dirinya.¹⁵⁷

3.1.3.3 Sabar dalam Menyebarkan Dakwah Islam

Dalam menyebarkan dakwah Islam, seseorang itu amat memerlukan sifat sabar yang sempurna. Ini adalah kerana proses menyebarkan dakwah Islam memerlukan banyak pengorbanan. Ia adalah seperti mengorbankan jiwa, tenaga, harta dan masa.¹⁵⁸ Tanpa sifat sabar yang kuat, umat Islam akan lemah jiwanya lantas memberi kesan kepada penyebaran dakwah Islam di muka bumi ini.

Antara ujian dalam berdakwah ialah seseorang itu akan diuji dengan kemasyhuran. Maka sifat sabar amat diperlukan dalam situasi ini iaitu sabar menahan diri daripada suka akan pujian, sanjungan dan sifat bangga diri.¹⁵⁹ Ketika berdakwah, umat Islam juga memerlukan kesabaran dalam berkata-kata. Sesiapa yang tidak mampu menguasai lidahnya

¹⁵⁷ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar Dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 95.

¹⁵⁸ Kāid Qar'ūsy et al., *al-Akhlāq fī al-Islām* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2015), 126.

¹⁵⁹ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin 'Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu'āmalah al-Mahbūb wa Wasafa Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:198.

saat berdebat dan dirinya tidak sabar, tentu dirinya akan dibenci oleh orang lain.¹⁶⁰ Maka, apabila berdakwah, setiap Muslim perlu mempunyai kesabaran dalam beradab ketika berinteraksi dengan orang lain.¹⁶¹ Dalam menyebarkan dakwah, seseorang itu juga amat perlu bersabar dalam menegakkan keadilan dan sabar dalam melarang perbuatan keji. Ia sama ada perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu mahupun keimanan.¹⁶²

Terdapat tiga ujian utama dalam menyebarkan dakwah Islam. Ia telah diterangkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran.¹⁶³ Yang pertama ialah berpalingnya manusia daripada seruan dakwah tersebut. Ini adalah kerana telinga-telinga mereka telah pekak dan hati-hati mereka telah tertutup. Yang kedua ialah kesakitan-kesakitan yang dilakukan oleh orang ramai melalui perkataan dan perbuatan. Bagi mereka yang benar-benar ikhlas dalam dakwahnya, maka perkara tersebut tidak akan menyukarkannya dalam menyebarkan dakwah. Yang ketiga iaitu yang terakhir ialah jauhnya perjalanan dan lambatnya kemenangan. Kemenangan tidaklah terlaksana dengan tempoh berlalunya masa antara malam dengan siang, tidak pula bersama terbitnya mentari pagi, melainkan selepas berlalunya masa yang panjang, penuh dengan kepayahan, ujian demi ujian yang mengaburkan penglihatan, hinggakan nyawa berada di halkum dan orang ramai benar-benar mengharapkan pertolongan hanya kepada Allah SWT, maka di sinilah terujinya kesabaran orang-orang yang beriman.¹⁶⁴

Oleh itu, umat Islam yang sedar akan kewajipan menyebarkan dakwah Islam kepada umat sejagat perlulah sentiasa melazimkan dirinya dengan sifat sabar. Allah SWT sentiasa

¹⁶⁰ Ibn Qudamah, *Minhaj al-Qasidin*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 345.

¹⁶¹ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Wasf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:197.

¹⁶² Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi Untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 391.

¹⁶³ Lihat Surah al-Naḥl: 127, al-Muzammil: 10 dan al-Baqarah: 214.

¹⁶⁴ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 98-104.

memberi ganjaran dan balasan yang terbaik bagi mereka yang membantu agamaNya. Ini sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَصُورُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

Muhammad 47:7

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jika kalian membantu agama Allah, nescaya Allah akan membantu kalian dan akan menetapkan kaki-kakimu.

3.1.3.4 Sabar Menghadapi Kesusahan¹⁶⁵

Sudah menjadi sunnatullah sekiranya dalam kehidupan, seseorang itu tidak memperoleh keadaan sama seperti yang diinginkan oleh dirinya. Maka dalam situasi ini, seseorang itu memerlukan sifat sabar dalam dirinya terutamanya sabar daripada tidak mengadu kepada makhluk.¹⁶⁶ Antara ujian-ujian kesusahan ialah seperti kematian orang yang dicintai, musnahnya harta benda, mata yang tiba-tiba menjadi buta, tidak sihat, dan pelbagai ujian yang lain. Ini sebagaimana yang disebut oleh Allah SWT dalam kitabNya:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ

وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Al-Baqarah 2:155

Terjemahan: Dan Kami akan menguji kamu dengan sesuatu yang berbentuk ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan, maka berilah khabar gembira kepada golongan yang bersabar.

¹⁶⁵ Jalaluddin Rakhmat, *Meraih Cinta Ilahi: Belajar Menjadi Kekasih Allah* (Indonesia: Pustaka Iman, 2008), 328. Lihat juga Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi Untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 393.

¹⁶⁶ Syaikh Abi Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makki, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Waṣf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:199.

Sabar dalam menghadapi keadaan-keadaan seperti ini merupakan kedudukan yang paling tinggi. Ini adalah kerana kesabarannya itu disandarkan atau diiringkan dengan sebuah keyakinan terhadap Allah SWT. Ia juga sama seperti sabar dalam menghadapi gangguan orang lain. Contohnya adalah apabila terdapat individu yang menyakiti dengan perkataan, perbuatan atau suatu tindak kejahatan terhadap diri atau hartanya, dia bersabar dengan tidak membalas kejahatan terhadap pelaku tersebut.¹⁶⁷ Mereka yang sabar atas kesusahan yang dihadapi merupakan Muslim yang bertawakal kepada Allah SWT atas segala ketentuan yang ditetapkan olehNya.¹⁶⁸ Sekiranya musibah atau bencana tidak dihadapi dengan kesabaran, maka pasti seseorang itu akan terasa berat tekanannya sehingga badan terasa berat dan lemah, hati menjadi tidak utuh dan fikiran menjadi bercelaru. Akibatnya akan timbullah keazaman atau tekad untuk membunuh diri kerana putus asa.¹⁶⁹

Maka, kesusahan, kesempitan dan keperitan dalam menjalani kehidupan di dunia merupakan suatu bahagian besar dalam hidup yang memerlukan kesabaran yang benar dan berpanjangan. Ini adalah demi menjamin kesejahteraan akidah seseorang yang beriman kepada Allah SWT.

3.1.3.5 Sabar Dalam Menguruskan Pasangan dan Anak-anak

Pasangan dan anak-anak merupakan anugerah daripada Allah SWT terhadap hamba-hambanya yang terpilih. Walau bagaimanapun, ia merupakan ujian kepada setiap manusia. Ini adalah sebagaimana firman Allah SWT:

¹⁶⁷ Ibn Qudamah, *Minhaj al-Qasidin*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 345.

¹⁶⁸ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Waṣf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:196.

¹⁶⁹ M. Ali Chasan Umar, *Hakekat Sabar dan Pahalanya* (Singapura: al-Haramain PTE. LTD., 1980), 11.

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ مِنْ أَرْوَاحِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا لَكُمْ
فَأَحْذَرُوهُمْ وَإِنْ تَعَفَوْا وَتَصَفَحُوا وَتَغَفَرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٤﴾ إِنَّمَا
أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Al-Taghābun 64:14-15

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya pasangan-pasangan kamu dan anak-anak kamu merupakan musuh bagimu maka berwaspadalah. Sekiranya kamu memaafkan, tidak memarahi dan mengampuni mereka, sesungguhnya Allah Maha Pengampun Maha Penyayang. Sesungguhnya harta-hartamu dan anak-anakmu merupakan ujian bagimu, dan di sisi Allah lah pahala yang besar.

Pasangan dan anak-anak merupakan ujian bagi seseorang kerana ia adalah pemberian yang menggembirakan dan memuaskan keinginan seseorang hamba. Apabila sesuatu perkara merupakan ujian daripada Allah SWT, maka kesabaran amat diperlukan dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengannya. Oleh itu, dalam proses menguruskan pasangan atau anak-anak juga memerlukan kesabaran yang sempurna. Contohnya adalah apabila anak-anak bersedih atau merajuk, maka bapanya perlu melayan anak tersebut dan memberi hak-hak yang berhak untuk diterima olehnya.¹⁷⁰

Selain itu, sabar juga diperlukan dalam mencari nafkah untuk menanggung mereka dan menjauhkan mereka daripada kesakitan atau keperitan hidup.¹⁷¹ Sesungguhnya dalam kekeluargaan mengandungi banyak jalan yang akan mendekatkan seseorang kepada Allah SWT.¹⁷² Rumah tangga yang dipenuhi dengan sifat sabar oleh ahlinya akan membantu

¹⁷⁰ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Wasf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:198.

¹⁷¹ *Ibid.*, 1:199. Lihat juga Abu Talib al-Makkī, *Quantum Qalbu: Nutrisi untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 391.

¹⁷² Abu Talib al-Makkī, *Quantum Qalbu: Nutrisi Untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 403.

hubungan kekeluargaan tersebut bertahan lama.¹⁷³ Barang siapa yang mampu bersabar ketika mendapat kesenangan hidup seperti kekayaan dan anak-anak, mereka termasuk dalam golongan orang yang sabar dan bersyukur.¹⁷⁴ Maka, untuk mendapatkan pahala dan ganjaran sabar dan syukur, setiap individu Muslim yang telah berumah tangga perlu berusaha untuk menyemai dua sifat ini dalam jiwa bagi menjalani alam rumah tangga yang telah dibina.

3.1.4 Hakikat Sabar

Allah SWT telah menyebut tentang sifat sabar pada banyak tempat di dalam al-Quran. Ia merupakan akhlak yang paling nyata disebut di dalamnya. Ia tidak kira pada ayat-ayat yang diturunkan sebelum mahupun selepas hijrah Rasulullah SAW. Terdapat ulama' yang berpendapat bahawa perkataan sabar ini diulang sebanyak 104 kali di dalam al-Quran.¹⁷⁵ Ibn Qayyim menyatakan bahawa sifat sabar ini disebut lebih daripada sembilan puluh tempat. Begitu juga Abū Ṭālib al-Makki' menukilkan pandangan beberapa orang ulama' yang menyatakan bahawa sifat ini terdapat dalam al-Quran dengan jumlah bilangan yang sama.¹⁷⁶ Daripada pandangan mereka ini, dapat disimpulkan bahawa hakikat hidup di muka bumi ini amat memerlukan sifat sabar. Walau apa sahaja keadaan kehidupan yang dilalui, ia mesti diiringi dengan sifat sabar yang sempurna.

Apabila manusia itu dicipta sebagai makhluk yang berakal, lalu diberi pula ujian dan dugaan, maka sabar merupakan ciri ketentuannya yang sangat istimewa.¹⁷⁷ Allah SWT menganugerahkan sifat ini khusus hanya kepada golongan manusia di dunia ini. Sifat sabar

¹⁷³ Jalaluddin Rakhmat, *Meraih Cinta Ilahi: Belajar Menjadi Kekasih Allah* (Indonesia: Pustaka Iiman, 2008), 330.

¹⁷⁴ Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi Untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 399.

¹⁷⁵ M.Z. Azmie, *Sabar dan Syukur daripada Perspektif Pengurusan Organisasi* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001), 5.

¹⁷⁶ Yusuf al-Qaradawi, *Keindahan Sabar*, terj. Ismail Kamus (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1995), 1.

¹⁷⁷ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar Dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 19.

ini tidak terdapat pada binatang, begitu juga ia tidak terdapat pada mana-mana malaikat. Binatang tidak mempunyai sifat sabar kerana kekurangannya. Manakala malaikat tidak mempunyai sifat ini kerana kesempurnaannya yang meliputi segala sesuatu.¹⁷⁸ Ini sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Ghazālī dalam mengupas makna sabar dan penjelasan hakikatnya: “Sabar adalah ciri khusus manusia dan tidak tergambar sabar itu ada pada haiwan, tidak juga pada malaikat. Adapun pada haiwan adalah kerana kekurangannya manakala pada malaikat pula adalah lantaran kesempurnaannya.”¹⁷⁹

Hakikat sabar ialah ia merupakan salah satu akhlak yang mulia yang menghalangi munculnya tindakan yang tidak baik.¹⁸⁰ Tidak ada suatu amal untuk mendekati Allah SWT melainkan pahalanya diukur dan ditimbang daripada kesabaran.¹⁸¹ Begitu juga dalam mengecap sesuatu kejayaan. Hakikatnya setiap cita-cita dan kemahuan tidak akan terlaksana dan tidak akan tercapai di dunia melainkan dengan sifat sabar. Sesiapa yang sabar dia akan menang, sebaliknya jika sesiapa yang tidak sanggup menahan kesabaran, dirinya tidak akan memiliki hasil walaupun sedikit.¹⁸² Sekiranya untuk mendapatkan kejayaan di dunia memerlukan kesabaran, maka ia sepatutnya menjadi lebih diperlukan dan dituntut sekiranya seseorang itu menginginkan untuk mengecap kejayaan di akhirat kelak.

Seterusnya, hakikat sabar itu adalah tahan uji dan tabah hati serta teguh dalam menghadapi segala permasalahan kehidupan. Ia sama ada dalam mentaati Allah SWT dan beribadah kepadaNya mahupun dalam menghadapi musibah, mala petaka atau bencana. Ia

¹⁷⁸ Yusuf al-Qaradawi, *Keindahan Sabar*, terj. Ismail Kamus (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1995), 7.

¹⁷⁹ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar Dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 19.

¹⁸⁰ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *Sabar Perisai Seorang Mukmin*, terj. Fadli Lc., (Indonesia: Pustaka Azzam, 2000), 21.

¹⁸¹ Ibn Qudamah, *Minhaj al-Qasidin*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 341.

¹⁸² Yusuf al-Qaradawi, *Keindahan Sabar*, terj. Ismail Kamus (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1995), 9.

juga diperlukan dalam menghadapi kehidupan dunia yang menawan hati sama ada dalam menghadapi pelbagai kemaksiatan mahupun dalam menghadapi perjuangan. Hakikat sabar juga ia merupakan suatu perkara yang memerlukan keteguhan hati. Oleh kerana sabar merupakan perkara yang sangat memerlukan keteguhan dan ketabahan hati, maka Allah SWT memberikan pahala yang besar terhadap sesiapa sahaja yang menjiwai sifat sabar ini.¹⁸³

Kesimpulannya, syurga itu pastinya mempunyai nilai yang amat berharga. Ianya adalah sesuatu yang mahal untuk manusia memiliki dan menikmatinya. Maka, setiap Muslim tidak sepatutnya menghindarkan diri daripadanya. Pendakwah-pendakwah terdahulu telah menempuhi pelbagai ujian, maka sudah semestinya manusia selepas mereka akan menghadapi ujian yang pelbagai juga. Inilah yang dinamakan harga syurga. Setiap manusia perlu bersabar di atas kesempitan atau kemiskinan yang menimpa harta benda, kemudahan yang menimpa tubuh badan dan kegoncangan yang menimpa jiwa.¹⁸⁴ Ini adalah demi mengecap kebahagiaan yang hakiki iaitu mendapat keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

3.1.5 Adab-adab Sabar

Islam dan adab merupakan dua elemen yang saling memerlukan dan tidak akan boleh dipisahkan. Ini adalah kerana agama Islam amat mementingkan adab atau akhlak peribadi setiap Muslim. Adab-adab dalam bersabar harus dilakukan pada awal terjadinya ujian pada diri seseorang.¹⁸⁵ Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang menyatakan:

إِنَّمَا الصَّبْرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَى¹⁸⁶

¹⁸³ M. Ali Chasan Umar, *Hakekat Sabar dan Pahalanya* (Singapura: al-Haramain PTE. LTD., 1980), 33.

¹⁸⁴ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 29.

¹⁸⁵ Ibn Qudāmah, *Minhāj al-Qāṣidīn*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 348.

¹⁸⁶ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqiy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2011), 198. Hadis riwayat Bukhārī, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Ziārah al-Qubūr, no. Hadis 1283 dan Muslim al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ*

Terjemahan: Sesungguhnya sabar itu dinilai pada guncangan yang pertama.

Antara adab-adab sabar ialah:

3.1.6.1 *Al-Istirja*¹⁸⁷

Al-Istirja merupakan satu perasaan memohon pengharapan daripada Allah SWT. Ia memberi kesan yang sangat baik kepada jiwa setiap Muslim terutama pada mereka yang sedang ditimpa ujian. Perasaan berharap kepada Allah SWT ini akan melembutkan jiwa penerima ujian dan menjadikan dirinya reda terhadap ujian yang hadir.

Antara cara untuk *istirja* apabila ditimpa musibah ialah dengan menyebutkan ayat yang diajar oleh Allah SWT. Ia boleh dilihat pada ayatNya iaitu:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَهُمُ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ
صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Al-Baqarah 2:156-157

Terjemahan: Iaitu mereka yang apabila ditimpa ujian, mereka mengucapkan “Innā lillāhi wa innā ilaihi rāji‘ūn”. Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhannya, dan mereka itulah golongan yang mendapat petunjuk.

3.1.6.2 Menenangkan Diri¹⁸⁸

Antara adab ketika bersabar yang lain ialah menenangkan diri. Ia merupakan perkara yang sangat perlu dititik beratkan oleh setiap Muslim. Menenangkan diri apabila ditimpa ujian akan membantu seseorang itu untuk berfikir tentang hikmah kehadiran ujian tersebut.

Muslim, taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2010), 312. Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Janā’iz, Bāb al-Ṣabr ‘inda Ṣudmah al-’Ulā, no. Hadis 926.

¹⁸⁷ Ibn Qudāmah, *Minhāj al-Qāṣidīn*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 348.

¹⁸⁸ *Ibid.*, 348.

Pada masa yang sama, ia juga dapat mengelakkan dirinya daripada bersangka buruk terhadap Allah SWT yang Maha Kuasa menyusun perjalanan kehidupan hamba-hambaNya.

Terdapat beberapa cara untuk menenangkan diri ketika seseorang itu ditimpa sesuatu ujian. Ia adalah dengan mengekang jiwa agar sentiasa benar dalam mengendalikan tubuh, lisan dan hati.¹⁸⁹ Yang pertama ialah seseorang itu perlu menenangkan anggota tubuh badannya. Ini adalah supaya dirinya tidak bertindak terburu-buru atau melakukan perkara-perkara yang memudaratkan dirinya atau orang di sekeliling. Yang kedua ialah seseorang itu perlu menenangkan lidahnya atau ucapannya. Ini adalah supaya dirinya tidak mengucapkan perkara-perkara yang kurang baik. Selain itu, ia juga adalah demi menjaga ucapannya daripada menyalahkan takdir atau menyalahkan Allah SWT. Ibn ‘Athā’illāh r.a menyatakan bahawa kepedihan ujian yang menimpamu menjadi ringan dengan mengetahui bahawa Allah lah yang mengujimu. Dia mengujimu dengan qadarNya. Dia juga membiasakanmu pada pilihan yang baik.¹⁹⁰ Begitu juga dengan menenangkan lidah, ia berkemampuan untuk membantu seseorang itu dalam menyembunyikan kemarahan dan tidak cepat marah.¹⁹¹

Yang terakhir, menenangkan hati ketika menghadapi ujian. Dengan menenangkan hati, seseorang itu mampu untuk menghadapi kesusahan yang dihadapi olehnya dengan baik. Dirinya akan mudah untuk melihat ujian atau kesusahan tersebut dari sudut yang berbeza. Setelah memahami dan menafsirkan ujian yang dihadapinya, dirinya akan lebih kuat dan sabar dalam menghadapi ujian tersebut.¹⁹²

¹⁸⁹ Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi Untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 390.

¹⁹⁰ Ahmad bin Muhammad bin ‘Ajibah al-Hasani, *Lebih Dekat dengan Allah: Jangan Asal Beriman*, terj. Abdul Halim (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2007), 276.

¹⁹¹ Abdul Aziz Ismail, *Indahnya Akhlakmu kepada Allah* (Rawang: Pustaka Ilmuwan, 2011), 57.

¹⁹² Jalaluddin Rakhmat, *Meraih Cinta Ilahi: Belajar Menjadi Kekasih Allah* (Indonesia: Pustaka Iman, 2008), 332.

3.1.6.3 Menyembunyikan Musibah¹⁹³

Menyembunyikan musibah bermaksud tidak menceritakan ujian yang dihadapi kepada makhluk dan tidak menampakkannya kepada orang lain.¹⁹⁴ Ia bagi mengelakkan seseorang Muslim mengadu atau berharap kepada selain Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ¹⁹⁵

Terjemahan: Jika kamu ingin meminta, mintalah daripada Allah dan jika kamu ingin memohon pertolongan, maka mohonlah pertolongan daripada Allah.

Maka, menyembunyikan musibah atau ujian merupakan salah satu adab ketika bersabar melainkan jika menampakkannya dapat dijamin keselamatan dan membawa kepada kebaikan.¹⁹⁶ Ia amat dituntut untuk dilaksanakan oleh setiap Muslim yang ditimpa ujian.

Menyembunyikan ujian bukan bermaksud membiarkan diri dalam keperitan hidup secara bersendirian. Tetapi adab ini lebih dimaksudkan agar seseorang itu dapat menghindarkan dirinya daripada *sum'ah*. *Sum'ah* merupakan satu sifat ingin dirinya sentiasa disebut-sebut oleh orang lain. Maka, dengan menghindarkan diri daripada sifat ini, ia membantu amalannya menjadi sempurna dan diterima Allah SWT.¹⁹⁷

Dengan menyembunyikan ujian yang dihadapi, seseorang Muslim akan berusaha untuk menyelesaikan ujian tersebut. Lalu, dirinya pasti akan memohon pertolongan daripada

¹⁹³ Ibn Qudamah, *Minhaj al-Qasidin*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997), 349.

¹⁹⁴ Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 392.

¹⁹⁵ Al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī*, taḥqīq Abu Ṭāhir Zubayr 'Alī (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2009), 86. Hadis riwayat al-Tirmidhī, *Kitāb Ṣifāt al-Qiyāmah*, Bāb Unzurū ilā Man Huwa Asfala minkum, no. Hadis 2516. Al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadis ini Ḥasan Soḥīḥ.

¹⁹⁶ Abu Talib al-Makki, *Quantum Qalbu: Nutrisi Untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008), 401.

¹⁹⁷ *Ibid.*, 392.

Allah SWT untuk keluar daripada ujian yang dihadapi oleh dirinya. Natiujahnya, ia menjadikan dirinya semakin dekat dengan Allah SWT dan meyakini kekuasaan dan kehebatan Yang Maha Pencipta.

Kesimpulannya, adab-adab sabar amat penting untuk dilaksanakan oleh setiap Muslim apabila ditimpa ujian. Ia tidak kira sama ada ujian tersebut merupakan ujian yang berat mahupun yang ringan. Ini adalah demi memelihara diri dan keimanan dalam menghadapi ujian-ujian Allah SWT di muka bumi yang sementara ini. Dengan sifat sabar, ia mampu membuka jalan untuk mencapai tujuan, memperkukuh keperibadian, menggertak musuh, menghilangkan keberanian musuh, mengalahkan sifat dengki orang-orang yang dengki dan berjaya pada akhir perkaranya.¹⁹⁸

3.1.6 Peribadi-peribadi Sabar dalam al-Quran

Allah SWT amat menggalakkan hamba-hambaNya untuk memiliki sifat sabar. Ini adalah demi menjaga hati dan keyakinan seseorang Islam apabila ditimpa musibah atau ujian. Ia juga demi mengelakkan diri seorang Islam daripada lupa dan alpa kepada Allah SWT disebabkan terlalu memikirkan kesusahan yang dihadapinya di dunia ini. Ia sebagaimana yang disebutkan oleh Hasan al-Baṣrī: “Wahai anak-anak Adam, jangan kamu menggantungkan hatimu kepada dunia”.¹⁹⁹ Muslimin digesa untuk menghiaskan diri dengan sifat yang amat mulia ini. Ia adalah demi mendidik hamba-hambaNya agar membiasakan diri dengan akhlak dan tingkah laku yang baik. Galakan Allah SWT ini dapat dilihat daripada apa yang telah dibentangkan olehNya di sepanjang kisah peribadi-peribadi tertentu. Mereka ini terhitung sebagai contoh sejati dalam bersifat dengan kesabaran dalam pelbagai bidang

¹⁹⁸ Abdul Aziz Ismail, *Indahnya Akhlakmu kepada Allah* (Rawang: Pustaka Ilmuwan, 2011), 47.

¹⁹⁹ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *Uddat al-Ṣābirin wa Dhakhīrat al-Syākirin* (Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawā'id, 2008), 441.

dan keadaan.²⁰⁰ Di sini pengkaji menceritakan sedikit sebanyak tentang peribadi-peribadi yang memiliki sifat sabar yang telah Allah SWT nukilkan di dalam al-Quran yang agung.

3.1.6.1 Nabi Ayyūb a.s.

Nama nabi Ayyūb a.s sangat masyhur ketika seseorang menyebut tentang kesabaran. Ia sehingga menjadi satu pepatah yang sering disebut-sebut iaitu “Kesabaran Ayyūb”.²⁰¹ Beliau sangat terkenal dengan sikapnya yang istiqamah, bertakwa kepada Allah dan seorang yang penyabar.²⁰² Sebagaimana yang telah pengkaji selitkan dalam bab sebelum ini, Nabi Ayyūb a.s telah diuji dengan penyakit yang menimpa seluruh tubuhnya serta beliau juga ditinggalkan oleh isterinya yang tercinta. Tetapi, perkara yang amat perlu diteliti dalam kisah nabi Ayyūb a.s adalah pada kesabaran dan keteguhan jiwanya. Allah SWT memberikannya pelbagai ujian yang mana semua ujian itu diterimanya dengan tenang dan sabar. Kerana kesabaran dan ketakwaannya itu yang menjadikan dirinya seorang hamba Allah SWT yang baik. Allah SWT sangat mengasihi kepada hambaNya yang sabar dan selalu melakukan kebaikan.²⁰³ Kisah nabi Ayyub ini boleh dilihat pada penceritaan Allah SWT tentang perkara ini di dalam al-Quran.

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿٨٣﴾
فَأَسْتَجِبْنَا لَهُ وَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرٍّ وَآتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ
رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَذَكَرَى لِلْعَالَمِينَ ﴿٨٤﴾ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِدْرِيسَ وَذَا الْكِفْلِ كُلٌّ
مِّنَ الصَّابِرِينَ ﴿٨٥﴾

Al-Anbiyā' 21:83-85

²⁰⁰ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar Dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 152.

²⁰¹ Yusuf al-Qaradawi, *al-Qur'an Menyuruh Kita Sabar*, terj. Thinkers Library (Batu caves: Thinkers Library Sdn. Bhd., 1994), 75.

²⁰² ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār, *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931), 415.

²⁰³ NY. H. Hadiyah Salim, *Qishasul Anbiya'* (Bandung: PT al-Ma'arif, 1988), 99.

Terjemahan: Dan ingatlah kisah Ayyub, ketika dia menyeru Tuhannya: “Ya Tuhanku, sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang di antara semua penyayang.” Maka, kami pun memperkenankan seruannya itu, lalu Kami lenyapkan penyakit yang ada padanya dan kami kembalikan keluarganya kepadanya. Kami lipat gandakan bilangan mereka sebagai suatu rahmat dan peringatan bagi semua yang menyembah Allah. Dan ingatlah kisah Ismail, Idris dan Zulkifli. Semua mereka termasuk orang-orang yang sabar.

Di antara kelembutan dan adab doa Nabi Ayyūb a.s kepada Tuhannya ialah sesungguhnya beliau tidak meminta kepada Allah SWT sesuatu yang tertentu dan khusus. Ia adalah seperti beliau tidak meminta kesembuhan atau kesihatan daripada penyakit serta tidak meminta daripada Allah SWT untuk mengembalikan keluarganya semula. Ia hanya memadai dengan menyebutkan dirinya yang berhajat kepada Allah SWT, lemah dan tidak berupaya serta menyebut Tuhannya dengan apa yang diajarkan dan tidak ditambah sesuatu pun.²⁰⁴ Inilah yang sewajarnya untuk dicontohi dan diteladani daripada Nabi Ayyūb a.s.

Firman Allah SWT:

إِنَّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا نَعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٤٤﴾
Sad 38:44

Terjemahan: Sesungguhnya Kami dapati dia iaitu Ayyub merupakan seorang yang sabar. Dia sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia amat taat kepada Tuhannya.

Dalam ayat ini, Allah SWT telah memuliakan Nabi Ayyūb a.s dengan satu kemuliaan yang sangat besar. Allah SWT telah menceritakannya kepada Rasulullah SAW dan umat seluruhnya tentang Nabi Ayyūb yang amat penyabar. Penceritaan Allah SWT ini membawa

²⁰⁴ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: Al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 154.

makna pengekalan kemuliaan Nabi Ayyūb serta menjadikannya tempat ikutan dan sebagai contoh yang khusus dari sudut kelebihan untuk memuliakan rasul-rasul Allah SWT.²⁰⁵

Daripada ayat ini, ia amat memberi motivasi dan semangat kepada kita sebagai seorang Muslim. Sesungguhnya tiada suatu perkara pun yang berlaku dalam kehidupan ini melainkan seluruhnya adalah susunan daripada Allah SWT yang Maha Hebat dan Maha Penyayang. Maka, kita perlu sentiasa bersabar dengan setiap satu perkara yang datang menjengah dalam perjalanan kehidupan di dunia demi mengecap kemanisan dan kelazatan dalam mentaati Allah SWT.

3.1.6.2 Nabi Nūḥ a.s.

Kisah kesabaran Nabi Nūḥ a.s yang tercatat di dalam al-Quran amat menakjubkan bagi mereka yang membaca dan menghayatinya. Kesabaran yang ada pada diri beliau amat tinggi. Ini adalah kerana beliau sentiasa berjuang dan berusaha menyebarkan dakwah Islam. Beliau memberikan sepenuh tenaga dan kudratnya hanya semata-mata agar kaumnya mengikuti dirinya dalam beriman kepada Allah SWT di samping meninggalkan sembahansembahan yang lain seperti berhala.²⁰⁶ Ini merupakan sebab utama Nabi Nūḥ a.s diutus oleh Allah SWT kepada kaumnya iaitu untuk menyeru umat manusia kepada menyembah Allah dan melarang memperhambakan diri kepada selainNya. Tetapi manusia di waktu itu tidak mengacuhkan seruannya itu, bahkan mereka selalu memperolok-olokkannya.²⁰⁷ Kesabaran beliau inilah yang disebut oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW dan umat Islam seluruhnya. Firman Allah SWT:

فَأَصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَرْشِ مِنَ الرُّسُلِ ﴿٣٥﴾
al-Aḥqāf 46:35

²⁰⁵ *Ibid.*, 155.

²⁰⁶ ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931), 48.

²⁰⁷ NY. H. Hadiyah Salim, *Qishasul Anbiya’* (Bandung: PT al-Ma’arif, 1988), 18.

Terjemahan: Maka bersabarlah kamu (Wahai Muhammad) sebagaimana sabarnya rasul-rasul Ulul Azmi.

Nabi Nūḥ a.s adalah salah seorang daripada Ulul Azmi yang disebutkan oleh Allah SWT di dalam ayat di atas. Zaman berganti zaman, beliau tidak berhenti menasihati dan memberikan pesanan kepada kaumnya sama ada secara tersembunyi mahupun terang-terangan.²⁰⁸ Beliau telah menghabiskan masa berdakwah kepada kaumnya dalam tempoh yang sangat lama. Beliau diutus Allah SWT kepada kaumnya dan tinggal bersama mereka selama 950 tahun²⁰⁹ sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran, iaitu:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا
فَأَخَذَهُمُ الطُّوفَانُ وَهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٤﴾

Al-‘Ankabūt 29:14

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu ia tinggal bersama mereka seribu tahun kurang lima puluh. Kemudian mereka diseksa oleh Allah dengan taufan kerana mereka derhaka.

Beliau menyeru kepada kaumnya secara diam-diam dan terang-terangan, siang dan malam, memberi berita gembira dan berita yang menakutkan. Tetapi hasil yang diperoleh oleh beliau adalah telinga-telinga yang tidak mahu mendengar, mata-mata yang tertutup rapat dan hati yang terkunci mati.²¹⁰ Kaum Nabi Nūḥ sebahagiannya menutup telinganya supaya tidak dengar apa yang diseru oleh Nabi Nūḥ a.s. Sebahagian daripada mereka ada yang menggeleng kepala kerana kehairanan terhadap apa yang dibawa oleh beliau. Terdapat sebahagiannya juga yang menutup kepala dengan kain dan ada yang melarikan diri kerana

²⁰⁸ ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931), 48.

²⁰⁹ NY. H. Hadiyah Salim, *Qishasul Anbiya’* (Bandung: PT al-Ma‘arif, 1988), 23.

²¹⁰ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 177.

tidak mahu mendengar bicara dan seruan Nabi Nūḥ a.s.²¹¹ Ia sebagaimana yang telah dicoretkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran:

قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾ فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَايَ إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾ وَإِنِّي كُنَّمَا
دَعْوَتُهُمْ لَتُغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوا أُصْدِيعُهُمْ فِيءًا ذَانِبِهِمْ وَأَسْتَعْشَوْنَا ثِيَابَهُمْ وَأَصْرُوا
وَأَسْتَكْبَرُوا أَسْتَكْبَارًا ﴿٧﴾

Nūḥ 71:5-7

Terjemahan: Nuh berdoa: “Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku menyeru kaumku siang dan malam, tetapi seruanku itu hanyalah menyebabkan mereka bertambah lari dariku. Dan sesungguhnya setiap kali aku mengajak mereka supaya Engkau mengampuni mereka, dimasukkan anak jarinya ke dalam telinganya dan menutup badan mereka dengan kainnya dan mereka tetap menyangkal serta menyombongkan diri dengan sangat sombongnya.”

Tahun telah berlalu, kurun telah berganti, begitu juga dengan generasi telah silih berganti. Meninggalkan orang tua dan diganti dengan orang muda, begitulah selanjutnya.²¹² Daripada kisah Nabi Nūḥ ini, dapat diperhatikan bahawa kesabaran yang dimiliki oleh beliau bukanlah kesabaran yang biasa. Tetapi ia merupakan sebuah kesabaran yang dipasakkan bersama keimanan dan keteguhan keyakinan terhadap Allah SWT. Demi menyampaikan kebenaran dan kesejahteraan Islam kepada penduduk dunia ketika itu, Nabi Nūḥ a.s sanggup bersabar bertahun-tahun lamanya tanpa sebarang putus asa dan kegusaran hati. Kisah Nabi Nūḥ a.s sangat wajar untuk dijadikan motivasi dan semangat dalam mendepani ujian-ujian kehidupan di muka bumi ini. Semakin tinggi dan lama tempoh kesabaran yang dimiliki, semakin kuat keimanan terhadap Allah SWT dan semakin tinggi darjat yang bakal dikecapi

²¹¹ Haji Azhari al-Khalidi, *Qasas al-Anbiya' = Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Per. Utama UM, t.t), 1:39.

²¹² Yusuf al-Qaradawi, *Sabar Dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 180.

di sisiNya. Inilah kemenangan dan kepuasan jiwa yang menjadi buruan dan impian setiap insan yang bernama Muslim.

3.1.6.3 Nabi Yūsuf a.s.

Antara peribadi lain yang diceritakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran tentang sabar ialah Nabi Yūsuf a.s.²¹³ Nabi Yusuf a.s mempunyai paras rupa yang tampan, akhlak yang baik, fikiran yang cerdas, pintar, kuat pendiriannya, sabar, pemaaf, jujur, lurus dan penyayang.²¹⁴ Kisah Nabi Yūsuf dinamakan sebagai sebaik-baik cerita kerana kebaikan beliau kepada sekalian saudaranya dan kesabaran beliau terhadap kesakitan serta keperitan hidup yang dilakukan oleh mereka. Ia seterusnya diiringi dengan kata-kata yang mulia terhadap saudara-saudaranya tersebut dan diberikan kemaafan kepada mereka.²¹⁵ Beliau juga diuji dengan dipenjarakan oleh pemerintah, godaan daripada berlainan jantina, kenikmatan seperti pangkat dan kekayaan. Walau bagaimanapun, beliau menghadapinya dengan penuh kesabaran dan berlapang dada.²¹⁶

Sesungguhnya pusingan hidup beliau sentiasa dilingkungi dengan tekanan dan ujian. Selepas selesai daripada satu ujian, datang ujian yang lain pula yang seumpama dengannya mahupun yang lebih dahsyat daripada itu. Ujian dahsyat yang silih berganti itu tidaklah melemahkan semangat dan pendirian Nabi Yūsuf a.s. Ia juga tidak menjadikan tubuh badannya lemah dan lesu serta tidaklah ujian tersebut berjaya menghindarkan dirinya daripada sifat sabar kepada Allah SWT.²¹⁷

²¹³ ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931), 177.

²¹⁴ NY. H. Hadiyah Salim, *Qishasul Anbiya’* (Bandung: PT al-Ma‘arif, 1988), 97.

²¹⁵ Haji Azhari al-Khalidi, *Qaṣaṣ al-Anbiya’ = Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Per. Utama UM, t.t), 1:110. Lihat juga ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931), 178.

²¹⁶ ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931), 178.

²¹⁷ Yusuf al-Qaradawi, *Sabar Dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992), 165.

Hakikatnya, kunci kisah Nabi Yūsuf dan kejayaan yang dicapai di dalam hidupnya adalah tidak lekang dan tidak pernah sunyi daripada ujian, rintangan dan halangan. Sekiranya difikirkan sejenak, sesungguhnya ujian mampu mematahkan tulang belakang seseorang disebabkan beratnya ujian tersebut. Ia juga mampu menjerut lehernya disebabkan kesempitan dada dan keperitan jiwa untuk menanggung ujian kehidupan tersebut. Tetapi ia berbeza dengan apa yang berlaku pada diri Nabi Yūsuf a.s. Dirinya menjadi matang dan lebih tenang apabila telah berkali-kali menghadapi ujian dan dugaan yang berbeza-beza tahap kesusahannya. Antaranya Allah SWT telah menceritakan dalam al-Quran menerusi lisan Nabi Yūsuf sendiri. Ia adalah selepas beliau memperkenalkan dirinya kepada saudara-saudaranya yang suatu ketika dahulu telah mengkhianati dirinya. Firman Allah SWT tentang kisah tersebut ialah:

قَالَ أَنَا يُوسُفُ وَهَذَا أَخِي قَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَيْنَا إِنَّهُ مَن يَتَّقِ وَيَصْبِرْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٠﴾
Yūsuf 12:90

Terjemahan: Katanya: “Aku Yusuf dan ini saudaraku. Tuhan telah memberikan kurnia kepada kami. Sesungguhnya barang siapa yang bertakwa iaitu menjaga diri daripada kejahatan dan bersabar, maka sesungguhnya Tuhan tidak mensia-siakan pahala orang yang berbuat kebaikan.”

Inilah dua sifat iaitu takwa dan sabar, selain daripada keduanya tidak membawa erti apa-apa. Kedua sifat ini jugalah yang telah mengangkat Nabi Yūsuf ke darjat yang tinggi. Takwa merupakan himpunan kepada seluruh kebaikan. Apabila kedua-dua sifat ini terkumpul dalam diri manusia dan dia merupakan dalam kalangan orang yang beragama

Islam, maka Allah SWT sekali-kali tidak mensia-siakan pahala orang yang berbuat kebajikan.²¹⁸

Maka daripada ayat Allah SWT ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa sifat sabar amat membantu seseorang untuk berada tinggi di sisi Ilahi. Sesungguhnya, Nabi Yūsuf a.s tidaklah mendapat kemuliaan disebabkan beliau adalah daripada keturunan yang mulia. Walaupun beliau anak kepada insan mulia, cucu kepada insan mulia dan cicit kepada insan yang mulia, tetapi ia tidak sedikit pun menjadi sebab atau alasan Allah SWT untuk memuliakannya. Kemuliaan beliau hakikatnya adalah kerana berkat kesabaran dan ketakwaan yang wujud dalam dirinya sendiri. Kesimpulannya, untuk mendapatkan tempat di sisi Allah SWT, kunci dan rahsianya adalah kita perlu berusaha untuk menjadi orang yang bersabar. Ia tidak kira dalam apa sahaja perkara yang sedang dihadapi dan dialami dalam kehidupan seharian.

3.2 Kepentingan Sifat Sabar kepada Rakan Jalan

Setelah menghuraikan tentang konsep sabar, pengkaji melihat ia amat penting untuk diterapkan dalam diri rakan jalan. Kehidupan rakan jalan yang penuh dengan ujian dan dugaan memerlukan sifat sabar yang baik demi menjalani kehidupan seharian di atas muka bumi ini. Pengkaji mendapati sifat ini amat penting bagi golongan ini atas beberapa perkara. Yang pertama adalah demi memelihara emosinya. Dengan sifat sabar, ia akan menjadikan dirinya tenang dalam keperibadian, mampu menguasai perbuatan, reaksi dan emosi dirinya.²¹⁹ Maka, apabila mereka menghadapi layanan kurang baik daripada masyarakat sekeliling, sifat sabar yang wujud mampu untuk mengawal emosi mereka daripada sifat marah atau berdendam.

²¹⁸ *Ibid.*, 166.

²¹⁹ Khalil al-Musawi, *Surga Kalbu* (Jakarta: Penerbit Lentera, 2006), 369.

Yang kedua, sifat sabar amat penting bagi rakan jalanan agar dapat menjaga akhlak dan peribadi diri. Ini adalah kerana sifat sabar merupakan penghulu akhlak. Dengannya manusia dapat mengendalikan banyak sekali akhlak, tabiat dan kebiasaannya.²²⁰ Jadi, ia membantu rakan jalanan untuk membina jati diri yang baik serta memiliki sifat-sifat mahmudah yang lain lantas menjadikan mereka hidup lebih bahagia dan selesa di tengah-tengah masyarakat umum. Ini adalah kerana manusia suka kepada orang yang penyabar dan tenang, menunjukkan sikap kedewasaan serta penguasaan diri.

Yang ketiga, kepentingan sifat sabar adalah demi memelihara hubungan rakan jalanan dengan Allah SWT. Dengan sifat ini, mereka akan sentiasa terpandu ke arah bersangka baik terhadap Allah SWT dan setiap aturan takdirNya. Ia menjamin kasih sayang Allah dalam mengatur kehidupan mereka di dunia. Ia sebagaimana yang disebut oleh Allah SWT:

وَأَصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا ۗ

Al-Tūr 52:48

Terjemahan: Dan bersabarlah menunggu ketetapan Tuhanmu. Maka sesungguhnya kamu berada dalam pengawasan Kami.

Maka, dengan itu Allah SWT akan sentiasa mengawasi serta menjaga rakan jalanan yang sentiasa sabar dengan setiap satu ujian dan ketentuan yang hadir dalam hidup mereka.

3.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, sifat sabar perlu diketahui konsepnya dengan pengetahuan yang baik oleh setiap manusia yang bergelar Muslim khususnya golongan rakan jalanan. Dengan pengetahuan yang baik, ia membantu dirinya untuk mengaplikasikan sifat ini dalam kehidupan seharian. Natijahnya, golongan rakan jalanan dapat hidup dengan aman, damai

²²⁰ *Ibid.*, 370.

dan bahagia apabila setiap ujian kehidupan dihadapi dengan sabar dan reda terhadap ketentuan yang diaturkan oleh Allah SWT pada dirinya. Sifat sabar bukan hanya penting untuk diamalkan oleh golongan rakan jalanan, malah ia perlu diaplikasikan oleh semua orang Islam. Maka dengan itu, suasana kehidupan yang positif dan harmoni akan wujud dalam kalangan masyarakat.

Universiti Malaya

BAB 4: ANALISIS KEFAHAMAN RAKAN JALANAN HANG LEKIU, KUALA LUMPUR TENTANG KONSEP SABAR TERHADAP UJIAN ALLAH SWT

4.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab khusus bagi pengkaji menganalisis data yang diperoleh hasil daripada temu bual yang dilakukan terhadap responden. Hasil dapatan kajian dibincangkan dan dianalisis oleh pengkaji untuk menjawab persoalan ketiga bagi kajian yang dijalankan ini. Persoalan yang telah ditimbulkan oleh pengkaji ialah ‘Adakah rakan jalanan Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur memahami konsep sabar terhadap ujian Allah SWT?’ Analisis data merupakan satu kaedah untuk mengawal dan mempersembahkan data. Tujuan analisis data adalah untuk mempersembahkan data dalam bentuk yang lebih bermakna dan sistematik.²²¹ Dapatan kajian diperoleh melalui analisis dapatan hasil temu bual yang dijalankan oleh pengkaji ke atas empat orang responden. Keempat-empat orang responden tersebut merupakan golongan rakan jalanan yang berada di sekitar²²² Kolej Segi, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur.

4.1 Analisis Data Kualitatif

Pengkaji menganalisis data temu bual secara manual bagi mengenal pasti tahap kefahaman responden tentang konsep ujian Allah SWT dan konsep sabar dalam menghadapi ujian kehidupan. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan dan kehendak mengikut keperluan persoalan kajian. Pengkaji menganalisis data adalah melalui transkripsi temu bual. Pengkaji

²²¹ Rohaida binti Muhammed Dawam, “Kefahaman Mangsa Banjir di Temerloh, Pahang Terhadap Konsep al-Ibtilla’ dan Kaitannya Dengan Pembangunan Sahsiah” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 194.

²²² ‘Sekitar’ yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah jarak 10 meter dari bahagian hadapan, belakang, kiri dan kanan bangunan kolej tersebut.

menaip keseluruhan data temu bual untuk memudahkan gerak kerja untuk membuat analisis data dengan lebih teliti. Ini juga adalah demi memastikan hasil dapatan kajian diperoleh bertepatan dengan persoalan kajian. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji hanya di sekitar Jalan Hang Lekiu di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur yang mana ia merupakan kawasan tumpuan rakan jalanan untuk bermalam dan mendapatkan makanan harian. Sila rujuk lampiran bagi soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji kepada golongan rakan jalanan tersebut.

4.2 Maklumat Responden

Data kualitatif dikumpulkan melalui temu bual yang dijalankan ke atas empat orang rakan jalanan. Pengkaji memberikan kod kepada para responden ini demi melindungi identiti mereka. Maka, pengkaji menggunakan R1, R2, R3 dan R4 untuk proses analisis data. Responden terdiri daripada tiga orang lelaki dan seorang wanita yang telah lama menjadi seorang rakan jalanan.

Responden pertama²²³ merupakan seorang lelaki yang telah menjangkau usia 58 tahun. Rakan jalanan yang berasal dari Negeri Sembilan ini telah melalui tempoh yang amat lama menjadi seorang rakan jalanan di Bandaraya Kuala Lumpur. Tempoh tersebut adalah hampir 20 tahun iaitu selepas dirinya mempunyai beberapa masalah yang berkaitan dengan adik-beradiknya. Responden pertama menamatkan pengajiannya di peringkat menengah. Memandangkan usianya yang telah lanjut, maka dirinya tidak mempunyai pekerjaan untuk memiliki pendapatan harian. Penceraian dan perpisahan yang berlaku antara responden ini dengan keluarga dan anak kandungnya membuatkan dirinya bebas bergerak dan hanya menanggung keperluan hidupnya sahaja.

²²³ (Rakan jalanan Jalan Hang Lekiu Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 13 Disember 2017, 9.15 malam di perkarangan Kolej Segi, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur.

Responden kedua²²⁴ juga merupakan seorang lelaki. Rakan jalanan yang berusia 46 tahun ini berasal dari Perlis. Ujian kesenangan dan ujian keluarga yang dihadapinya menjadikan dirinya membawa diri ke Bandaraya Kuala Lumpur. Akhirnya, dirinya menjadi seorang rakan jalanan yang diuji dengan kesusahan tempat tinggal, makanan harian dan pekerjaan. Walau bagaimanapun, usahanya mengumpul barang-barang terpakai dan menjualnya di sebuah pasar mampu mengurangkan keperitan hidup yang dialaminya. Rakan jalanan yang mempunyai keluarga yang besar ini telah melalui tempoh selama tiga tahun menjadi seorang rakan jalanan di kota raya ini.

Seterusnya, rakan jalanan ketiga²²⁵ yang berasal dari Perak juga merupakan seorang lelaki. Dirinya yang pernah diuji dengan pengaruh dadah telah dipulaukan oleh masyarakat dan keluarganya sendiri. Tempoh masa selama 25 tahun menjadi seorang rakan jalanan membuatkan dirinya sedikit demi sedikit bangkit dan berusaha sedaya mungkin untuk mengeluarkan dirinya daripada kemelut kemiskinan. Usahanya menolong rakan sekerja menjual nasi lemak setiap pagi membantu dirinya menampung perbelanjaan harian untuk meneruskan kehidupan. Responden ketiga ini mempunyai latar belakang pelajaran sehingga tingkatan tiga di sekolah menengah.

Yang terakhir iaitu responden keempat²²⁶ merupakan seorang wanita yang berusia 60 tahun. Responden yang berasal dari Kelantan ini telah menjadi seorang rakan jalanan selama lima tahun bersama suaminya. Dirinya yang merupakan seorang suri rumah telah menghadapi ujian kesusahan apabila suaminya ditimpa penyakit dan musibah. Lantas, pasangan ini mengambil keputusan untuk menjadi sebahagian daripada golongan rakan

²²⁴ (Rakan jalanan Jalan Hang Lekiu Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 14 Disember 2017, 10.00 malam di perkarangan Kolej Segi, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur.

²²⁵ (Rakan jalanan Jalan Hang Lekiu Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2017, 10.00 malam di perkarangan Kolej Segi, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur.

²²⁶ (Rakan jalanan Jalan Hang Lekiu Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 16 Disember 2017, 10.00 malam di perkarangan Kolej Segi, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur.

jalanannya untuk menginsafi kelalaian yang dilakukan sepanjang usia muda mereka. Latar belakang pelajaran yang ditamatkan pada alam menengah tidak menghalang responden ini untuk sentiasa menimba ilmu agama di masjid-masjid dan surau-surau sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Kesimpulannya, para responden mempunyai kisah silam masing-masing. Kisah-kisah itu yang menjadi punca dan penyebab mereka memilih untuk menjadi seorang rakan jalanannya di Bandaraya Kuala Lumpur bertahun lamanya. Walau bagaimanapun, kesemua responden menamatkan pengajian di alam menengah. Ini bermaksud mereka tidak mendapat pendidikan agama secara formal dan berterusan dan kebanyakan daripada mereka telah lama meninggalkan pengajian yang berkaitan dengan agama.

4.3 Hasil Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian ini adalah berdasarkan dua tema soalan. Ia adalah yang pertama berkaitan dengan konsep ujian dan yang kedua adalah yang berkaitan dengan konsep sabar terhadap ujian Allah SWT. Ini bagi memastikan persoalan kajian yang ketiga iaitu ‘Adakah rakan jalanannya Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur memahami konsep sabar terhadap ujian Allah SWT?’ tercapai.

4.3.1 Kefahaman Berkenaan Konsep Ujian Allah SWT dan Penerimaan Terhadapnya

Hasil daripada temu bual dengan kesemua responden, pengkaji mendapati bahawa mereka mempunyai pengetahuan asas tentang ujian Allah SWT. Walaupun hanya seorang sahaja responden yang mempunyai asas yang agak kukuh tentang ilmu agama, tetapi kesemua responden mengetahui sedikit-sebanyak tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan konsep ujian Allah SWT. Mereka mempunyai penerimaan yang baik terhadap ujian yang

diberikan oleh Allah SWT kepada diri mereka sendiri. Ini adalah berdasarkan jawapan yang diberikan oleh para responden ketika sesi temu bual dijalankan.

4.3.1.1 Faktor Diuji Menjadi Rakan Jalanan

Lazimnya setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan pastinya ada faktor atau sebab yang mendorong kepada berlakunya perkara tersebut. Setelah menemu bual empat orang rakan jalanan, pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor yang membuatkan diri mereka kini menjadi seorang rakan jalanan.

Yang pertama, permasalahan dan perselisihan faham dalam kalangan ahli keluarga merupakan faktor seseorang itu menjadi rakan jalanan. Ujian ini bukanlah satu perkara yang baru. Malah ia merupakan ujian yang biasa berlaku dalam kalangan masyarakat. Malah, nabi Allah SWT iaitu Nabi Ayyub juga menghadapinya sebagaimana yang telah pengkaji huraikan pada bab kedua dalam kajian ini. Faktor pertama dapat diketahui melalui pernyataan yang dinyatakan oleh R1 setelah pengkaji mengemukakan soalan kepadanya tentang sebab dirinya berada dalam kesusahan sebagai rakan jalanan. R1 menyatakan "*sejak arwah mak saya meninggal, ada perkara sedikit yang berlaku antara saya dan adik-beradik, jadi saya bawa diri ke sini.*" Perkara ini perlu diambil perhatian dan tidak dipandang sepi oleh setiap individu yang beragama Islam. Institusi keluarga sangat penting dalam pembentukan seorang individu Muslim. Sebagaimana yang telah disebut oleh pengkaji pada bab ketiga dalam kajian ini, setiap ahli dalam sesebuah keluarga perlu menyemai sifat sabar dalam diri masing-masing demi menjalani kehidupan rumah tangga yang diredai Allah SWT. Keluarga merupakan insan yang sangat rapat dan sentiasa ada di sisi, maka hubungan kekeluargaan perlu dibajai dengan sifat-sifat mahmudah. Jika hubungan ini rosak, maka rosaklah individu yang berada di dalamnya. Lantas ia memberi kesan kepada masyarakat, negara dan yang utamanya ialah kepada pandangan masyarakat terhadap agama Islam. Oleh itu, setiap

individu Muslim perlu sedar bahawa pasangan dan anak-anak merupakan ujian buat dirinya.²²⁷ Maka, lazim baginya untuk berusaha menangani ujian tersebut dengan sebaiknya.

Faktor yang kedua yang menjadikan seseorang sebagai rakan jalanan ialah sifat lalai dan alpa dengan kesenangan hidup di dunia. Ini berdasarkan jawapan yang diberikan oleh R2 iaitu “*saya dulu banyak sangat berfoya-foya. Ada kerja senang sikit, saya lupa diri. Pakcik ada empat isteri. Biasalah dik, bila banyak duit, hidup tak ada masalah, kita ikut je nafsu. Tak kisah orang nak cakap apa. Keluarga tegur pun, saya buat tak kisah. Bila dah terbongkar semua, saya kena maki hamun, saya tak tahan, saya bawa diri ke Kuala Lumpur.*” Faktor ini merupakan salah satu jenis ujian dalam Islam yang telah dihuraikan oleh pengkaji pada bab kedua dalam kajian ini. Ujian kesenangan yang diberikan oleh Allah SWT adalah untuk melihat tindakan seseorang hamba sama ada dirinya bersyukur atau lupa pada Allah SWT yang memberi kesenangan tersebut. Jawapan daripada R2 ini perlu dijadikan ingatan buat setiap individu yang bergelar Muslim. Sesungguhnya, kehidupan di dunia hanya sementara dan akhirat itu yang kekal selamanya. Ini sebagaimana firman Allah SWT:

﴿١٧﴾ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَى
Al-A‘lā 87:17

Terjemahan: Dan negeri akhirat itu lebih baik dan lebih kekal.

Maka, umat Islam perlu berusaha mempersiapkan diri untuk kehidupan di akhirat kelak tanpa terpedaya dengan keindahan dan permainan dunia. Ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dengan jelas di dalam al-Quran, iaitu:

إِنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ وَإِنْ تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا يُؤْتِكُمْ أَجْرَكُمْ وَلَا يَسْأَلْكُمْ
﴿٣٦﴾ أَمْوَالَكُمْ

²²⁷ Lihat surah al-Taghābun 64:14-15.

Terjemahan: Sesungguhnya kehidupan dunia hanyalah permainan dan senda gurau, jika kamu beriman dan bertakwa, Allah akan berikan ganjaran pahala kepadamu dan Dia tidak akan pernah meminta hartamu.

Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa faktor ketiga yang menjadikan seseorang itu sebagai rakan jalanan ialah pengaruh kawan-kawan dan insan sekeliling. Ini berdasarkan jawapan R3 kepada pengkaji ketika dalam sesi temu bual. R3 berkata “*dulu pakcik kerja senang dekat Kuala Lumpur. Kerja dengan TNB. Bolehlah. Lepas tu pakcik kerja bawa lori. Faham-faham je lah, dik. Bila dah kerja bawa lori, bercampur dengan orang yang macam-macam, kita pun jadi terikut.*” Pengkaji dapat menyatakan bahawa pemilihan sahabat dalam menjalani kehidupan di dunia ini merupakan perkara yang amat penting untuk ditekankan. Setiap individu Muslim perlu bijak dalam memilih sahabat, ini adalah kerana seseorang itu akan terkesan dengan peribadi sahabatnya. Rasulullah SAW bersabda:

المؤمنُ مرآةٌ لأخيه والمؤمنُ أخو المؤمنِ يكفُ عليه ضيعته ويحوطه من ورائه²²⁸

Terjemahan: Orang yang beriman itu merupakan cermin bagi saudaranya dan orang beriman merupakan saudara bagi orang beriman yang lain, dia mencukupkan apa yang kurang dan melindunginya daripada belakang.

Daripada hadis Rasulullah SAW ini meyakinkan umat Islam bahawa peranan seorang sahabat sangat penting dalam membentuk individu Muslim dalam masyarakat Islam. Jika salah memilih sahabat, maka seseorang itu akan terkesan dengan perkara-perkara mazmumah yang ada pada diri sahabatnya. Lantas ia akan membawa dirinya turut terjerumus dalam perkara yang tidak diredai Allah SWT.

²²⁸ Al-Bukhārī, *al-Adab al-Mufrad* (Mekah: Ma'had al-Zayn, 2009), 49. Bāb al-Muslim Mir'ah Akhīhi, no. Hadis 144. Hadis ini bertaraf Ḥasan.

Yang terakhir, faktor yang mendorong seseorang menjadi rakan jalanan adalah kerana kesibukan dalam mengejar harta dunia. Ia selari dengan huraian pada bab kedua dalam kajian ini iaitu apabila Sayyid Ḥussayn Najīb Muḥammad menyatakan bahawa setiap pemberian Allah SWT itu merupakan ujian bagi seseorang hamba. R4 telah menceritakan sedikit sebanyak tentang bagaimana dirinya dan suami menjadi rakan jalanan. Katanya “*dulu pakcik ni masa yang dia ada terlampau padat. Sibuk selalu. Banyak lupa pada Allah. Biasalah, nak. Waktu muda-muda, macam-macam kita nak buat.*” Jawapan yang dinyatakan oleh R4 ini cukup menggambarkan pesanan Allah SWT kepada seluruh hambaNya, iaitu:

وَأَتَّبِعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ
اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾
Al-Qaṣaṣ 28:77

Terjemahan: Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan oleh Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu lupa bahagian kamu di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu. Sungguh Allah tidak suka orang yang berbuat kerosakan.

Ayat ini mengajar umat Islam untuk besederhana dalam setiap satu perkara. Walau apa sahaja usaha yang dilakukan, sama ada untuk bekalan menuju akhirat atau hanya semata untuk kehidupan dunia, individu Muslim perlu menyeimbangkan dua usaha tersebut. Ia bagi mengelakkan dirinya hanya tertumpu pada satu tujuan sehingga lupa bahawa Allah SWT Maha Mengatur setiap satu perkara dalam kehidupan yang sementara ini.

Daripada jawapan-jawapan yang diberikan oleh para responden, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa setiap daripada mereka mengakui bahawa ujian yang diberikan oleh Allah SWT adalah hasil daripada perbuatan yang dilakukan oleh manusia itu sendiri. Ia tidak terhad hanya kepada perkara-perkara jahat yang dilakukan, malah kealpaan dan kelalaian

dengan dunia juga mengundang kepada ujian yang seterusnya juga. Kesemua responden mengakuinya dengan nada penyesalan atas kegagalan melalui ujian pada masa lampau.

4.3.1.2 Lumrah Ujian Kesusahan

Sebagaimana yang telah disentuh oleh pengkaji pada bab kedua dalam kajian ini, kemiskinan merupakan salah satu jenis ujian yang Allah berikan kepada umat manusia. Ujian ini merupakan ujian utama yang dihadapi oleh responden bagi kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Melalui temu bual yang telah dijalankan, pengkaji dapat mengetahui ujian-ujian sampingan yang dihadapi oleh mereka apabila menjadi seorang rakan jalanan.

Antara sunnah ujian kesusahan ialah yang pertama kemiskinan. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh R1 apabila ditanya pandangannya terhadap keadaan dirinya sebagai seorang rakan jalanan. R1 mengatakan *“kadang fikir tentang nasib hidup ni. Rasa susah sangat bila jadi orang miskin.”* Begitu juga yang dinyatakan oleh R4 yang mengakui tentang kesusahan yang dihadapi. Katanya *“tapi betullah tu, cuma sekarang je kami susah sikit. Gelandangan macam kami ni, dah selalu kena halau. Tak boleh nak duduk lama dah dekat masjid-masjid.”* Inilah hakikat ujian kemiskinan yang diberikan oleh Allah SWT. Seseorang itu akan merasakan kesusahan dalam banyak perkara untuk meneruskan kehidupannya. Susah untuk mendapatkan makanan, pekerjaan, tempat tinggal, tempat ibadah dan teman akrab.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang Islam kita perlu meyakini bahawa pada setiap kesusahan yang Allah berikan akan ada kesenangan. Ia perlu disemat dalam setiap jiwa individu Muslim tentang kasih sayang Allah SWT ini. FirmanNya:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

Al-Sharh 94:5-6

Terjemahan: Maka sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan, sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan.

Yang kedua, ialah tanggapan buruk daripada insan sekeliling. Perkara ini sering berlaku dalam masyarakat hari ini. Ia bukan hanya melibatkan rakan jalanan, malah ia juga terjadi pada golongan masyarakat yang lain. Perkara ini dapat diketahui berdasarkan jawapan yang diberikan oleh R1 dan R2 dalam sesi temu bual bersama mereka. R1 menceritakan “*bila jadi gelandangan, orang pandang kita ni macam tak bernilai.*” Begitu juga sebagaimana yang disebut oleh R2 iaitu “*tak semua orang boleh duduk sama-sama dengan gelandangan. Baik adik ni, datang tanya khabar. Tak ada lagi orang datang tanya keadaan saya. Pandang pelik ada lah. Layan nak tak nak je. Tahulah kita ni gelandangan.*”

Perkara ini perlu diambil perhatian oleh setiap orang yang beriman kepada Allah SWT. Sesungguhnya, Islam melarang umatnya daripada memandang rendah terhadap manusia lain. Tiada apa yang membezakan setiap individu melainkan hanya ketakwaannya kepada Allah SWT. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾
Al-Hujurat 49:13

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya Kami mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu pelbagai bangsa dan suku agar kamu saling berkenalan. Sesungguhnya yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.

Umat Islam juga perlu saling membantu, menyayangi, dan menghormati antara satu sama lain. Ia bagi mengikuti dan mencontohi apa yang telah disebutkan oleh Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ²²⁹

“Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehinggalah ia mengasihi saudaranya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri.”

Seterusnya yang terakhir, pengkaji mendapati bahawa ujian kemiskinan juga menjadikan seseorang itu sering berada dalam kesedihan dan kesunyian. Ini dapat diketahui melalui jawapan yang diberikan oleh R3 apabila soalan yang sama diajukan kepadanya. Katanya “*lepas isteri pakcik meninggal, hari-hari pakcik sedih. Kalau tak, bolehlah buat kerja sama-sama. Sembang sama-sama. Sekarang rasa sunyi sangat.*” Kesedihan merupakan perkara fitrah yang dianugerahkan oleh Allah SWT apabila berlaku perkara yang bertentangan dengan keinginan sebagai seorang manusia. Walau bagaimanapun, kesedihan perlu diurus dengan sebaiknya agar ia tidak memudaratkan individu Muslim.

Pengkaji mendapati bahawa daripada jawapan yang dinyatakan oleh para responden, mereka merasakan keperitan dan kepayahan dalam menghadapi ujian yang diberi oleh Allah SWT. Status sebagai seorang rakan jalanan membuatkan ujian kesusahan yang dimiliki hadir satu demi satu dalam kehidupan mereka. Keadaan ini perlu dijaga dan disemai dengan keyakinan yang tinggi terhadap Allah SWT dan mencontohi serta mengambil iktibar daripada kisah-kisah insan lain yang diuji oleh Allah SWT sebagaimana yang telah dihuraikan oleh pengkaji dalam bab kedua yang lepas. Dengan bekalan yang ada tersebut, akan menjadikan jiwanya lebih kuat dan dadanya lebih lapang dalam mengharungi ujian-ujian tersebut sebagaimana firman Allah SWT:

²²⁹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyāḍ, 2011), 11. Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Īmān, Bāb min al-Īmān an Yuhibba li Akhīhi Mā Yuhibbu li Nafsihi, no. Hadis 13 dan Muslim al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyāḍ, 2010), 107. Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Īmān, Bāb al-Dalīl ‘alā Anna min Khīṣāl al-Īmān An Yuhibba li Akhīhi al-Muslim Mā Yuhibbu li Nafsihi min al-Khair, no. Hadis 71.

فَإِذَا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَن تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

Al-Baqarah 2:38

Maka barang siapa yang mengikuti petunjukKu, nescaya tidak akan ada kekhawatiran dalam hati mereka dan mereka tidak bersedih hati.

4.3.1.3 Adab Menghadapi Ujian

Setiap ujian yang diberikan oleh Allah SWT perlu diterima dengan hati yang rela dan reda. Ini adalah adab bagi seseorang Muslim dalam menghadapi ujian kehidupan. Selepas menjalankan temu bual bersama rakan jalanan, pengkaji mendapati bahawa penerimaan mereka terhadap ujian sebagai seorang rakan jalanan berbeza antara satu sama lain. Ia dapat disimpulkan kepada dua perkara.

Yang pertama, pengkaji melihat bahawa sebahagian daripada mereka sukar berlapang dada untuk menerima ujian yang dihadapi. Ini adalah kerana mereka masih merasai kesusahan dan keperitan hidup sebagai seorang rakan jalanan. Ia dapat dilihat pada jawapan yang dinyatakan oleh R1 dan R2 apabila diajukan soalan adakah mereka rasa selesa dengan keadaan hidup sebagai rakan jalanan. R1 menyatakan “*tidur memang tak lenalah, dik. Tak kisahlah tidur dalam gelap, ada lalat, ada nyamuk, ada tikus, asalkan tak kena tangkap dengan dorang. Selalu tidur-tidur ayam je, nak elak dari kena tangkap.*” Perasaan dan luahan R1 hampir sama seperti yang dijawab oleh R2 iaitu “*tak selesa, dik. Macam mana nak selesa, tidur atas kotak ni dengan sakit tulang belakang. Tidur pun tak lena, jaga-jaga takut ada pegawai yang buat rondaan. Kadang berhari-hari juga lapar. Beratur panjang-panjang nak ambil makanan, sampai giliran kita, dah habis. Tak pun dapat air je. Macam malam ni, tak ada orang datang bagi makanan.*” Daripada luahan responden ini, pengkaji melihat bahawa mereka masih belum dapat menenangkan jiwa dan perasaan mereka terhadap ujian yang dihadapi.

Manakala, yang kedua pengkaji melihat bahawa R3 dan R4 sangat berlapang dada dengan perkara yang menimpa mereka. Masa yang berlalu menjadikan mereka lebih kuat dengan ujian kesusahan tersebut. Malah, terpancar di wajah dan nada suara mereka sebuah ketenangan dan kerelaan pada ujian yang dihadirkan oleh Allah SWT. Ini dapat dilihat daripada apa yang dinyatakan oleh mereka apabila diajukan soalan yang sama. R3 menyatakan *“alhamdulillah. Pakcik lagi senang macam ni. Walaupun sedih dengan hidup pakcik, tapi pakcik tak seteruk orang lain. Dah tak gian dengan dadah dah kira okay dah, dik. Pakcik boleh kerja, sakit pun tak selalu. Makan pun ada hari-hari. Masalah pakcik dekat tempat tinggal je. Bilik sewa mahal. RM370. Pakcik tak mampu nak bayar. Tu pakcik tidur je dekat luar-luar ni.”* Begitu juga apa yang dapat dihayati daripada kata-kata R4 iaitu *“dah masuk lima tahun, nak. Dah jadi biasa kalau tak makan.”*

Sesungguhnya ia merupakan perkara yang sangat mulia yang ada pada diri dua orang responden ini. Kejayaan untuk menenangkan diri bagi menerima ujian Allah SWT dengan berlapang dada merupakan kejayaan yang besar dalam kehidupan di dunia. Ia menjadikan dirinya seorang yang sentiasa tenang, aman dan bahagia walau apa sahaja keadaan yang datang menjengah kerana hatinya yang telah rela dan reda dengan Allah SWT. FirmanNya dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمَطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَادْخُلِي فِي
عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَادْخُلِي جَنَّاتِي ﴿٣٠﴾
Al-Fajr 89:27

Terjemahan: Wahai jiwa yang tenang! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang reda dan diredaiNya. Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambaKu dan masuklah kamu ke dalam syurga.

Maka, daripada dua cara penerimaan yang ditunjukkan oleh para responden, pengkaji mendapati bahawa adab dalam menghadapi sesuatu ujian perlu dititikberatkan oleh setiap

individu Muslim sebagaimana yang telah digariskan oleh para ulama' yang telah pengkaji huraikan pada bab ketiga. Ia perlu diterapkan dalam jiwa agar seseorang itu akan bertindak dengan tindakan yang baik dan berlapang dada apabila ujian datang menjengah dalam hidupnya.

4.3.1.4 Hakikat Ujian

Sebagaimana yang telah pengkaji sentuh pada bab yang kedua, ujian merupakan perkara yang lazim hadir dalam hidup setiap manusia tanpa ada yang terlepas daripadanya. Tanpa ujian, hubungan seseorang hamba dengan penciptaNya akan sentiasa renggang malah berkemungkinan akan menjadikan hubungan tersebut sepi tanpa ada komunikasi daripada hamba kepada penciptaNya. Pengkaji mengambil kesempatan mengajukan soalan kepada para responden untuk mengetahui kepercayaan mereka terhadap hakikat ujian hidup di dunia.

Hakikat ujian Allah SWT yang pertama ialah setiap manusia itu sentiasa dalam keadaan diuji oleh Allah SWT. Ia tidak hanya tertumpu pada golongan tertentu seperti para nabi, orang yang berilmu atau orang yang tinggi takwanya. Maka dengan hakikat ujian ini, setiap individu Muslim perlu sentiasa menyedari bahawa dirinya sedang diuji oleh Allah SWT. Perkara ini juga diyakini oleh R1 dan boleh dilihat pada jawapannya apabila ditanya tentang hakikat ujian iaitu *“ya, dik. Semua orang atas dunia ni semua dalam keadaan diuji. Abang-abang dan kakak-kakak saya pun macam tu juga. Mereka kalah dengan ujian harta sampai sanggup buang saya daripada senarai adik-beradik.”*

Hakikat yang kedua ialah ujian Allah SWT terdiri daripada kesenangan dan kesusahan sebagaimana yang telah disentuh oleh pengkaji pada bab yang kedua.²³⁰ Ia membawa maksud terdapat sebahagian manusia yang diuji dengan kekayaan, kejayaan

²³⁰ Sa'id Hawwa, Induk Pensucian Diri, terj. Syed Ahmad Semait dan M.Abdai Rathomy (Singapura: Pustaka Nasional Singapura, t.t), 948.

mahupun kepandaian dan pada masa yang sama terdapat sebahagian yang lain diuji dengan kemiskinan, kesedihan, kegagalan atau kejahilan. Ini diakui oleh R2 sebagaimana yang dijawabnya iaitu “*ya, dik. Ni memang ujian untuk saya. Waktu senang, lupa diri. Dah susah, baru tahu macam mana susahny nak makan, nak tidur.*” Maka, setiap individu Muslim perlu sentiasa berwaspada dengan ujian yang Allah berikan agar dirinya sentiasa bersyukur dengan ujian kesenangan yang hadir serta bersabar dengan ujian kesusahan yang datang menjengah.

Ujian juga hakikatnya ia menguatkan jiwa dan raga manusia. Ia adalah untuk menjadikan seseorang itu lebih baik daripada keadaannya yang sebelum.²³¹ Hakikat ini dapat dilihat daripada apa yang dialami oleh R3, walaupun dirinya susah dengan ujian tetapi tetap kuat meneruskan kehidupan. Katanya “*walaupun diuji dengan sakit-sakit sikit, tapi pakcik gagahkan juga untuk kerja. Nak cari makan.*” Maka, ujian sewajarnya perlu sentiasa dipandang pada sudut positif agar seseorang yang berada dalam ujian dapat meneruskan perjalanan kehidupannya dengan baik malah menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

Yang terakhir, ujian merupakan satu wasilah bagi seseorang itu memperoleh sesuatu kebaikan. Allah tidak menyusun sesuatu perkara melainkan padanya sentiasa ada hikmah dan kebaikan yang disediakan kepada hamba-hambaNya. Ini seiring dengan perkara yang telah dikaji pada bab kedua.²³² Begitulah yang diyakini oleh R4 apabila dikatakan “*biasalah ujian sikit-sikit tu, Allah nak uji bukan Dia nak hina kita. Tapi Dia nak buat kita jadi lagi rapat dengan Dia.*” Ia sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis:

²³¹ Ibrāhīm al-Sāmarrā’ī et al., *al-Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī* (Paris: Larousse, 1988), 176.

²³² Muḥammad Ṣāliḥ bin al-‘Uthaymin, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ṭahirān: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 2008), 7:310.

“Barang siapa yang Allah SWT menghendaki kebaikan pada dirinya, maka Dia akan menimpakan bencana kepadanya.”

Maka, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa setiap responden mengetahui hakikat hidup di dunia ini pastinya diiringi dengan ujian Allah SWT. Mereka juga mengetahui bahawa ujian-ujian Allah SWT itu bukan hanya terhadap kesusahan, malah kesenangan juga adalah salah satu daripada cabang-cabang ujian kehidupan. Di samping itu, pengkaji melihat bahawa mereka menginsafi atas ujian yang mereka hadapi tanpa menyalahkan takdir yang ditentukan oleh Allah SWT dalam hidup mereka di dunia ini.

Akhirnya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa para responden mempunyai pengetahuan asas tentang ujian Allah SWT dalam kehidupan seharian. Mereka juga menerima ujian tersebut dengan bersangka baik terhadap Allah SWT walaupun pada awalnya terdapat sebahagian daripada mereka yang sedih dengan masalah kehidupan yang dialami. Tambahan pula, kesemua daripada mereka masih berusaha untuk mengeluarkan diri mereka daripada kesusahan dan kepayahan hidup yang dihadapi sepanjang menjadi seorang rakan jalanan.

4.3.2 Kefahaman Berkenaan Konsep Sabar dalam Islam

Sebagaimana yang telah pengkaji nyatakan sebelum ini, para responden tidak mendapat pendidikan agama secara formal di mana-mana institusi pendidikan. Walaupun begitu, mereka memiliki pengetahuan tentang sifat sabar secara asas. Dengan pengetahuan tersebut, ia membantu para responden untuk mengaplikasikannya secara baik dalam mendepani ujian

²³³ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2011), 920. Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Mardā, Bāb mā Jā’a fī Kaffārah al-Maraḍ, no. Hadis 5645.

dan dugaan yang mereka hadapi. Ini dapat dilihat berdasarkan kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh para responden seperti berikut:

4.3.2.1 Kefahaman Terhadap Bahagian-bahagian Sabar

Sabar merupakan sifat yang agung yang amat diperlukan dalam segenap hidup seseorang. Ia sama ada sabar dalam melaksanakan kebaikan mahupun sabar dengan meninggalkan kejahatan. Sabar merupakan proses menguatkan jiwa demi memastikan fizikal menjadi lebih kuat untuk menjalani kehidupan.²³⁴ Ini adalah sebagaimana yang telah dihuraikan oleh pengkaji pada bab ketiga dalam kajian ini.

Antara bahagian-bahagian sabar yang dapat pengkaji singkapkan daripada responden ialah yang pertama sabar dalam menghadapi orang sekeliling. Ini sebagaimana yang disebutkan oleh R1 iaitu “*bila jadi gelandangan, orang pandang kita ni macam tak bernilai.*” Begitu juga yang disebutkan oleh R2, “*susah dik jadi gelandangan, ni. Orang layan kita macam sampah.*” Bahkan R3 menyatakan “*gelandangan macam kami ni, dah selalu kena halau. Tak boleh nak duduk lama dah dekat masjid-masjid.*” Sudah sunnatullah hidup di muka bumi ini bertemu dengan pelbagai jenis sifat dan perangai manusia kerana wujudnya kepelbagaian bangsa dan kaum. Tetapi perkara yang perlu ditekankan ialah tujuan Allah SWT mencipta kepelbagaian ini adalah demi mewujudkan komunikasi antara manusia untuk saling berkenalan antara satu sama lain.²³⁵ Maka, tidak sewajarnya perbezaan dan kepelbagaian ini membuatkan seseorang itu memperkecilkan atau menghina insan lain sebagaimana yang dihadapi oleh para rakan jalanan.

²³⁴ Lihat Kāid Qar’ūsy et al., *al-Akhlāq fī al-Islām* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2015), 119. Lihat juga ‘Abd al-Rahmān Ḥabannakah al-Maydanī, *al-Akhlāq al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, (Damshik: Dār al-Qalam, 1996), 2:120 dan 503. Lihat juga Dr. Aḥmad al-Sharbāsī, *Mausū‘ah Akhlāq al-Qur’ān*, (Beirut: Dār al-Jīl, 1995), 1:191.

²³⁵ Lihat surah al-Hujurat 49:13.

Yang kedua ialah sabar dalam menghadapi kesusahan dan keperitan hidup. Ia adalah dengan berlapang dada terhadap ujian yang berlaku lalu dirinya menguatkan keyakinan terhadap Allah SWT tanpa menyalahkan takdirNya. Apabila sifat sabar ini dapat disemai, maka kehidupan akan menjadi lebih tenang dan seseorang itu dapat meneruskan hari-harinya dengan baik. Ini dapat dilihat pada diri R3 apabila dia menyatakan “*sedih, sunyi. Tapi tak boleh nak buat apa. Kena sabar je lah.*”

Pengkaji melihat bahawa para responden sangat kuat menahan keperitan dalam hati. Pelbagai perkara yang menimpa mereka menjadikan mereka lebih tabah untuk menghadapi ujian dari insan sekeliling. Kesabaran ini bukan perkara yang biasa dan mudah kerana tidak semua manusia mampu bersabar dengan tohmahan masyarakat ke atas dirinya. Mereka tidak berdendam dan juga tidak membalas kejahatan tersebut dengan perkara yang serupa. Sesuai dengan sabda Rasulullah SAW:

إِتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ وَأَتَّبِعِ السَّبِيَّةَ الْحَسَنَةَ تَمَّحُهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ²³⁶

“Bertakwalah kamu kepada Allah walau di mana sahaja kamu berada dan balaslah kejahatan dengan kebaikan serta berakhlaklah dengan manusia dengan akhlak yang baik.”

4.3.2.2 Penghayatan Sifat Sabar

Sifat sabar perlu dihayati dalam kehidupan seharian dengan sebaiknya. Jika tidak, ia hanya menjadi ilmu dan pengetahuan yang dipelajari dan diketahui tetapi tidak memberi manfaat kepada diri seseorang apabila dirinya diuji. Ia sebagaimana yang disebut pada pepatah arab iaitu “ilmu tanpa amal ibarat pohon yang tidak berbuah.” Dalam tempoh observasi dan sesi

²³⁶ Al-Tirmidhī, *Jāmi' al-Tirmidhī*, taḥqīq Abu Tāhir Zubayr 'Alī (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2009), 606. Hadis riwayat al-Tirmidhī, *Abwāb al-Bir wa al-Ṣilah, Bāb mā Jā'a fī Mu'āsharah al-Nās*, no. Hadis 1987. Al-Tirmidhī mengatakan bahawa ia merupakan hadis Ḥasan Ṣaḥīḥ.

temu bual bersama para responden, pengkaji dapat melihat penghayatan sifat sabar dalam diri mereka.

Antaranya ialah mereka sabar menahan kesejukan malam, sabar dengan kekurangan kelengkapan hidup, sabar menerima layanan kurang baik daripada masyarakat, sabar dengan pendapatan yang tidak mencukupi dan sabar mencari tempat berteduh pada setiap hari yang dilalui.²³⁷ Penghayatan mereka juga terlihat apabila pengkaji menjalankan sesi temu bual bersama mereka. R1 menyatakan “*saya ni kalau tak sabar, mungkin saya dah bunuh diri.*” Kesabaran yang ada pada R1 ini sangat tinggi kerana kuatnya ketahanan jiwa dalam melalui hari demi hari yang penuh dengan kesukaran. Begitu juga seperti R2 yang mengatakan “*ini sebab tahankan hati ni je, dik.*”

Usaha untuk menghayati sifat sabar akan menyelamatkan seseorang daripada perkara-perkara negatif yang lain²³⁸ sebagaimana yang telah pengkaji nyatakan dalam perbincangan pada bab ketiga. Ia dapat dilihat pada pernyataan R3 yang mengatakan “*dik, sabar je yang jadikan pakcik boleh dekat sini sampai sekarang. Kalau ikutkan, pakcik boleh je jadi macam orang lain. Tak kerja, tak terurus. Tapi fikir pasal kehidupan, pakcik kena teruskan untuk diri sendiri.*” Perkara ini membuktikan bahawa Allah SWT sentiasa menjaga dan memelihara golongan yang sentiasa bersabar terhadap ujian yang diberikan oleh Allah SWT.²³⁹ Ia selari dengan huraian pengkaji pada bab ketiga dalam kajian ini. Ia juga sebagaimana firmanNya di dalam al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

²³⁷ Ini merupakan hasil observasi yang dijalankan oleh pengkaji selama sebelas bulan iaitu bermula pada bulan Februari 2017 sehingga Disember 2017.

²³⁸ Kasmuri Selamat, *111 Wasiat Rasulullah SAW untuk Wanita Solehah* (Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise, 1995), 50.

²³⁹ Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi*, terj. Bahrn Abu Bakar, Drs. Hery Noel Aly dan K. Anshori Umar Sitanggal (Indonesia: CV. Toha Putra Semarang, 1992), 22-24: 282.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bersabar.

Yang terakhir, seseorang itu mampu untuk mengharungi sesuatu ujian apabila pergantungannya kepada Allah SWT kukuh dan utuh. Dirinya akan terarah untuk terus bersabar dengan setiap susunan kehidupan yang diberikan kepadanya.²⁴⁰ Maka, setiap individu Muslim perlulah membersihkan hatinya daripada perkara-perkara yang tidak disukai oleh Allah SWT agar sifat sabar dapat dipupuk dalam jiwanya yang murni. Pengkaji dapat melihat perkara ini daripada kehidupan R4 dan cara komunikasinya bersama pengkaji ketika ditemu bual. R4 menyatakan “*semuanya sebenarnya letak pada hati. Kalau pergantungan kita pada Allah tu kuat, in shaa Allah kita sendiri boleh kuat.*” Benarlah kata Rasulullah SAW:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً، إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ
الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ²⁴¹

Ketahuiilah! Sesungguhnya dalam tubuh itu ada seketul daging. Jika daging itu baik, maka baiklah seluruh tubuhnya. Jika daging itu rosak, maka rosaklah seluruh tubuh. Ketahuiilah bahawa daging itu ialah hati.

Jawapan-jawapan yang diberikan oleh kesemua responden ini dapat pengkaji simpulkan bahawa mereka benar-benar berusaha untuk menghayati sifat sabar dalam kehidupan mereka sebagai seorang rakan jalanan. Keyakinan dan keteguhan kepercayaan kepada Allah SWT membuatkan mereka tetap utuh meneruskan kehidupan sebagai seorang

²⁴⁰ Syaikh Abī Ṭālib Muḥammad bin ‘Alī al-Makkī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Wasf Tariq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* (t.tp., Dār al-Fikrī, t.t), 1:194.

²⁴¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2011), 18 dan Muslim al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2010), 582. Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Īmān, Bāb Faḍl Man Istabra’ li Dīnihi, no. Hadis 52 dan Muslim, Kitāb al-Musāqāh wa al-Muzāra‘ah, Bab Akhz al-Ḥalāl wa Tark al-Syubuhāt, no. Hadis 1599.

Islam. Sifat sabar yang mereka miliki juga menzahirkan ketenangan dan penerimaan mereka terhadap setiap satu susunan takdir Allah SWT kepada diri mereka.

4.3.2.3 Hakikat Sabar

Umat Islam yang sedar akan hakikat ujian akan berusaha menghadapinya dengan baik dan sempurna mengikut ajaran Islam. Sebagaimana yang disebut pada bab sebelum ini, ujian kesenangan yang Allah SWT hadirkan adalah untuk menguji sifat syukur pada hambaNya dan ujian kesusahan adalah untuk menguji sifat sabar.²⁴² Daripada hasil temu bual yang dilakukan, pengkaji melihat bahawa mereka mengetahui dan menerima hakikat bahawa setiap manusia yang ditimpa kesusahan perlu bersabar terhadapnya. Ini berdasarkan apa yang dijawab oleh R2 dan R3 apabila diajukan soalan kepada mereka tentang perkara yang perlu dilakukan ketika menghadapi ujian Allah SWT. Mereka memberi jawapan yang sama iaitu *“kena sabar je lah.”*

Begitu juga penerimaan R1 apabila berfikir tentang keadaan dirinya, dia menyebut *“Ya Allah... berat sangat ujian yang Kau bagi pada aku. Ya Allah... kuatkanlah aku.”* Ini membuktikan huraian pengkaji pada bab sebelum ini bahawa pada setiap ujian kehidupan mempunyai penyelesaian dan jalan untuk memperoleh ketenangan. Hanya dengan mengadu kepada Allah SWT jiwa akan menjadi lega dan lapang daripada kesempitan dan kecelaruan fikiran.²⁴³ Itulah yang dijanjikan oleh Allah SWT dalam al-Quran, iaitu:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾
Al-Ra‘du 13:28

²⁴² Al-Sayyid Ḥusayn Najīb Muḥammad, *Kaifa Tuwājihu al-Ibtilā’* (Lubnan: Dār al-Hādī, 2003), 11-12.

²⁴³ Syaikh ‘Abd al-Qadir al-Jilani, *Percikan Cahaya Ilahi*, terj. Arief B. Iskandar (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2001), 60.

Terjemahan: Iaitu orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenteram.

Yang terakhir, hakikat sabar adalah untuk mengembalikan diri seseorang itu kepada Allah SWT. Dengan ujian, ia akan menjadikan individu Muslim mengakui dan menyedari bahawa setiap urusan kehidupannya adalah di bawah pengurusan Allah SWT sebagaimana yang telah dihuraikan pada bab sebelum ini.²⁴⁴ Lantas, jiwanya akan sentiasa meminta dan memohon pertolongan daripadanya atas keperitan hidup yang dilalui. Pengkaji mendapati bahawa R4 juga mengakui perkara ini apabila dirinya mengatakan “*Allah dah uji ni, Dia nak kita sentiasa dengan Dia.*” Maka, umat Islam perlu sentiasa mengetahui bahawa Allah hadirkan ujian dalam kehidupan ini adalah untuk menjadikan kita lebih baik dan bertambah erat denganNya.

Hasil daripada temu bual ini, pengkaji mendapati bahawa para responden mengakui bahawa ujian kehidupan perlu dilalui dengan penuh kesabaran. Penyerahan diri kepada Allah SWT dan sifat sabar dalam diri seseorang itu amat penting dalam menjalani ujian kehidupan tersebut. Ia memelihara mereka untuk terus bersangka baik terhadap Allah SWT.²⁴⁵ Akhirnya, para responden mengetahui bahawa dalam hidup ini memerlukan kepada kesabaran. Ini selari dengan huraian pengkaji pada bab ketiga dalam kajian ini. Sebahagiannya mengetahui bahawa sabar juga diperlukan pada perkara selain daripada kesusahan. Mereka mengaplikasikan sifat sabar dengan berusaha menahan keperitan hati, perbuatan kurang baik orang sekeliling terhadap mereka dan menerima apa sahaja pemberian orang tanpa memilih-milih.

²⁴⁴ Ibrāhīm al-Sāmarrā'ī et al., *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsī* (Paris: Larousse, 1988), 176.

²⁴⁵ Sa'id Hawwa, *Induk Pensucian Diri*, terj. Syed Ahmad Semait dan M. Abdai Rathomy (Singapura: Pustaka Nasional Singapura, t.t), 949.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh para responden sepanjang sesi temu bual pengkaji bersama mereka, pengkaji dapat membuat beberapa rumusan tentang mereka. Ini adalah bagi menjawab persoalan ketiga bagi kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Persoalan kajian tersebut ialah “Adakah rakan jalanan Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur memahami konsep sabar terhadap ujian Allah SWT?” Antara rumusan-rumusan tersebut ialah:

Kesemua responden tidak mengetahui definisi ujian secara teori.²⁴⁶ Mereka tidak mampu untuk menyampaikannya secara ilmiah. Mereka mengetahui elemen-elemen yang berkaitan dengan konsep ujian seperti jenis-jenis ujian kehidupan yang terdiri daripada kesusahan dan kesenangan serta hakikat ujian yang merupakan susunan dan pemberian Allah SWT. Para responden juga tidak mengetahui definisi sabar secara teori.

Mereka mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan sifat sabar dalam menghadapi ujian Allah SWT. Ketiadaan ilmu secara mendalam tentang sifat sabar tidak menghalang mereka untuk beramal dengannya. Perkara ini dapat dilihat apabila para responden mampu bertahan dalam mendepani ujian yang hadir dalam hidup mereka tanpa menyalahkan takdir Allah SWT.

Di samping itu, dengan sifat sabar yang ada dalam diri mereka membuatkan mereka sentiasa bertahan daripada berdendam atau membalas kejahatan yang telah dilakukan kepada diri mereka sebagai seorang rakan jalanan. Kesabaran yang mereka miliki juga terlihat apabila mereka tetap berusaha melakukan sesuatu demi mengeluarkan diri mereka daripada

²⁴⁶ Pengkaji membuat rumusan pertama ini berdasarkan temu bual yang telah dijalankan bersama para responden. Mereka mengakui bahawa tidak mendapat didikan agama yang baik dan formal. Malah, terdapat daripada mereka yang risau pada permulaan temu bual kerana dirinya tidak mampu untuk meneruskan temu bual jika ditanya tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan ajaran agama Islam.

ujian yang hadir seperti bekerja untuk mendapatkan pendapatan. Mereka juga mempunyai pergantungan terhadap Allah SWT.

Sifat sabar yang ada dalam diri mereka menjadikan diri mereka terjaga dan terpelihara daripada unsur-unsur negatif seperti pengaruh dadah, zina dan murtad. Nilai-nilai positif ini sudah pasti tidak terhasil secara tiba-tiba dalam diri seseorang melainkan ianya pasti lahir dari kefahaman atau keyakinan yang sangat jitu terhadap kepercayaan agama khususnya bersabar dengan setiap perkara yang disusunkan oleh Allah SWT kepada diri mereka. Maka, jelaslah di sini bahawa kefahaman dan keyakinan golongan rakan jalanan menjadikan diri mereka terus bersabar dengan ujian Allah SWT.

BAB 5: RUMUSAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab kelima iaitu bab penutup ini merupakan bab khusus bagi pengkaji untuk membuat rumusan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Ia merupakan rumusan bagi hasil kajian pada bab kedua, ketiga dan keempat. Pengkaji merumuskan setiap maklumat yang diperoleh agar ia dapat disimpulkan dengan baik dan sempurna. Rumusan dibuat berdasarkan tiga persoalan kajian yang telah disenaraikan oleh pengkaji pada permulaan kajian iaitu pada bab yang pertama. Maka, rumusan yang dibuat oleh pengkaji adalah yang pertama, pengkaji merumuskan konsep ujian Allah SWT dalam Islam dan bentuk ujian yang dihadapi oleh gelandangan. Yang kedua, rumusan berkaitan dengan konsep sabar dalam Islam dan kepentingannya kepada rakan jalanan. Yang ketiga iaitu yang terakhir merupakan rumusan tentang pemahaman rakan jalanan terhadap sifat sabar dalam menghadapi ujian kehidupan.

Selain daripada itu, pengkaji juga menyenaraikan beberapa implikasi kajian dalam bab yang terakhir ini. Ia merupakan saranan-saranan kepada beberapa pihak yang mempunyai hubung kait yang kuat dalam permasalahan isu rakan jalanan ini. Ia demi menghasilkan impak yang lebih positif dan berkesan bagi membantu para rakan jalanan menghadapi ujian-ujian kehidupan yang dihadapi oleh mereka saban tahun.

Di samping itu, cadangan bagi kajian susulan juga dikemukakan bagi pengkaji-pengkaji yang akan datang. Ia adalah demi memastikan kelangsungan dan kesinambungan kepada kajian yang telah diperoleh oleh pengkaji ketika menjalankan kajian ini. Pengkaji juga menyenaraikan beberapa masalah-masalah yang dihadapi sepanjang menyiapkan kajian ini.

Ini adalah supaya pengkaji yang akan datang dapat menghindari dan berhati-hati dengannya supaya dapat menyelesaikan kajian dan penyelidikan dengan baik dan sempurna.

5.1 Rumusan

Secara umumnya, pengkaji mendapati bahawa sifat sabar merupakan elemen yang sangat penting untuk dimiliki oleh setiap insan yang bergelar Muslim. Kehidupan di dunia yang tidak pernah sunyi dengan ujian-ujian Allah SWT memerlukan kepada setiap Muslim untuk bersedia dengan kekuatan dan keteguhan jiwa. Tanpa sifat sabar yang utuh, seseorang Muslim akan goyah dengan ujian yang datang dalam kehidupannya. Jiwanya ampuh dan rapuh serta tidak utuh untuk menghadapi ujian Allah SWT. Lantas ia akan memberikan kesan yang negatif kepada diri dan kehidupannya di dunia ini. Malah, lebih malang lagi apabila ia memberikan kerugian yang sangat besar kepada dirinya di akhirat kelak kerana kegagalannya untuk menyemai sifat sabar dalam menghadapi setiap satu ujian dan dugaan yang Allah berikan kepada dirinya.

Bagi persoalan kajian yang pertama, ia telah terjawab di dalam bab dua bagi kajian ini. Di dalam bab dua tersebut, pengkaji menghuraikan beberapa perkara yang berkaitan dengan ujian Allah SWT. Tajuk-tajuk kecil yang telah dihuraikan oleh pengkaji dalam bab dua merupakan perkara-perkara yang dilihat penting untuk diketahui dan difahami dengan lebih mendalam oleh umat Islam seluruhnya. Tajuk-tajuk kecil tersebut adalah berkisar tentang ‘definisi ujian Allah SWT’, ‘dalil al-Quran dan Hadis berkaitan ujian’, ‘jenis-jenis ujian’, dan ‘kisah-kisah ujian untuk dijadikan pedoman.’ Pada pengakhiran bab ini, pengkaji juga mengemukakan tajuk kecil ‘bentuk ujian yang dihadapi oleh rakan jalanan’. Pengkaji berpandangan bahawa elemen-elemen asas inilah yang harus didedahkan kepada masyarakat awam. Ia merupakan ilmu dan pengetahuan yang bersifat asas tetapi amat penting untuk

diselami oleh setiap individu Muslim. Pengkaji telah membuat rumusan berkenaan konsep ujian Allah SWT.

Definisi ujian menurut Islam amat penting untuk diketahui dan difahami oleh setiap individu Muslim. Ini adalah kerana definisi ujian yang diyakini oleh masyarakat awam tidak selari dengan apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Islam. Kebanyakan masyarakat hanya mengetahui bahawa ujian merupakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesusahan, kepayahan dan keperitan yang dilalui ketika hidup di dunia. Tetapi, hakikatnya ujian merupakan satu perkara yang lebih luas daripada itu.

Perkataan ujian amat banyak dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Malah, ia juga disebut oleh Rasulullah SAW pada banyak situasi ketika hayatnya di dunia. Ini jelas menunjukkan bahawa ujian merupakan perkara yang sememangnya wujud dalam kehidupan setiap manusia tanpa ada yang terlepas daripadanya.

Sehubungan dengan itu, setiap individu Muslim perlu meyakini bahawa Allah SWT memberikan ujian kepada dirinya sesuai dengan tahap kekuatan dan kemampuan dirinya. Allah SWT tidak akan membebani hamba-hambanya dengan perkara yang di luar kemampuan hamba tersebut. Oleh kerana itu, kita dapat perhatikan setiap manusia itu menerima ujian yang berbeza-beza. Ini adalah demi merealisasikan janji Allah SWT tersebut yang telah dicoretkan di dalam al-Quran yang mulia.

Ujian Allah SWT merangkumi perkara-perkara yang bersifat baik dan buruk. Ia sama ada ujian tersebut adalah berbentuk kesenangan seperti kebahagiaan, kegembiraan, kekayaan, kemewahan, dan kecemerlangan. Ia juga boleh berbentuk kesusahan seperti kesengsaraan, kesedihan, kemiskinan, kegagalan, kelaparan dan keperitan hidup. Allah SWT memberikan ujian-ujian ini adalah dengan dua tujuan utama. Yang pertama, kesenangan dan kenikmatan

yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambaNya adalah untuk menguji sama ada dirinya bersyukur dengan anugerah-anugerah tersebut atau sebaliknya. Yang kedua, kesusahan dan keperitan yang diberikan oleh Allah SWT pula adalah untuk menguji sifat sabar yang ada dalam diri dan jiwa hamba-hambaNya.

Selain itu, umat Islam juga perlu sentiasa mengetahui dan menyedari bahawa hasutan dan godaan syaitan juga merupakan ujian yang amat hebat dalam kehidupan di dunia ini. Ia merupakan ujian yang sering dan sentiasa hadir dalam diri seseorang manusia. Maka, umat Islam perlu sentiasa bersedia dengan keimanan yang teguh dan utuh untuk menghadapi ujian hasutan syaitan.

Hakikatnya, ujian kehidupan merupakan salah satu pemberian Allah SWT untuk seseorang itu kembali kepadaNya. Perkara ini perlu disedari oleh setiap individu Muslim agar ia membantu dirinya untuk menjadi seorang khalifah yang terbaik di muka bumi ini serta di sisi Allah SWT. Dengan ujianlah wujudnya pengembalian dan penyerahan diri kepada Allah SWT. Di samping itu, manusia akan mengakui bahawa setiap perkara di dunia ini adalah berasal daripada ketentuan dan penyusunan daripada Allah SWT Yang Maha Penyayang.

Allah SWT telah menganugerahkan akal dan iman kepada umat Islam. Maka, pada setiap ujian yang dihadirkan oleh Allah SWT ini perlulah diiringi dengan muhasabah dan sentiasa berfikir akan hikmah ujian tersebut. Allah SWT tidak akan menguji hamba-hambaNya melainkan ia pastinya ada tujuan dan kebaikan yang ingin diberikan kepada hamba tersebut.

Kesedihan atau kelalaian sering wujud dalam diri seseorang yang sedang diuji oleh Allah SWT. Maka, untuk mengelakkan diri daripada berlebihan berada dalam keadaan tersebut ketika menghadapi ujian, umat Islam digalakkan untuk sentiasa membaca atau mendengar kisah-kisah ujian insan lain. Ia adalah seperti ujian-ujian yang dihadapi oleh para nabi suatu

ketika dahulu, ujian hebat yang dihadapi oleh para sahabat, para ulama' dan insan-insan sekeliling. Ini adalah demi menyemai sifat sabar dan syukur dengan ujian yang dihadapi oleh diri sendiri.

Umat Islam perlulah sentiasa bersangka baik dengan ujian yang diberikan dalam hidupnya. Ia bukan hanya pada ujian-ujian yang besar, malah ujian-ujian kecil yang Allah berikan juga perlu diterima dan dilihat pada sudut pandang positif. Ia adalah demi memelihara keyakinan dan keimanan terhadap Allah SWT.

Persoalan kajian yang kedua pula telah dijawab oleh pengkaji dalam bab yang ketiga daripada kajian ini. Pengkaji menghuraikan perkara-perkara penting yang perlu diketahui dan didedahkan kepada masyarakat tentang konsep sabar. Antara tajuk-tajuk kecil yang diselitkan dalam bab ketiga tersebut ialah 'definisi sabar', 'dalil berkaitan sabar', 'bahagian-bahagian sabar', 'hakikat sabar', 'adab-adab sabar', 'kisah peribadi-peribadi yang sabar' dan 'kepentingan sifat sabar kepada rakan jalanan.' Pengkaji mendapati bahawa setiap satu daripada tajuk-tajuk kecil ini sangat penting untuk diketahui dan dihayati supaya ia dapat diaplikasikan dengan ilmu yang benar dan tepat. Maka, pengkaji telah membuat beberapa rumusan daripada kajian yang telah dijalankan.

Sifat sabar merupakan perkara yang sangat dekat dan sentiasa disebut-sebut oleh masyarakat awam. Walau bagaimanapun, definisi sabar menurut Islam masih perlu diketahui dan dihayati oleh seluruh umat Islam. Ini adalah demi mengecap kejayaan yang hakiki yang sering didamba oleh hamba yang bertakwa iaitu sebagaimana yang disebut oleh Allah SWT, 'sesungguhnya Allah bersama-sama orang-orang yang sabar'.

Sifat sabar bukan hanya menahan jiwa daripada bersedih ketika menghadapi ujian, tetapi ia merupakan satu sifat yang memerlukan kekuatan dan keteguhan jiwa untuk tidak mengadu

tentang ujian yang dihadapi kepada makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT. Ia juga perlu diiringi dengan menahan keinginan untuk marah ketika diuji atau bermasam muka terhadap ujian tersebut.

Umat Islam perlu menyedari bahawa untuk mendapatkan kedudukan di sisi Allah SWT bukanlah suatu perkara yang biasa dan mudah. Definisi sabar perlu diketahui dan berusaha untuk beramal dengannya. Ini adalah kerana untuk mendapatkan perkara yang amat bernilai dan tinggi darjatnya perlulah kepada kesungguhan dan pengorbanan yang besar dalam diri seseorang.

Perkataan sabar juga telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Ia juga terdapat dalam hadis-hadis Rasulullah SAW. Umat Islam meyakini bahawa al-Quran dan hadis merupakan rujukan utama untuk menjalani kehidupan di dunia menuju ke syurga Allah SWT. Maka, sifat sabar yang disebutkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW ini merupakan sifat yang amat penting untuk diketahui, dihayati dan diaplikasikan oleh seluruh umat Islam dalam kehidupan di dunia ini.

Sifat sabar amat diperlukan oleh seseorang individu Muslim ketika menghadapi ujian Allah SWT. Ia adalah demi memastikan dirinya sentiasa bersangka baik dengan ujian tersebut. Tanpa sifat sabar, ujian boleh memudaratkan keadaan seseorang sama ada dari segi dalaman dirinya mahupun luaran.

Di samping itu, sifat sabar juga diperlukan dalam situasi-situasi lain dalam kehidupan sebagai seorang hamba Allah SWT. Ia adalah seperti, seseorang itu memerlukan kesabaran untuk melapangkan masanya dalam mentaati perintah Allah SWT seperti mendirikan ibadah-ibadah wajib dan sunat. Sifat sabar juga perlu ada dalam setiap diri Muslim khususnya golongan yang duduk dalam bidang dakwah. Ini adalah kerana usaha menyebarkan dan

memperkuat Islam dalam diri masyarakat awam merupakan perkara yang sangat susah dan payah. Maka, setiap pendakwah perlu sabar dengan kerenah orang yang didakwahnya serta sabar dalam memahami Islam pada diri mereka.

Selain daripada itu, sifat sabar juga amat penting untuk wujud dalam diri seseorang. Ini adalah kerana tanpa sifat sabar, seseorang itu akan mudah kalah dan mengalah dengan dorongan keinginan nafsu yang memudaratkan. Akhirnya, Islam tidak akan menjadi panduan untuk menjalani kehidupan bahkan ia dipandu pula oleh nafsu yang tidak memberi kebaikan dan manfaat.

Sifat sabar juga amat diperlukan dalam diri seseorang yang sudah berkeluarga. Sabar terhadap pasangan dan anak-anak sangat penting untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Ini adalah kerana mereka merupakan insan yang sentiasa bersama kita, pastinya sangat banyak cabaran dan dugaan yang wujud di antara satu sama lain. Maka, sifat sabar amat dituntut dalam menguruskan hubungan bersama pasangan dan anak-anak. Ia adalah demi mewujudkan sebuah keluarga yang penuh dengan kasih-sayang, hormat-menghormati, bantu-membantu dan saling memahami. Keluarga sebeginilah yang merupakan institusi yang amat penting dalam melahirkan masyarakat Muslim yang sejati di atas muka bumi ini.

Hakikatnya, sabar amat diperlukan dalam segenap ruang kehidupan sebagai seorang hamba Allah SWT. Sifat sabar ini membezakan antara manusia dan jin dengan makhluk-makhluk yang lain yang wujud di muka bumi ini.

Dalam mengaplikasikan sifat sabar, seseorang itu perlu mengetahui adab-adab bersabar. Ia adalah supaya seseorang itu dapat beramal dengan ilmu yang benar dan amalan tersebut tidak menjadi sia-sia. Adab-adab tersebut ialah seseorang itu perlu sentiasa berharap dan memohon pertolongan daripada Allah SWT. Seterusnya, dirinya perlu bersabar dengan

menenangkan jiwa dan tubuhnya daripada melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan anjuran Islam. Ia adalah seperti menjaga lisan daripada menyalahkan takdir, menahan tubuh badan daripada melakukan perkara-perkara yang memudaratkan serta menahan jiwa supaya tidak bersangka buruk terhadap Allah SWT. Yang terakhir, seseorang itu perlulah menyembunyikan ujian atau kesusahan yang dihadapi daripada pengetahuan insan sekeliling.

Adab-adab sabar perlu diaplikasikan oleh seseorang supaya dirinya merasai dan menikmati sifat sabar itu sendiri. Umat Islam amat digalakkan untuk membaca dan mengetahui kisah peribadi-peribadi yang sangat terkenal dengan sifat sabar. Dengan mengetahui kisah-kisah mereka, seseorang itu akan menjadi lebih bermotivasi dan lebih kuat untuk bersabar terhadap ujian-ujian yang dirinya lalui di muka bumi Allah SWT. Malah, dirinya juga akan menjadi lebih bersyukur dengan ujian yang dihadapi oleh dirinya.

Akhirnya, sifat sabar perlu disemat dengan kuat dalam jiwa setiap individu Muslim. Ini adalah demi mengecap kejayaan yang hakiki di dunia dan juga di akhirat kelak. Sesungguhnya Allah SWT sangat sayang dan suka pada hamba-hambanya yang memiliki sifat sabar dalam diri.

Bagi persoalan kajian yang ketiga, kesemua responden tidak mengetahui definisi ujian secara teori memandangkan mereka tidak mempunyai latar belakang pengajian yang sempurna. Ini berdasarkan temu bual yang telah dijalankan bersama mereka. Walau bagaimanapun, mereka mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan sifat sabar dalam menghadapi ujian Allah SWT. Ketiadaan ilmu secara mendalam tentang sifat sabar tidak menghalang mereka untuk beramal dengannya. Perkara ini dapat dilihat apabila para responden mampu bertahan dalam mendepani ujian yang hadir dalam hidup mereka tanpa menyalahkan takdir Allah SWT.

Kesabaran yang mereka miliki juga terlihat apabila mereka tetap berusaha melakukan sesuatu demi mengeluarkan diri mereka daripada ujian yang hadir seperti bekerja untuk mendapatkan pendapatan. Ketiadaan ilmu secara mendalam tentang sifat sabar tidak menghalang mereka untuk beramal dengannya. Perkara ini dapat dilihat apabila para responden mampu bertahan dalam mendepani ujian yang hadir dalam hidup mereka tanpa menyalahkan takdir Allah SWT.

Di samping itu, dengan sifat sabar yang ada dalam diri mereka membuatkan mereka sentiasa bertahan daripada berdendam atau membalas kejahatan yang telah dilakukan kepada diri mereka sebagai seorang rakan jalanan. Kesabaran yang mereka miliki juga terlihat apabila mereka tetap berusaha melakukan sesuatu demi mengeluarkan diri mereka daripada ujian yang hadir seperti bekerja untuk mendapatkan pendapatan.

Selain itu, mereka juga mempunyai pergantungan terhadap Allah SWT. Sifat sabar yang ada dalam diri mereka menjadikan diri mereka terjaga dan terpelihara daripada unsur-unsur negatif seperti pengaruh dadah, zina dan murtad. Nilai-nilai positif ini sudah pasti tidak terhasil secara tiba-tiba dalam diri seseorang melainkan ianya pasti lahir dari kefahaman atau keyakinan yang sangat jitu terhadap kepercayaan agama khususnya bersabar dengan setiap perkara yang disusunkan oleh Allah SWT kepada diri mereka. Maka, jelaslah di sini bahawa kefahaman dan keyakinan golongan rakan jalanan menjadikan diri mereka terus bersabar dengan ujian Allah SWT.

5.2 Implikasi Kajian

Dalam usaha untuk melakukan pemulihan, gabungan kerjasama dan komitmen amat diperlukan daripada semua pihak yang berkaitan. Berdasarkan skop kajian ini, pengkaji melihat terdapat beberapa pihak yang sangat memainkan peranan untuk menjayakan usaha

pemulihan pengaplikasian sifat sabar terhadap ujian Allah SWT dalam kalangan rakan jalanan. Pihak-pihak tersebut ialah yang pertama rakan jalanan itu sendiri, yang kedua ialah pihak kerajaan atau badan-badan bukan kerajaan dan yang terakhir merupakan ahli keluarga. Oleh itu, pengkaji akan membincangkan implikasi kajian dengan mengaitkan ketiga-tiga pihak ini.

5.2.1 Implikasi untuk Rakan Jalanan

Kunci yang paling utama untuk memulihkan keadaan rakan jalanan adalah diri mereka sendiri. Pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan dan memberikan sumbangan yang berkaitan kepada mereka. Ia adalah seperti bantuan tempat tinggal sementara iaitu di Anjung Singgah dan Pusat Transit Gelandangan, makanan dan minuman harian yang diagihkan di beberapa tempat sekitar Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan perkhidmatan dobi untuk membersihkan pakaian rakan jalanan. Maka, diri rakan jalanan itu sendiri juga perlu mempunyai usaha untuk memperbaiki keadaan dirinya.

Antara perkara-perkara yang sewajarnya dititik beratkan oleh para rakan jalanan ialah hubungan mereka bersama Allah SWT. Mereka perlu memastikan bahawa suruhan Allah SWT yang wajib perlu dilaksanakan walau dalam keadaan apa sekali pun. Di samping itu, mereka juga perlu berusaha mendapatkan ilmu-ilmu agama seperti menghadiri ceramah-ceramah percuma di masjid atau surau di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Ini adalah demi memastikan jiwa mereka sentiasa terisi dengan ilmu-ilmu agama lantas memberi kesan yang positif dalam kehidupan seharian mereka. Ia juga adalah demi menyemai sifat-sifat mahmudah dalam diri mereka seperti sifat sabar dalam mendepani ujian kehidupan.

Akhir sekali, para rakan jalanan juga perlu sentiasa berfikir dan berusaha untuk menjadi seorang Muslim yang lebih baik hari demi hari. Ia adalah seperti berusaha dengan bekerja lebih keras untuk keadaan hidup yang lebih baik dan dapat mengeluarkan diri mereka daripada ujian tersebut yang telah dihadapi saban tahun.

5.2.2 Implikasi untuk Kerajaan dan Badan-badan Bukan Kerajaan

Ilmu dan nilai keagamaan yang ada pada para rakan jalanan dilihat pada tahap yang rendah adalah kesan daripada pengisian rohani dan perkongsian ilmu agama yang kurang dalam kehidupan seharian mereka. Maka dengan itu, pengkaji melihat ia amat memerlukan kepada usaha kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan yang lebih aktif dan pelbagai seperti mengadakan hari sukan, pemeriksaan kesihatan berkala dan lawatan sambal belajar untuk anak-anak rakan jalanan di samping meneruskan program-program yang sedia ada yang telah dianjurkan dalam membangunkan nilai rohani dan spiritual dalam kalangan rakan jalanan di Malaysia ini.

Memandangkan kebanyakan golongan rakan jalanan mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza, maka peranan dan perwatakan guru agama yang memberikan perkongsian kepada para rakan jalanan amat perlu dititikberatkan seperti bersifat penyayang, toleransi, memahami, dan amanah dengan rahsia sekiranya diceritakan oleh rakan jalanan. Ia adalah demi memastikan para rakan jalanan dapat menerima ilmu-ilmu asas tentang Islam dengan kefahaman yang baik dan benar serta tidak merasakan wujudnya jurang antara dirinya dengan guru agama tersebut. Perkara ini amat penting supaya pemahaman akidah dan nilai-nilai mahmudah yang dianjurkan oleh Islam dapat diserap dalam diri mereka dengan sebaik mungkin.

5.2.3 Implikasi untuk Keluarga dan Masyarakat

Institusi keluarga dan masyarakat awam juga amat memainkan peranan penting dalam memulihkan keadaan kehidupan seorang rakan jalanan. Penerimaan yang baik terhadap diri seorang rakan jalanan perlu diterapkan dalam diri setiap ahli keluarga dan masyarakat umum. Penerimaan tersebut adalah seperti melayan mereka dengan layanan yang baik dan berhikmah, memberikan dorongan dan kata-kata positif kepada mereka, membantu mereka untuk memperbaiki keadaan kehidupan yang dilalui dan memberi perkongsian-perkongsian agama yang dapat menguatkan pegangan dan amalan seharian mereka. Dengan dorongan dan sokongan yang baik daripada ahli keluarga dan masyarakat awam, pengkaji melihat bahawa ia sedikit sebanyak dapat membantu memulihkan keadaan kehidupan rakan jalanan yang penuh dengan ujian dan pancaroba.

5.3 Saranan Kajian

Secara keseluruhannya, pengkaji melihat bahawa ketiga-tiga objektif kajian yang digariskan pada awal kajian telah tercapai. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati terdapat banyak lagi skop-skop dan aspek-aspek yang lain yang boleh dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang seterusnya. Ia sama ada pada skop perbincangan yang berbeza, kaedah yang berbeza atau tempat yang berbeza. Antara aspek-aspek lain yang boleh dikaji oleh pengkaji-pengkaji akan datang ialah:

5.3.1 Skop Kajian

Bagi kajian yang telah dijalankan ini, ia hanya tertumpu pada sifat sabar terhadap ujian Allah SWT yang wujud dalam diri rakan jalanan sahaja. Maka, pengkaji menyarankan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk membuat kajian pada sifat-sifat lain yang amat penting dan berkait juga dalam situasi seseorang yang hidup sebagai rakan jalanan. Ia adalah seperti sifat syukur, reda dan tawakal. Ini adalah kerana ia merupakan elemen dan

nilai yang wajib ada pada diri seseorang Muslim dalam menempuh kehidupan dunia yang penuh dengan ujian.

5.3.2 Kaedah Kajian

Pengkaji telah menggunakan tiga kaedah asas dalam mengumpulkan maklumat-maklumat bagi menyelesaikan kajian ini. Ia adalah kaedah dokumentasi, observasi dan kaedah temu bual. Maka, pengkaji menyarankan supaya pengkaji akan datang menggunakan kaedah soal-selidik untuk membuat kajian yang seterusnya. Ini adalah kerana dengan kaedah tersebut, pengkaji dapat mendekati responden dengan jumlah yang lebih ramai dan berpeluang mengetahui kehidupan mereka dengan lebih meluas.

5.3.3 Lokasi Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini hanya tertumpu pada sepanjang Jalan Hang Lekiu di Bandaraya Kuala Lumpur. Hakikatnya, terdapat banyak lagi tempat-tempat yang menjadi tumpuan rakan jalanan bagi merehatkan diri mereka ketika hari berganti malam. Pengkaji menyarankan supaya pengkaji seterusnya membuat kajian di institusi khusus yang diwujudkan oleh kerajaan untuk rakan jalanan Kuala Lumpur. Ia adalah seperti di Pusat Transit Gelandangan dan Anjung Singgah yang terletak di tengah-tengah kota raya tersebut. Pengkaji akan datang disarankan untuk mengkaji modul agama yang digunakan di institusi tersebut dan program-program yang dijalankan bagi para rakan jalanan yang menghuni di tempat tersebut.

5.4 Masalah Kajian

Kajian yang mempunyai kaitan dengan rakan jalanan pastinya mempunyai beberapa kesukaran dan kekangan yang perlu dihadapi dan dilalui. Hal ini adalah kerana tidak semua daripada mereka yang bersetuju untuk ditemu bual. Oleh itu, sebagai panduan kepada

pengkaji-pengkaji yang akan datang, di sini pengkaji menyenaraikan beberapa perkara yang boleh diambil tahu seperti:

- a) Perlu membuat pemerhatian awal dan berkala terhadap kehidupan para rakan jalanan sebelum memilih responden dan menjalankan temu bual terhadapnya. Ini adalah kerana mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang kehidupan seperti pernah atau masih terjebak dengan pengaruh dadah, arak, zina dan sebagainya.
- b) Kajian yang dijalankan lebih baik untuk dilakukan pada waktu malam supaya pengkaji dapat mengenal pasti responden dan keadaan lebih tenang dan sesuai untuk menemu bual dan mendapatkan maklumat yang lebih telus dan tulus.
- c) Pengkaji disarankan untuk membawa buah tangan agar temu bual yang dijalankan tidak terhenti secara tiba-tiba. Ini adalah kerana para rakan jalanan sentiasa bersiap sedia dan menanti kehadiran individu-individu atau badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan yang akan memberikan agihan bantuan makanan dan minuman. Maka, dengan buah tangan yang dibawa akan membantu pengkaji menemu bual tanpa ada gangguan sekiranya responden tersebut mengundur diri untuk beratur mengambil agihan makanan yang mana pada kebiasaannya ia memerlukan waktu yang lama.

5.5 Kesimpulan

Pengkaji melihat bahawa sifat sabar sangat penting untuk wujud dalam diri setiap Muslim ketika menghadapi ujian Allah SWT. Pemahaman tentang konsep sabar terhadap ujian Allah SWT sepatutnya dihayati dengan lebih mendalam dalam kalangan masyarakat. Ia adalah kerana permasalahan pegangan akidah yang tidak kuat dan tidak utuh sering berlaku dalam kalangan masyarakat masa kini tidak kira usia dan darjatnya. Salah satu sebab permasalahan ini berlaku adalah kerana pegangan dan kefahaman mereka tentang konsep

sabar tidak selari dengan acuan dan ajaran Islam. Maka disebabkan itu ramai masyarakat yang menjauh daripada Islam apabila datangnya ujian daripada Allah SWT.

Pengkaji dengan merendah diri mengajak individu-individu Muslim yang lain untuk sama-sama mengkaji permasalahan ini dan sekali gus menanamkan konsep sabar dalam diri sendiri dan masyarakat umum. Ia adalah untuk menjaga dan memelihara akidah dan keyakinan masyarakat Muslim terhadap susunan kehidupan yang telah diaturkan oleh Allah SWT kepada kita semua.

Universiti Malaysia

BIBLIOGRAFI

Buku Bahasa Melayu

'Abdullah Basmeih, *Tafsir al-Rahman*, terj. Muhammad Noor Bin Haji Ibrahim (Putrajaya: Department of Islamic Development Malaysia, 2006).

Abdul Aziz Ismail, *Indahnya Akhlakmu kepada Allah* (Rawang: Pustaka Ilmuwan, 2011).

Ahmad bin Muhammad bin 'Ajibah al-Hasani, *Lebih Dekat Kepada Allah: Jangan Asal Beriman*, terj. Abdul Halim (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2007).

Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi* terj. Bahrun Abu Bakar, Drs. Hery Noel Aly dan K. Anshori Umar Sitanggal (Indonesia: CV. Toha Putra Semarang, 1992).

'Ali bin 'Abd al-Rahman al-Kalantani, *Bingkisan Mutiara untuk Menghidupkan Hati Yang Merana* (Singapura: Pustaka Nasional Singapura, 2004).

Aswab Mahasin, *Gelandangan: Pandangan Ilmuwan Sosial* (Jakarta: LP3ES, 1984).

Azhari al-Khalidi, *Qasas al-Anbiya' = Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Per. Utama UM, t.t).

Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006)

Engkus Kuswarno, *Metode Penelitian Komunikasi Contoh-Contoh Penelitian Kualitatif dengan Pendekatan Praktis: Manajemen Komunikasi Pengemis* (Indonesia: PT. RemajaRosdakarya, Bandung, 2008).

Al-Ghazali, *Ayyuhal Walad*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (Kedah: Khazanah Banjariah, 2010).

Al-Ghazali, *Penenang Jiwa: Pengubatan & Rawatan*, terj. Muhammad Qadirun Nur (Cheras: Wholesale-Mart Business Point Sdn. Bhd., 2008).

HM Khairuddin Aman Razali at-Takiri, *Perspektif Islam Terhadap Fungsi Masjid, Perpaduan, Jihad, Peperangan, Jenayah Rogol, Kemiskinan, Poligami dan Musibah* (Selangor: Darul Fuqaha Enterprise, 2006).

Ibn Qudamah, *Jalan Orang-Orang Yang Mendapat Petunjuk*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka al-Kautsar, 1997).

Ibn Qudamah, *Minhaj al-Qasidin*, terj. Kathur Suhardi (Indonesia: Pustaka Kautsar, 1997).

- Ibn Taimiyyah, *Al-'Ubudiyyah*, terj. Mu'ammal Hamidy (Indonesia: PT Bina Ilmu, 1984).
- Isma'il bin 'Umar bin Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, terj. M. Abdul Ghoffar E.M. dan Abu Ihsan al-Atsari (Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2008).
- Jalaluddin Rakhmat, *Meraih Cinta Ilahi: Belajar Menjadi Kekasih Allah* (Indonesia: Pustaka Iman, 2008).
- Al-Jauziyyah Ibn Qayyim, *Sabar Perisai Seorang Mukmin*, terj. Fadli Lc. (Indonesia: Pustaka Azzam, 2000).
- Al-Jilani 'Abd al-Qadir, *Percikan Cahaya Ilahi*, terj. Arief B Iskandar (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2001).
- Kasmuri Selamat, *111 Wasiat Rasulullah SAW untuk Wanita Solehah* (Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise, 1995).
- Khalil al-Musawi, *Surga Kalbu* (Jakarta: Penerbit Lentera, 2006).
- M. Ali Chasan Umar, *Hakekat Sabar dan Pahalanya* (Singapura: al-Haramain PTE. LTD., 1980).
- M.Z. Azmie, *Sabar dan Syukur daripada Perspektif Pengurusan Organisasi* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001).
- Al-Makki Abu Talib, *Quantum Qalbu: Nutrisi Untuk Hati*, terj. Ija Suntana (Indonesia: Pustaka Hidayah, 2008).
- Mohammad Qayyum A. Badruddin, *Kenapa Allah Murka* (Mantin: Exportal Dot Biz, 2008).
- Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc-Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. 2010).
- NY. H. Hadiyah Salim, *Qishasul Anbiya'* (Bandung: PT al-Ma'arif, 1988).
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode* (Tanjung Malim: Penerbit UPSI, 2014).
- Rafiza Mohamed, *Gelandangan: Antara Tret Personaliti dan Religiositi* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2015).
- Sa'id Hawwa, *Induk Pensucian Diri*, terj. Syed Ahmad Semait dan M. Abdai Rathomy (Singapura: Pustaka Nasional Singapura, t.t).

Sa'id Hawwa, *Intisari Ihya' 'Ulumuddin: Mensucikan Jiwa*, terj. Aunur Rafiq Saleh Tamhid (Selangor: Pustaka Dini Sdn. Bhd., 2001).

Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall, 2005).

Al-Qaradawi Yusuf, *al-Quran Menyuruh Kita Sabar*, terj. Thinkers Library (Batu Caves: Thinkers Library Sdn. Bhd., 1994).

Al-Qaradawi Yusuf, *Keindahan Sabar*, terj. Ismail Kamus (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1995).

Al-Qaradawi Yusuf, *Sabar Dalam Islam*, terj. Ramli Awang (Kuala Lumpur: al-Masyhur Sdn. Bhd., 1992).

Zainudin Hashim dan Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden* (Shah Alam: Angkatan Edaran Ent Sdn. Bhd., 2009).

Buku Bahasa Inggeris

Bogdan, R.C. & Biklen, S.K., *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods* (Boston: Allyn & Bacon, 2003).

Gerald Daly, *Homeless: Policies, Strategies and Lives on the Street* (London: Routledge, 1996).

Jill Vincent, Alan Deacon dan Robert Walker, *Homeless Single Men: Roads to Resettlement?* (London: Ashgate Publishing Limited, 1995).

Tim Dant dan Alan Deacon, *Hostel to Homes?* (London: Gower Publishing Company, 1989).

Buku Bahasa Arab

'Abd al-Karīm Zaydān, *Al-Mustafād min Qaṣaṣ al-Qur'ān li al-Da'wah wa al-Du'āh* (Syria: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn, 2014).

Al-Anas, Rajab Nāṣir Mūsā, *Sunnah al-Ibtilā' fī al-Qur'ān al-Karīm* (Palestin: Universiti al-Najaḥ al-Waṭaniah, 2007).

Al-Anṣārī, al-Qurṭūbī Muḥammad bin Aḥmad, *al-Jami' li Aḥkām al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996).

Al-Aṣfahānī, al-Ḥusayn bin Muḥammad, *Mufradāt Alfāz al-Qur'ān* (Damshik: Dār al-'Ilm, 1992).

Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Hady al-Sārī Muqaddimah Fath al-Bārī* (Mesir: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1986).

Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2011).

Al-Dhahabī, *al-‘Ibar fī Khabar Man Ghabar* (Kuwayt: Printing and Publication Dept., 1960).

Al-Dhahabī, *Tazkirah al-Huffāz*, taḥqīq ‘Abd al-Raḥmān bin Yaḥyā al-Mu‘allimī (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1955).

Al-Dhahabī, *Siyar A’lām al-Nubalā’*, taḥqīq Syu’aib al-Arnā’ūt (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1990).

Al-Jauziyyah, Ibn Qayyim, *‘Uddat al-Ṣābirīn wa Dhakhīrat al-Syākirīn* (Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawā’id, 2008).

Al-Nawawī, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn* taḥqīq Abu Ya’qūb al-Miṣrī (Mesir: Dār al-Yaqīn, 2009).

Al-Nawawī, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn* taḥqīq Syu’aib al-Arnā’ūt (Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2001).

Al-Sayyid Ḥusayn Najīb Muḥammad, *Kaifa Tuwājihu al-Ibtilā’* (Lubnan: Dār al-Hādī, 2003).

Al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, taḥqīq Abu Ṭāhir Zubayr ‘Alī (Riyāḍ: Dar al-Salam, 2009).

Al-Hilālī, Salīm bin ‘Ayd, *Bahjat al-Nāzirīn Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* (Mesir: Dār Ibn al-Jauzī, 1997).

Al-Ḥajjāj, Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqīy, (Mesir: Maktabah Fayyād, 2010).

Ibn Kathīr, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’ ‘Ibrah li Uli al-Albāb* (t.tp., t.p, 2000).

Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Beirut: Muassasah al-Rayyān, 2004).

Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A’yān wa Anbā’ Ibnā’ al-Zamān*, taḥqīq Ihsān ‘Abbās (Beirut: Dār Ṣādir, 1978).

Kāid Qar’ūsy et al., *al-Akhlāq fī al-Islām* (Jordan: Dār al-Manāhij, 2015).

Al-Makki, Syaikh Abi Tālib Muḥammad bin ‘Alī, *Qūt al-Qulūb fi Mu‘āmalah al-Mahbūb wa Wasf Tariq al-Murīd ilā Maqām al-Tauhīd* (t.p., Dār al-Fikri, t.t).

Al-Maydani, ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *al-Akhlāq al-Islāmiyyah wa Ususuhā* (Damshik: Dār al-Qalam, 1996).

Muḥammad Sālih bin al-‘Uthaymin, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ṭahirān: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 2008).

Al-Najjār, ‘Abd al-Wahhāb, *Qaṣaṣ al-Anbiyā’* (Lubnan: Dār al-Jīl, 1931).

Al-Qārī, ‘Alī bin Sulṭān Muḥammad, *Raf‘ al-Junāḥ wa Khafḍ al-Janāḥ bi Arba‘in Ḥadīthan fī al-Nikāḥ* (Jordan: Dār ‘Ammār, 1991).

Al-Quḍāh, Amīn Muḥammad dan ‘Āmir Ḥasan Ṣabri, *Dirāsāt fī Manāhij al-Muḥaddithīn* (Jordan: Dār Juhaynah, 2012).

Al-Ṣallābī, ‘Alī Muḥammad Muḥammad, *al-Inshirāḥ wa Raf‘ al-Dīq bi Sīrah Abi Bakr al-Siddīq: Shakhssiyyatuhu wa ‘Aṣruhu* (Mesir: Dār al-Fajr li al-Turath, 2003).

Ṣālih bin ‘Abd al-‘Azīz Ālī, *Mausū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008)

al-Sharbāṣī, Aḥmad, *Mausū‘ah Akhlāq al-Qur‘ān* (Beirut: Dār al-Jīl, 1995).

Syaikh ‘Abdullah Sa‘īd, *Sunnah al-Ibtīlā’* (Afghanistan: Markaz al-Fajr, 2011).

Tesis Dalam Negara

Md. Rizuan bin Amzajah @ Hamzah, “Hubungan Murid dan Mursyid: Kajian Terhadap Pemikiran al-Sha’rani (M.973H) dalam Kitab al-Kawkab al-Shahiq fi al-Farq bayn al-Murid al-Sadiq wa Ghayr al-Sadiq” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

Mohd Nor Adzhar bin Ibrahim, “Karya al-Munabbihat ‘ala al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad: Takhrij dan Analisis” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013).

Rohaida binti Muhammad Dawem, “Kefahaman Mangsa Banjir di Temerloh, Pahang Terhadap Konsep al-Ibtīlā’ dan Kaitannya dengan Pembangunan Sahsia” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

Siti Jamiaah binti Abdul Jalil, “Pengaruh Program Keagamaan dan Sokongan Sosial Terhadap Konsep Kendiri, Kebimbangan dan Kemurungan: Kajian Dalam Kalangan Banduan Wanita di Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017).

Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman, “Konsep Qada’ dan Qadar Di Dalam Islam: Suatu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu Di Bandar Kuantan” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

Prosiding

Kamarul Azmi Jasmi, “Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif” (Kertas Kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350, Johor Bahru, Johor Darul Ta’zim, Puteri Resort Melaka, 28-29 Mac 2012).

Parsudi Suparlan, “The Gelandangan of Jakarta: Politics among the Poorest People in the Capital of Indonesia, Indonesia Cornell Modern Indonesia Project”, 1974 no. 18 (Oct).

Jurnal

Faiza Mohamed e.t al, *Keperluan Gelandangan Terhadap Sistem Sokongan Agama*, (Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Vol 4 Bil 1 2017).

Ḥamdi Mu’ ammar, *al-Tarbiyah bi al-Ibtilā’*, (Jurnal Sains Kemanusiaan Universiti al-Aqsa, Jun 2009).

Kamus/Ensiklopedia

Ibrāhīm al-Sāmarrā’ī et al., *al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi* (Paris: Larousse, 1988).

Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 1994).

Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu’jam al-Wasīṭ* (Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah li al-Ṭibā’ah, 1972).

Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1995).

Laman Sesawang

http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass_vol4bil1_009_rafiza.pdf

<http://lemlit.uhamka.ac.id/files/RingkasanPenelitianSabar.pdf>

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/isu-gelandangan-undang-undang-sedia-ada-memadai-1.296604>

<https://books.google.com.my/books?id=eaPYCQAAQBAJ&printsec=frontcover#v=onepage&q&f=false>

<https://umexpert.um.edu.my/zawawiismail>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/09/330655/gelandangan-kini-dikenalirakan-jalanan>

<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan%20YB%20Menteri/Final%20Teks%20Ucapan%20YBM%20Anugerah%20YKN.pdf>

<https://www.malaysiakini.com/news/396405>

prpm.dbp.gov.my

Universiti Malaya